

## BAB 3

### ***FAJAR SARAWAK 1930 : ISU DAN PERSOALAN***

Dalam keluaran pertamanya, isi kandungan *FS* padat dengan kritikan tersirat dan sarat pula dengan sindiran halus. Pendekatan ini kurang dirasai oleh pembaca kerana cara penyampaianya halus. Ada kalanya, nada *FS* keras dan tajam. Pada dasarnya, isi kandungan *FS* terbahagi kepada tujuh aspek utama. Ia memperlihatkan kesedaran terhadap penjajahan ; kelemahan kepemimpinan Melayu dan pemerintahan Vyner Brooke ; kemajuan dan masa depan Melayu ; perpaduan Melayu dan persaudaraan Islam ; peresapan idea dan pengaruh reformis Islam ; kemunduran ekonomi ; kepentingan ilmu dan pendidikan serta ancaman tanah Melayu.

#### **Kesedaran Dijajah**

Pangiran Muda Hashim<sup>1</sup> mengisyiharkan James Brooke sebagai Gabenor Sarawak pada 24 September 1841, atas jasanya mengembalikan keamanan dan menjalinkan perdamaian

---

<sup>1</sup> Beliau putera kepada Sultan Muhammad Kanzul Alam dan Pangiran Nuralam Pangiran Sri Rama. Pada 1839, Sultan Omar Ali Saifuddin II melantik Pangiran Muda Hashim sebagai wakilnya untuk mencari jalan damai antara Pangiran Indera Mahkota ( wakil Sultan Brunei di Sarawak ) dengan Datu Patinggi Ali. Kegagalan menunaikan amanah Sultan Omar Ali Saifuddin II menyebabkan beliau memohon bantuan James Brooke yang berada di Sarawak pada 29 Ogos 1839. Untuk perbincangan lanjut, rujuk Awang Mohd. Jamil Al-Sufri Awang Umar, "Pangiran Muda Hashim dan James Brooke", Kertas Kerja, Simposium Sejarah Sarawak 2000, 16-17 Ogos, Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Sarawak dan Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak, Kuching, hlm. 1-38.

dengan Datu Patinggi Ali.<sup>2</sup> Untuk mendapatkan sokongan pemimpin Melayu di Sarawak, James Brooke mengekalkan peranan pemimpin Melayu dalam pemerintahannya.

James Brooke mendesak Pangiran Muda Hashim supaya mendapatkan pengiktirafan daripada Sultan Omar Ali Saifuddin II untuk mengukuhan kedudukannya.<sup>3</sup> Pada 1 Ogos 1842, James Brooke beroleh pengiktirafan sebagai Gabenor Sarawak. Namun, kedudukannya masih tidak kukuh kerana mendapat tentangan pemimpin tempatan. Antaranya Pangiran Mahkota, Syarif Sahap, Syarif Mular, Linggi dan Bayang. James Brooke melancarkan serangan terhadap pemimpin tempatan yang enggan tunduk kepadanya. Kejayaan awalnya menundukkan orang Iban Saribas di Padeh, Layar, Rimbas dan Paku pada 1843.

---

<sup>2</sup> Beliau berketurunan Raja Jarum ( Datu Undi ) dari Minangkabau. Beliau mempunyai tujuh orang anak. Anak sulungnya, Datu Permaisuri berkahwin dengan Datu Merpati Jepang, dari Jawa. Lima daripada anaknya menetap di Sarawak iaitu Datu Permaisuri, Datu Kembali, Datu Terawoh, Datu Sabtu dan Datu Makau. Datu Patinggi Ali berasal dari keturunan Datu Permaisuri. Beliau meninggal dunia pada 1844 dalam pertempuran di Skrang. Menantunya, Abdul Ghaffur ( Gapor ) dilantik sebagai penggantinya kerana anak-anaknya masih kecil. Anaknya, Abang Mohammad Lana dilantik sebagai Datu Bandar. Mohammad Hasbie Sulaiman, *Perjuangan Anti-Cession Sarawak : Peranan Utama Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak*, Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak, 1989, Kuching, hlm. 26. Sanib Said, *Malay Politics in Sarawak 1946-1966 : The Search for Unity and Political Ascendancy*, Oxford University Press, Singapore, 1985, hlm. 4-7. Abang Yusuf Puteh, *The Malays of Sarawak : A Socio-Political Portrait*, Shobra Publications Sdn. Bhd., 1998, hlm. 1-20.

<sup>3</sup> Baginda putera kepada Sultan Jamalul Alam dan Rajah Nur Alam ( puteri Sultan Khanzul Alam ). Sultan Omar Ali Saifuddin II memerintah pada 1807 dan meninggal dunia pada 1852. Baginda digantikan oleh Pangiran Abdul Mukmin. Awang Mohd. Jamil Al-Sufri Awang Umar, "Pangiran Muda Hashim dan James Brooke", hlm. 1-2. S. Baring-Gould and C.A. Bampfylde, *A History of Sarawak under its Two White Rajahs 1839-1908*, Henry Sotheran & Co., London, 1909, hlm. 53-54 ; 122-124.

Pada awal Ogos 1844, James Brooke berjaya menundukkan Syarif Sahap dan Pangiran Mahkota di Pemutus, Sungai Batang Lumar. Pada pertengahan Ogos 1844, James Brooke mengalahkan pula Syarif Mular di Undup, Batang Lumar. Pada akhir Ogos 1844, kubu orang Iban di Skrang dimusnahkan. Pada September 1844, James Brooke menundukkan Syarif Sahap, Pangiran Mahkota dan Syarif Jaafar di Lingga.

Antara Mac-Ogos 1849, orang Iban di Saribas dan Skrang yang dipimpin oleh Apung, Linggir, Rentap, Bulan, Rabong dan Mujah di Kanowit ditundukkan. Antara Disember 1853-Ogos 1854, Apai Dendang dan Rentap berjaya dikalahkan di Sungai Skrang. Pada April 1856, orang Iban di Julau pula ditundukkan.

Antara April-Disember 1858, orang Iban yang diketuai Aji, Luyuh dan Nanang berjaya dikalahkan di Sungai Layar. Kemudian, mereka berpaktat dengan Syarif Masahor di Sarikei dan Pangiran Nipa di Mukah. Pada 1859, pakatan sulit Syarif Masahor dan Haji Abdul Gapur untuk menghalau James Brooke terbocor dan rancangan tersebut berjaya dipatahkan oleh Charles Brooke. Haji Abdul Gapur ditahan oleh Belanda di Pontianak. Syarif Masahor mara ke Kuching untuk melancarkan serangannya. Tetapi, beliau dapat disekat oleh Charles Brooke di Mukah pada Ogos 1860. Rentap pula dikalahkan pada Oktober 1861 di Bukit Sadok.<sup>4</sup>

---

<sup>4</sup> Untuk perbincangan lanjut, rujuk Robert Pringle, *Rajahs and Rebels : The Iban of Sarawak under Brooke Rule 1841-1941*, MacMillan and Co. Ltd., London, 1970. Abdullah Zakaria Ghazali, “Gerakan Awal Penentangan Kolonialisme Di Sarawak”, Kertas Kerja Simposium Sejarah Sarawak 2000, 16-17 Ogos, Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Sarawak dan Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak, Kuching, hlm. 1-13. Mohd. Isa Othman, *Gerakan Protes Dalam Perspektif Sejarah Malaysia Pada Abad Ke-19 Dan*

James Brooke meluaskan wilayahnya hingga ke Lingga ( 1852 ), Nangga Skrang (1849), Betong ( 1858 ) dan Sarikei ( 1856 ). Usaha ini diteruskan oleh Charles Brooke. Sehingga 1905, wilayah takluk Brooke meliputi Simanggang, Kabong, Meluan, Sibu, Kanowit, Kapit, Bintulu, Marudi, Trusan, Limbang dan Lawas.<sup>5</sup>

James Brooke menggunakan kekerasan untuk mengukuh dan meluaskan kuasanya. Di Tanah Melayu, kegiatan peluasan kuasa British<sup>6</sup> juga ditentang oleh pemimpin tempatan

---

*Awal Abad Ke-20*, Utusan Publications & Distributors, Kuala Lumpur, 1999, hlm.114-130.

<sup>5</sup> Untuk perbincangan lanjut, rujuk S. Baring-Gould and C.A. Bampfylde, *A History of Sarawak under its Two White Rajahs 1839-1908*, hlm. 103-109 ; 208-219 ; 341-348. Steven Runcimen, *The White Rajahs : A History of Sarawak From 1841 To 1946*, Cambridge University Press, London, 1960, 92-118 ; 202-230. Emily Han, *James Brooke of Sarawak : A Biography of Sir James Brooke*, Arthur Barker Ltd., London, 1953, hlm. 149-168. Colin N. Crisswell, *Rajah Charles Brooke : Monarch of All He Surveyed*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1978, hlm. 152-203. Nicholas Tarling, *Britain, the Brookes and Brunei*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1971, hlm. 107-125 ; 300-339 ; 527-544 dan *The Burthen, The Risk And The Glory*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1982. Graham Irwin, *Borneo Abad Kesembilan Belas* ( terjemahan Mohd. Nor Ghani dan Noraini Ismail ), Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1986, hlm. 90-119 ; 163-190.

<sup>6</sup> Walaupun dasar campur tangan British disyiharkan secara rasmi pada 1874, tetapi ia telah campur tangan di Tanah Melayu sejak pertapakan British ( melalui Francis Light ) di Pulau Pinang pada 1781. Ini diikuti penguasaan British ( melalui Stamford Raffles ) ke atas Singapura pada 1819. Pada 1824, Melaka diserahkan oleh Belanda kepada British melalui Perjanjian London 1824. Untuk perbincangan lanjut, rujuk R. Bonney, *Kedah 1771-1821 : The Search for Security and Independence*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1974. D.C. Boulger, *The Life of Sir Stamford Raffles*, The Pepin Press, Amsterdam, 1999, hlm. 292-340. Johathan Cave, *Naning In Melaka*, Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society ( MBRAS ), Monograph No. 16, 1989, hlm. 69-127. C.N. Parkinson, *British Intervention In Malaya 1867-1877*, University of Malaya Press, Singapore, 1960. Khoo Kay Kim, *Negeri-Negeri Melayu Pantai Barat 1850-1873 : Kesan Perkembangan Dagang Terhadap Politik Melayu*, Fajar Bakti, Petaling Jaya, 1984. Emily Sadka, *The Protected Malay Stated 1874-1895*, University of Malaya Press, Kuala Lumpur, 1970, hlm.38-64. K.G. Tregonning, *A History of Modern Malaya*, Eastern University Press, Singapore, 1964, hlm. 136-161. John G. Butcher, *The British in*

seperti yang dibincangkan oleh Abdullah Zakaria Ghazali.<sup>7</sup> Penentangan juga tercetus di Sabah.<sup>8</sup> Walaupun Rakawi Yusuf tidak terlibat dalam gerakan anti Brooke, tetapi beliau menyadarinya.<sup>9</sup> Tercetusnya kebangkitan anti Brooke merupakan manifestasi perjuangan pemimpin tempatan mempertahankan hak dan kepentingan mereka daripada dicerobohi. Ini menyebabkan Rakawi Yusuf bersikap kritis terhadap peluasan kuasa James Brooke.

---

*Malaya 1880-1941*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1979, hlm. 4-24. Malcolm Caldwell, “The British Forward Movement 1874-1914” dalam Mohamed Amin ( ed. ), *Malaya : The Making Of A New Colony*, Spokesman Books, Nottingham, 1977, hlm. 13-37. Barbara Watson Andaya and Leonard Y. Andaya, *A History of Malaysia*, Palgrave Publishers Ltd., London, 2001, hlm. 117-209. C.D. Cowan, *Tanah Melayu Kurun Kesembilan Belas : Asal-Usul Penguasaan Politik British*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1970.

<sup>7</sup> Untuk perbincangan lanjut, rujuk Abdullah Zakaria Ghazali, “Kebangkitan-Kebangkitan Anti-British di Semenanjung Tanah Melayu”, dalam Khoo Kay Kim ( ed. ), *Malaysia : Sejarah dan Proses Pembangunan*, Persatuan Sejarah Malaysia, Kuala Lumpur, 1982, hlm. 91-103, “Pribumi dan Penjajah : Gerakan Tentangan di Malaysia”, dalam *Malaysia Dari Segi Sejarah*, Bil. 23, 1995, hlm. 1-43, “Agama dan Kebangkitan Anti-British di Tanah Melayu”, dalam Khoo Kay Kim ( ed. ), *Tamadun Islam di Malaysia*, Persatuan Sejarah Malaysia, Kuala Lumpur, 1980, hlm. 124-134. Untuk perbincangan khusus, *Terengganu : Tokoh, Pentadbiran dan Perjuangan*, Persatuan Muzium Malaysia, Kuala Lumpur, 1996, *Pasir Salak : Pusat Gerakan Menentang British di Perak*, Yayasan Perak, Ipoh, 1997 dan “Kebangkitan Tok Janggut Dalam Konteks Gerakan Anti-British Di Malaysia”, dalam Nik Anuar Nik Mahmud ( ed. ). *Tok Janggut : Pejuang atau Penderhaka?*, Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 1999, hlm. 43-62, “Gerakan Yamtuan Tunku Antah di Negeri Sembilan 1875-1876, dalam *Malaysia Dari Segi Sejarah*, Bil. 20-1992, hlm. 65-82 dan “Perang Naning 1831”, dalam *Jurnal Sejarah Melaka*, Bil. 9-1985, hlm. 24-46.

<sup>8</sup> Terdapat dua gerakan penentangan utama terhadap pentadbiran Syarikat Berpiagam Borneo Utara. Ia dipimpin oleh Mat Salleh ( 1895-1903 ) dan Antanum ( 1915 ). Untuk perbincangan lanjut, rujuk D.S. Ranjit Singh, *The Making of Sabah 1865-1941 : The Dynamics of Indigenous Society*, University of Malaya Press, Kuala Lumpur, 2000, hlm. 175-238. Mohd. Isa Othman, *Gerakan Protes Dalam Perspektif Sejarah Malaysia Pada Abad Ke-19 Dan Awal Abad Ke-20*, hlm. 95-112. Saritha Japin, “Penentangan Ke Atas Pentadbiran Syarikat Berpiagam Di Sabah 1881-1941 : Satu Peninjauan”, Latihan Ilmiah, B.A., Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1997/1998, hlm. 24-108.

<sup>9</sup> Muhammad Rakawi Yusuf, *Hikayat Sarawak*, Sarawak Printing Company, Kuching, 1932, hlm. 86-133.

Bagi Rakawi Yusuf, James Brooke bukan sekadar agen kolonial British, malah peluas kuasa. Pendirian ini dapat dilihat melalui “Rencana Sarawak”<sup>10</sup> yang ditulisnya. Di dalamnya terselit kritikan halus terhadap James Brooke. Bagi Rakawi Yusuf, inilah peluangnya untuk memperlihatkan kesedaran dan pemikiran anti penajahannya.

Rakawi Yusuf menyifatkan James Brooke sebagai agen kolonial British dan peluas kuasa.<sup>11</sup> Ia dibuktikan dengan lima asas. Pertama, beliau berpendapat kedatangan James Brooke bertujuan mencari tanah untuk dijadikan sebagai hak milik peribadinya. Ini digambarkan dalam sindirannya, “Tidak. Terlebih baik aku membuat negeri bagiku!”<sup>12</sup>

Pengertian yang tersirat di sebalik pengiktirafan James Brooke sebagai Raja Sarawak, tidak disedari oleh masyarakat Melayu. Untuk mendapatkan sokongan Melayu, James Brooke mengekalkan status dan peranan mereka sebagai pemimpin dan pentadbir. Mereka diberikan gaji dan elauan sebagai ganti kepada hak memungut cukai.<sup>13</sup> Inilah yang

---

<sup>10</sup> *Fajar Sarawak*, 1 Mac 1930, hlm. 1-2.

<sup>11</sup> Nicholas Tarling, *The Burthen, The Risk and The Glory*, hlm. 72. Graham Irwin, *Borneo Abad Kesembilan Belas*, hlm. 114.

<sup>12</sup> *Fajar Sarawak*, 1 Mac 1930, hlm. 1-2. James Brooke juga menegaskan, “Saya adalah agung! Kepada raja-raja di Borneo, apa saja yang saya hajati akan saya perolehi. Jangan fikir hak milik harta di sini susah didapat seperti di England” dan “jika saya mahu, saya boleh mendapat dua belas anak sungai selain Sungai Sarawak”. Dipetik daripada Graham Irwin, *Borneo Abad Kesembilan Belas*, hlm. 111.

<sup>13</sup> Untuk perbincangan lanjut, rujuk Sanib Said, “Melayu Di Bawah Brooke 1841-1941 : Mulanya Kejatuhan Sosio-Politik Melayu”, dalam *Sarawak Museum Journal*, Vol. XL, No. 61, December 1989, hlm.89-92. Sabihah Osman, “Penyertaan Orang Melayu-Islam Dalam Pentadbiran Sarawak Dan Sabah Pada Abad Ke-19”, dalam Rahmat Saripan ( et al. ), *Masyarakat Melayu Abad ke-19*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1991,

menyebabkan peranan James Brooke sebagai agen kolonial British tidak begitu disedari oleh pemimpin Melayu.

Kedua, Rakawi Yusuf menggambarkan pelayaran James Brooke sesuai dengan pendiriannya bahawa James Brooke sebagai peluas kuasa. Katanya :

[L]alu turut mengedari ke sebelah Timur, sambil menyinggahi negeri-negeri China, Pulau Pinang, Melaka, sampai ke Singapura. Di sanalah telinganya penuh dihemusi oleh angin daripada keelokan dan kehairanan daripada beberapa banjaran-banjaran dan tokong pulau yang permai yang disifatkan gugusan-gugusan pulau timur. Dengan hal yang demikianlah telah meruntunkan tirai keinginan James Brooke seorang muda yang mempunyai hemat tinggi itu buat mengulangi pelayarannya yang ketiga kali menjelajahi laut di sebelah timur ini.<sup>14</sup>

Tegasnya lagi :

[D]atanglah gembira pada hati seorang muda yang tinggi hemat itu dan asyik kepada menjajah lautan hendak menyelidiki asal-asal kejadian dan sebagainya dan jua mencari celah-celah yang tiada sampai pemandangan Belanda yang boleh dibuat cawangan menerusi perniagaan Inggeris sesungguhnya jua telah diketahui....<sup>15</sup>

---

hlm. 133-156 dan “Keadaan Masyarakat Bumiputera Sarawak Pada Abad Kelapan Belas Dan Awal Abad Kesembilan Belas : Satu Tinjauan Sejarah”, dalam *Malaysia In History*, Vol. XV, No. 2, December, 1972, hlm. 3-13.

<sup>14</sup> *Fajar Sarawak*, 1 Mac 1930, hlm. 1-2.

<sup>15</sup> Ibid.

Rakawi Yusuf mahu masyarakat Melayu menyedarinya. James Brooke membeli sebuah kapal layar yang dilengkapi peralatan perang dan menggunakan khidmat kelasi yang terlatih dalam pelayaran serta pengendalian peralatan peperangan di laut. Kapal itu dikenali sebagai Royalis. James Brooke bukanlah seorang pelayar dan pengembara biasa. Tetapi, beliau mempunyai tujuannya tersendiri menjelajah ke Timur. Rakawi Yusuf berkata :

Syahadan dengan kebahagiaan yang telah didapatinya itu, dibelikannya kepada sebuah sekunar bernama Royalist besarnya 142 tan dan lengkap dengan meriam-meriam dan lela. Maka setelah mustaid [lengkap] sekaliannya dan kemudian daripada telah selesai pelayarannya menjajah Laut Mediteranean kerana melatihkan kelasi-kelasinya. Berangkatlah ia pada bulan Disember 1838 dari Devonport menempuh lautan yang maha luas menuju tokong-tokong pulau yang diberahnnya dengan menebarkan bendera Royal Yacht Squadron.<sup>16</sup>

Ketiga, latar belakang James Brooke sebagai bekas anggota tentera British di India juga mengukuhkan pendirian Rakawi Yusuf. James Brooke terlibat dalam Perang Burma-British I ( 1824-1826 ).<sup>17</sup> Di Sarawak pula, kegiatan peluasan kuasa James Brooke jelas menunjukkan peranannya sebagai agen kolonial British dan peluas kuasa. Katanya :

---

<sup>16</sup> Ibid.

<sup>17</sup> Ia berpunca daripada hasrat British menguasai kayu balak, meluaskan pasaran dan bimbang kemaraan Perancis ke Burma yang mengancam kepentingan British di India. Timbul juga masalah persempadanan Burma-India, sikap bongkak dan jahil orang Burma terhadap kekuatan British dan kesediaan British meluaskan pengaruhnya di Burma. Perang Burma-British I tercetus ekoran daripada berlakunya Peristiwa Shahpuri pada Ogos 1823. Ia berpunca daripada masalah persempadanan yang melibatkan Sungai Naaf antara Arakan dan India. Pada Januari 1824, pertempuran tercetus di Manipur. Ekoran daripada itu, British mengisyiharkan perang terhadap Burma di Arakan. Ia merebak ke Ranggon, Gylon, Prome dan Ava. Perang ini dimenangi oleh British dan diakhiri dengan

[S]ampai saja umur 16 tahun ia pun berhenti daripada belajar lalulah masuk bekerja di dalam askar East India Company pada tahun 1819. Maka pada tahun 1825 dia pun masuklah bersama mengarung lautan darah di dalam perperangan Burma yang pertama, di waktu mana Yang Mulia itu telah mendapat luka yang parah. Dan dari itu baliklah ia ke Eropah kerana dan berubat dan mengambil rehat atas keuzurannya. Wah! Apa lagi suara surat-suratkhabar riuuhlah memuji-muji dan me[ng]hormatkannya serta memashyurkan bagaimana keberaniannya dan pendekarnya di atas kuda di dalam pada pertempuran.<sup>18</sup>

Keempat, Rakawi Yusuf menegaskan tindakan James Brooke menyerang Brunei pada 1846 dengan bantuan tentera British, merupakan satu lagi bukti yang menunjukkan James Brooke merupakan agen kolonial British dan peluas kuasa.<sup>19</sup> Menurut James Brooke, serangan itu bertujuan membela kematian Pangiran Muda Hashim. James Brooke menyifatkan Pangiran Muda Hashim sebagai “sahabat yang dikasihi dan yang dipercayainya”.<sup>20</sup> James Brooke mensyaki pembunuhan itu direstui oleh Sultan Oamr Ali Saifuddin II. Sebagai tindak balas, James Brooke menyerang Brunei.

Rakawi Yusuf menyifatkan James Brooke menggunakan peristiwa itu sebagai alasan untuk menundukkan Sultan Omar Ali Saifuddin II. Beliau mahukan masyarakat Melayu menyedari tindakan James Brooke merupakan pencabulan terhadap kedaulatan Brunei. Ini menyebabkan beliau mengatakan kes pembunuhan Pangiran Muda Hashim “telah

---

Persetian Yandabao. Untuk perbincangan lanjut, rujuk D.G.E. Hall, *Sejarah Asia Tenggara*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1987, hlm. 722-743. John Bastin dan Harry J. Benda, *Sejarah Asia Tenggara Modern*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1977, 41-63.

<sup>18</sup> *Fajar Sarawak*, 1 Mac 1930, hlm. 1-2.

menggembirakan hati Raja James Brooke buat melanggar negeri tersebut [Brunei] dengan angkatan British".<sup>21</sup>

Bagi Rakawi Yusuf, British pula mahu menunjukkan kekuasaannya sebagai penjajah. Walaupun Sultan Omar Ali Saifuddin II kekal di takhtanya,<sup>22</sup> namun peristiwa ini

---

<sup>19</sup> Peristiwa ini berlaku apabila James Brooke mengiringi Pangiran Muda Hashim dan Pangiran Badruddin kembali ke Brunei pada Oktober 1844. James Brooke berjaya meletakkan Pangiran Muda Hashim dan Pangiran Badruddin sebagai penasihat Sultan Brunei ( Sultan Omar Ali Saifuddin II ) dengan ugutan dan paksaan. Ini menajamkan semangat anti British di kalangan pemimpin Brunei terutamanya Pangiran Yusuf ( Perdana Menteri ). Ia juga melebarkan jurang permusuhan antara Pangiran Yusuf dengan Pangiran Muda Hashim dan Pangiran Badruddin yang pro British. Sultan Brunei tidak bersetuju dengan sikap dan dasar pro British mereka. Sultan Brunei juga didesak oleh James Brooke agar menerima Pangiran Muda Hashim sebagai penasihatnya. Akibat kebencian terhadap Pangiran Muda Hashim dan Pangiran Badruddin, mereka dibunuhi oleh pakatan anti British yang dipimpin oleh Pangiran Hashim ( anak angkat Sultan Omar Ali Saifuddin II dan menantu Pangira Yusuf ) dan Haji Saman pada akhir Disember 1845. Pangiran Yusuf gagal menyingkirkan Pangiran Muda Hashim. Beliau juga gagal memulihkan kuasa dan peranannya sebagai Perdana Menteri yang diambil alih oleh Pangiran Muda Hashim. Beliau meninggal di Kimanis pada 1846 setelah kalah dalam pertempuran menentang Thomas Cochrane dan Pangiran Muda Hashim pada Ogos 1845. Sebagai tindak balas terhadap kematian Pangiran Muda Hashim dan Pangiran Badruddin, James Brooke dan Thomas Cochrane menyerang Brunei pada Julai 1846. Kekuatan tentera James Brooke menyebabkan kekalahan Brunei. James Brooke berjaya mendesak Sultan Omar Ali Saifuddin II menyerahkan Pulau Labuan kepada British. James Brooke juga mendapatkan pengiktirafan hak sepenuhnya memerintah Sarawak tanpa pampasan tahunan kepada Sultan Brunei. Berhubung peristiwa 1844, kematian Pangiran Muda Hashim dan Pangiran Badruddin terdapat versi yang berbeza. Untuk kritikan lanjut, rujuk G.E. Saunders, "James Brooke's Visit to Brunei in 1844 : A Reappraisal", dalam *Sarawak Museum Journal*, Vol. XVII, July-December 1969, hlm. 295-314. Nicholas Tarling, *Britain, The Brooke and Brunei*, hlm. 35-62.

<sup>20</sup> *Fajar Sarawak*, 1 Mac 1930, hlm. 1-2.

<sup>21</sup> Ibid.

<sup>22</sup> Ibid.

menunjukkan sikap angkuh James Brooke dan British. Ia juga menunjukkan kekerasan yang digunakan oleh James Brooke dan British untuk meluaskan kuasa dan pengaruhnya.

Kelima, Rakawi Yusuf membidas cara James Brooke meluaskan pengaruh dan kuasanya di Sarawak. Beliau menyifatkannya sebagai “gemerlapan cahaya pedang keadilannya menyinari laut dan darat”<sup>23</sup> Peluasaan kuasa yang dilakukan oleh James Brooke dengan menggunakan “cahaya pedang” sejajar dengan peranan James Brooke sebagai agen kolonial British. Tindakan James Brooke menundukkan penentangnya dari kaum Dayak<sup>24</sup> juga tidak dipersetujui oleh Rakawi Yusuf. Begitu juga dengan Sultan Omar Ali Saifuddin II. Tegasnya :

Perbuatan James Brooke yang membinasakan perompak-perompak itu sangatlah tiada diperkenan oleh Baginda Sultan Brunei sehingga memutuskan tali kasih sayang di antaranya dengan bapa saudaranya Raja Muda Hashim oleh kerana Raja Muda Hashim menyerta dan menolong Raja James Brooke berbuat demikian. Maka dengan sebab patah hati baginda sultan itu sehingga menjadi bermusuhan-musuhan ia dengan Raja Muda Hashim itu.<sup>25</sup>

---

<sup>23</sup> Ibid.

<sup>24</sup> Dayak terbahagi kepada tiga kumpulan utama. Dayak Laut ( Iban ), Dayak Darat ( Bidayuh ) dan Orang Ulu. Dalam konteks perbincangan, Dayak yang dimaksudkan merujuk kepada Dayak Laut. Dayak Laut lebih dikenali sebagai Iban. Rentap, Asun dan Bantin merupakan antara pejuang Iban yang bangkit menentang perluasan kuasa dan pengaruh James Brooke dan Charles Brooke. Untuk perbincangan lanjut tentang latar belakang orang Iban sebelum pemerintahan James Brooke, rujuk Benedict Sandin, *The Sea Dayaks of Borneo Before White Rajah Rule*, Macmillan Ltd., London, 1967. Peter Mulok Kedit, *Modernization among the Iban of Sarawak*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1980, hlm. 43-70.

<sup>25</sup> *Fajar Sarawak*, 1 Mac 1930, hlm. 1-2.

Rakawi Yusuf mengkritik Pangiran Muda Hashim kerana memohon bantuan James Brooke untuk mematahkan gerakan penentangan di Sarawak yang dipimpin oleh Datu Patinggi Ali. Rakawi Yusuf kesal dengan janji Pangiran Muda Hashim menyerahkan Sarawak kepada James Brooke.<sup>26</sup> Bagi Rakawi Yusuf, tindakan Pangiran Muda Hashim adalah suatu kesilapan.

Pangiran Muda Hashim tidak merujuk terlebih dahulu kepada Sultan Omar Ali Saifuddin II. Ini menyebabkan Rakawi Yusuf menyifatkan tindakan Pangiran Muda Hashim seperti, “menzahirkan kemanjaannya”<sup>27</sup> terhadap James Brooke. Inilah punca kejatuhan Sarawak ke tangan James Brooke. Rakawi Yusuf mahu masyarakat Melayu sedar mereka diperintah oleh bangsa asing.

Dalam rencana sejarahnya, Rakawi Yusuf menyifatkan British sebagai, “seerat ular tedung”<sup>28</sup> yang sedang “melingkungi segala pulau-pulau timur”.<sup>29</sup> Beliau membidas sikap

---

<sup>26</sup> Ibid.

<sup>27</sup> Ibid.

<sup>28</sup> Kritikan terhadap kolonial British bukanlah perkara baru dalam konteks perkembangan persuratkhabaran Melayu. Contohnya, *Al-Imam* menyifatkan British sebagai “serigala”, “si perompak dan si pencuri” dan “singa”. Dipetik daripada Abdul Aziz Mat Ton, *Politik al-Imam*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 2000, hlm. 244 ; 254. Za’ba pula mengecam British dengan lebih tajam menerusi tulisannya yang disiarkan oleh *Utusan Melayu*, 20 Oktober 1919. Beliau menyifatkannya sebagai “Kaum Kafir” dan “Al-Maseh Al-Dajal”. Dipetik daripada Adnan Hj. Nawang, *Za’ba dan Melayu*, Berita Publishing, Kuala Lumpur, 1998, hlm. 197.

<sup>29</sup> *Fajar Sarawak*, 1 Mac 1930, hlm. 1-2.

tamak British yang berterusan mendapatkan tanah jajahan.<sup>30</sup> Menurutnya, British tidak pernah puas dengan tanah jajahan yang dimilikinya. Ini termasuklah menggunakan agen kolonial seperti James Brooke. Dengan nada sinis, Rakawi Yusuf berkata, “Tetapi bagi seorang yang berperasaan kemanusiaan itu tiadalah ia puas sebelum sesuatu pekerjaan itu dicubainya”.<sup>31</sup>

Pemikiran Rakawi Yusuf bersifat anti penjajahan. Pada masa yang sama, Rakawi Yusuf perlu berhati-hati untuk mengelakkan *FS* dicap sebagai akhbar anti Brooke dan British. Ini tentunya akan menjelaskan penerbitan *FS* kerana ia tertakluk di bawah kuasa Vyner Brooke.<sup>32</sup>

---

<sup>30</sup> *Al-Imam* menyifatkan kejatuhan Tanah Melayu ( ke tangan British ) dan Indonesia ( ke tangan Belanda ) sebagai “barang [peristiwa] yang mencucurkan air mata dan meleburkan hati”. *Al-Imam*, 17 September 1906. Dipetik daripada Abdullah Haji Jaafar, “*Al-Imam*”, dalam Khoo Kay Kim ( ed. ), *Lembaran Akhbar Melayu*, Persatuan Sejarah Malaysia, Kuala Lumpur, 1980, hlm. 16. Bagi *Saudara*, penjajahan Barat bertujuan mengaut “faedah bagi diri mereka, kaum, bangsa dan agama mereka”. Anak negeri yang dijajah pula hanya “memperolehi sisa makanan ataupun rumput yang tumbuh di keliling halaman mereka itu [penjajah]”. Ini menyebabkan bangsa Melayu “hendak bangun tiada berdaya, hendak bergerak tiada upaya, hendak bekerja tiada rupiah, hendak berteriak tiada bersuara”. *Saudara*, 13 Oktober 1928. Dipetik daripada Mohd. Syahir Othman, “Syed Syeikh Al-Hadi dan Akhbar *Saudara* 1928-1941”, Latihan Ilmiah, B.A., Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1999/2000, hlm. 50-51.

<sup>31</sup> *Fajar Sarawak*, 1 Mac 1930, hlm. 1-2.

<sup>32</sup> Kelulusan penerbitan *Fajar Sarawak* dibuat oleh Vyner Brooke melalui Ordinan Percetakan 1927. Ordinan ini diperkenalkan untuk mengawal akhbar Cina yang disyaki menyiarkan bahan yang boleh membangkitkan semangat politik di kalangan orang Cina. Persatuan Kesusteraan Sarawak, *Fajar Sarawak*, hlm. xviii.

Tulisan Haji Daud Abdul Ghani juga mengandungi mesej yang tersirat. Beliau mahu mengikis mitos keagungan British di mata masyarakat Melayu. Baginya, British tidaklah sekuat yang disangkakan. British pernah kalah di tangan Perancis dalam perang yang tercetus pada 1558.<sup>33</sup> Perkara tersebut dicatatkan oleh Haji Daud Abdul Gani seperti berikut :

[K]etika terpecah ayahanda Philip itu Permaisuri Mary pun mensiarkan pemashyuran peperangan dengan kerajaan Perancis kerana membantukan suaminya ( Raja Espania [Sepanyol] – Raja Philip II ). Dan setelah berapa kali ia mendapat kemenangan dan menduduki Saint Quentin yang membuka tenteranya akan jalan ke kota Paris, berdirilah Duke d' Guises menahankan kemahuan hawa nafsunya itu.

Dan pada pohon [awal] bulan Januari 1558, ia mengepung bandar Galia di tepi laut Manche yang mempunyai benteng sehabis-habis teguh di dalam benua Eropah, dan dahulunya bandar itu di dalam kuasa Inggeris selama 200 tahun, maka oleh kerana keras kepungan Duke d' Guises itu setelah lapan hari benteng itu pun dapat ditawannya pada hal orang Inggeris sangat-sangat percaya akan keteguhan dan kekuatan benteng itu.

---

<sup>33</sup> Ia merupakan kesan kebangkitan gerakan reformasi ( anti Katholik yang dipelopori oleh Martin Luther dan John Calvin ) di Eropah. Gerakan ini mencapai tahap kemuncaknya pada pertengahan abad ke-16. Ini menyebabkan tercetusnya perang antara pihak Katholik ( di Sepanyol, Itali, Portugis, selatan Jerman, Austria, Ireland dan Lithuania ) dengan Protestan ( utara Jerman, Scandinavia, Finland, Estonia, Latvia, Belanda dan Scotland ). British memihak kepada Katholik ekoran perkahwinan Ratu Mary dengan Philip II ( Sepanyol ) pada 1554. Perancis di bawah pemerintahan Henry II menyokong pihak Protestan untuk mengukuhkan kuasa dan pengaruh Perancis di Eropah. Henry II menyokong pihak Protestan kerana kepentingan politiknya, bukan faktor agama. Perang ini ditamatkan dengan Perjanjian Cateau-Cambresis ( 1559 ). Ia membawa kepada tercetusnya satu lagi perang yang lebih besar, Perang Agama ( Wars of Religion ) yang berlaku pada 1562-1598. Ia ditamatkan melalui Perdamaian Ausgburg, di Jerman. Untuk perbincangan lanjut, rujuk Earnest J. Knapton, *Europe 1450-1815*, Charles Scribner's Sons, Massachusetts, 1958, hlm. 179-260. Keith Feiling, *A History of England*, MacMillan & Co. Ltd., London, 1959, hlm. 370-386.

Syahadan apakala sampai perkhabaran yang dahsyat itu kepada pendengaran Permaisuri Mary amatlah terperanjat dan dukacitanya, hingga tiada berapa bulan kemudian daripada itu ia pun meninggal dunia.<sup>34</sup>

Melalui rencana “Permaisuri Elizebeth Raja Inggeris Dan Masanya Yang Bertuah”,<sup>35</sup> Haji Daud Abdul Ghani menegaskan British bukanlah kuasa Barat yang tidak dapat dikalahkan. Jika diperhalusi pula pemikiran yang tersirat melalui rencananya, Haji Daud Abdul Ghani sebenarnya telah membebaskan dirinya daripada mitos tersebut.

Rencana Rakawi Yusuf dan Haji Daud Abdul Ghani memperlihatkan kemajuan pemikiran golongan terpelajar Melayu di Sarawak. Ia tidak dapat dikesani tanpa memahami akar pemikiran kedua-duanya. Pemikiran anti penjajahan merupakan asas yang mendasari pemikiran Rakawi Yusuf dan Haji Daud Abdul Ghani.

Penekanan Haji Daud Abdul Ghani terhadap sejarah Islam bertujuan menyemai perasaan bangga terhadap Islam. Beliau juga menggunakan untuk menyedarkan orang Melayu tentang sumbangannya terhadap kemajuan Eropah.<sup>36</sup> Bezanya, Rakawi Yusuf

---

<sup>34</sup> Abu Al-Ghaniah, “Permaisuri Elizabeth Raja Inggeris dan Masanya Yang Bertuah”, *Fajar Sarawak*, 16 Jun 1930, hlm. 7-8. Abu Al-Ghaniah ialah nama pena bagi Haji Daud Abdul Ghani.

<sup>35</sup> Ibid.

<sup>36</sup> Kaedah yang sama digunakan oleh *Al-Imam* dan *Al-Ikhwan*. Malah, *Al-Imam* dan *Al-Ikhwan* menyediakan ruangan khas sejarah. Ia digunakan oleh *Al-Imam* dan *Al-Ikhwan* untuk mengkritik British, raja dan pembesar Melayu yang dianggapnya bertanggungjawab terhadap kemunduran Melayu. Abdullah Haji Jaafar, “*Al-Imam*”, hlm. 12. Talib Samat, *Syed Sheikh Al-Hadi : Sasterawan Progresif Melayu*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1992, hlm. 118.

menggunakan rekonstruksi sejarah Sarawak yang dilihatnya daripada perspektif anak tempatan. Ia merupakan usaha kedua-dua tokoh untuk menyedarkan bangsanya yang dijajah orang putih.

### **Kelemahan Pemimpin Melayu dan Vyner Brooke**

Pemimpin Melayu memainkan peranan penting dalam pentadbiran Sarawak sejak di bawah pemerintahan Kesultanan Brunei ( 1476-1841 ) lagi. Apabila Sarawak diserahkan kepada James Brooke pada 1846 oleh Sultan Omar Ali Saifuddin II, beliau mengekalkan peranan dan kedudukan pemimpin Melayu dalam pemerintahannya. Pada 1885, James Brooke menubuhkan Majlis Tertinggi. Ia bertujuan membincangkan hal ehwal penting pentadbiran negeri dan kepentingan rakyat. Datu Bandar, Datu Temenggung,<sup>37</sup> Datu Imam dan Datu Hakim<sup>38</sup> menjadi anggota seumur hidup bersama James Brooke dan dua

---

<sup>37</sup> Datu Bandar ( juga dikenali sebagai Ketua Pelabuhan ) mengetuai golongan ‘Awang-Awang’ ( rakyat biasa yang berstatus tinggi ). Datu Temenggung ( juga dikenali sebagai Panglima Tertinggi ) pula mengetuai golongan hamba-raja dan rakyat biasa. Tugas utamanya ialah menjaga keamanan dan mengutip cukai. Untuk perbincangan lanjut, rujuk Sanib Said, *Malay Politics in Sarawak 1946-1966*, hlm. 2-4. Mohammed Yusuf Shibli, “The Descent of some Kuching Malays”, *Sarawak Museum Journal*, Vol. V, No. 2, 1950, hlm. 262-264. J.H. Walker, “Notes on the use of ‘Malay’ and ‘Abang’ in Sarawak”, *Sarawak Museum Journal*, Vol. XLVIII, No. 69, December 1995, hlm. 83-86. Zainal Kling, “James Brooke Dan Sarawak Pertembungan Budaya Timur Dan Barat Di Kurun Ke-19”, dalam Khoo Kay Kim ( ed. ), *Malaysia : Sejarah dan Proses Pembangunan*, hlm. 110-121.

<sup>38</sup> Datu Imam menerajui hal ehwal agama Islam dan masyarakat Melayu-Muslim. Datu Hakim pula menjadi Ketua Hakim Melayu. Kedua-dua jawatan ini diwujudkan oleh James Brooke sebagai tambahan kepada Datu Patinggi, Datu Bandar dan Datu Temenggung. Datu Patinggi mengetuai kesemua Datu Melayu. Tetapi, mulai 1854 peranan Datu Patinggi digantikan oleh Datu Bandar ekoran tindakan Datu Patinggi Haji

pegawai Eropah. Pemimpin tempatan diberikan gaji bulanan dan menjalankan tugas pentadbiran secara rasmi.

Hakikatnya, pemimpin Melayu tidak berpengaruh dan hanya menjadi penasihat kepada James Brooke. Mereka juga tidak mengambil bahagian secara aktif dalam perbahasan Majlis Tertinggi. Mereka jarang mengemukakan pandangan meskipun diminta oleh Raja Brooke. Dalam tempoh 1881-1941, pendapat mereka juga jarang diminta dalam persidangan Majlis Tertinggi. Ini menyebabkan Charles Brooke menganggap mereka tidak begitu layak memberikan sumbangan dalam pentadbiran. Mereka juga tidak berpendidikan tinggi. Pendidikan yang mereka terima hanya setakat Darjah Lima di sekolah Melayu sahaja.

Apabila Jawatankuasa Pentadbiran ditubuhkan pada 1915 oleh Vyner Brooke, ia mula mengambil alih peranan Majlis Tertinggi. Peranan pemimpin Melayu dalam pentadbiran negeri di peringkat tertinggi juga terjejas. Vyner Brooke tidak lagi memerlukan pandangan dan khidmat Datu-datu Melayu dalam pentadbiran. Mulai 1927, Vyner Brooke tidak memanggil Majlis Tertinggi bersidang hingga 1941. Majlis Tertinggi hanya berfungsi sebagai majlis sosial dengan perbincangan yang terhad kepada, “Apa khabar Datu-datu? Khabar baik Tuan Rajah”.<sup>39</sup>

---

Abdul Ghaffur menentang James Brooke. Sabihah Osman, “Penyertaan Orang Melayu-Islam dalam Pentadbiran Sarawak dan Sabah Pada Abad Ke-19” hlm. 142-143.

<sup>39</sup> Untuk perbincangan lanjut, rujuk Sabihah Osman, “Penyertaan Orang Melayu-Islam dalam Pentadbiran Sarawak dan Sabah Pada Abad Ke-19”, hlm. 132-157. Sanib Said, “Melayu Di Bawah Brooke 1841-1941”, hlm. 88-90. R.J. Pole-Evans, “The Supreme Council”, *Sarawak Museum Journal*, Vol. VII, No. 7, hlm. 89-108.

Kesenangan yang kecapi di bawah pemerintahan Brooke menyebabkan mereka semakin lalai dan leka. Mereka juga mengabaikan tanggungjawab terhadap bumiputera umumnya dan orang Melayu khususnya. Ini menyebabkan golongan pemimpin Melayu dikritik oleh FS. Terdapat dua perkara penting yang diperkatakan oleh FS berkenaan kelemahan pemimpin Melayu. Pertama, sikap pemimpin Melayu. Kedua, cara untuk mengatasinya. FS menggariskan dua sikap pemimpin Melayu yang merugikan orang Melayu.

Pertama, sikap pemimpin Melayu yang suka berbangga-bangga dengan kekayaan dan kemewahan. Kekayaan harta benda dibelanjakan secara boros. Ia digunakan tanpa manfaat kepada orang Melayu. Bagi FS, pemimpin Melayu harus menggunakan untuk kepentingan Melayu. Misalnya, pembinaan rumah Datuk Syahbandar Abang Haji Abdillah, di Jalan Satok yang dinamakan Darul Kornia. Tersergam indahnya rumah tersebut tidak memberikan manfaat kepada orang Melayu. Bagi FS, bukan pembinaan rumah indah itu yang sepatutnya diutamakan. Tetapi, pembelaan terhadap nasib dan masa depan orang Melayu. Sindirnya :

Kita pandang akan rumah baru Yang Mulia Abang Haji Abdillah, Datuk Syahbandar Sarawak, hampir kemas. Nampaknya di antara rumah-rumah Melayu di sini bangunan inilah yang paling cantik.<sup>40</sup>

Jika dilihat sepantas lalu, pernyataan ini seolah-olah satu pujian ikhlas dari FS. Tetapi, jika dilihat dalam konteks kemunduran sosioekonomi Melayu, ia merupakan sindiran

---

<sup>40</sup> *Fajar Sarawak*, 1 Februari 1930, hlm. 4.

halus terhadap Abang Haji Abdllah. Hakikat ini kurang disedari oleh pembaca kerana ia dinyatakan dengan nada bersahaja.

Kedua, *FS* mengkritik sikap pemimpin Melayu yang tidak amanah terhadap tanggungjawabnya sebagai pemimpin. Sebagai pemimpin, mereka sebenarnya berperanan memimpin orang Melayu menuju kemajuan. Pemimpin Melayu juga wajar membela hak dan kepentingan Melayu. Nasib dan masa depan orang Melayu terletak di bahu mereka. Orang Melayu perlukan pembelaan daripada mereka.<sup>41</sup> Sebaliknya, pemimpin Melayu tidak melaksanakan tanggungjawabnya secara bersungguh-sungguh. Ini diluahkannya dengan berkata :

Orang yang tak diharapkan kebaikannya itu mati dan hidupnya serupa sahaja bagi kita. Janganlah engkau hinakan usaha orang yang lemah kerana terkadang-kadang ular yang bisa mati dengan sengatan kala.<sup>42</sup>

Seterusnya, *FS* menegaskan :

Peringatkanlah segala saudara-saudara engkau kaum Muslimin kerana engkau itu hanya pengingat. Engkau bukan pengurus yang berkuasa di atas mereka itu.<sup>43</sup>

---

<sup>41</sup> *Fajar Sarawak*, 1 Februari 1930, hlm. 2-4.

<sup>42</sup> *Fajar Sarawak*, 1 Jun 1930, hlm. 6.

<sup>43</sup> *Ibid.*, hlm. 3.

*FS* menegaskan pemimpin Melayu yang sejati ialah mereka berkhidmat demi kepentingan bangsanya. Mereka sentiasa mengambil berat, menunjukkan simpati dan sanggup bersusah-payah memikul masalah orang Melayu.<sup>44</sup> Mereka berusaha menyedarkan orang Melayu daripada sikap negatif yang merugikan. Bagi *FS*, jika pemimpin Melayu tidak memperbaiki dirinya mereka tidak layak dianggap sebagai saudara “sedaging sedarah”<sup>45</sup> dengan orang Melayu.

*FS* juga mengkritik pemimpin Melayu yang hidup mewah tetapi orang Melayu pula hidup dalam kemiskinan. Ia menyebabkan wujudnya jurang hubungan antara pemimpin dengan orang Melayu. Ini dijelaskan dalam penegasannya :

Walaupun kita ditakdirkan seorang itu kaya-raya dan senang kehidupannya tetapi jika ahli-ahli watannya di dalam kemiskinan, nescaya tiadalah dapat ia bersuka ria, bersenang-lenang dengan sempurnanya. Cubalah pembaca-pembaca fikirkan jika ia sekiranya pembaca-pembaca pada satu malam telah kenyang perut dengan makanan dan minuman yang lazat dan bersenang-lenang duduk di atas kerusi yang indah-indah pada hal kaum kerabat tuan-tuan yang di kiri kanan itu telah mengadu kepada tuan-tuan akan peri hal kelaparan dan kebulurannya, menangis ia dari sebab dahaganya, mengerang ia dengan sebab penat lelahnya. Maka di dalam hal begitu bolehkah tuan-tuan bersukaria di hadapan orang yang kena kesusahan? Baguskah bersukaria di hadapan orang yang kena kesusahan? Baguskah tuan-tuan gelak ketawa di muka orang yang menangis mengadukan hal kepicikan dan kelaparannya? Dapatkah tuan-tuan bersenang-lenang dengan tiada menaruh kasihan belas sedikit.<sup>46</sup>

---

<sup>44</sup> *Fajar Sarawak*, 1 Februari 1930, hlm. 1-3.

<sup>45</sup> *Ibid.*, hlm. 3.

*FS* menyarankan pemimpin Melayu agar memperbaiki taraf hidup orang Melayu. *FS* mahu kekayaan dan kesenangan dikongsi bersama. Inilah konsep perkongsian hidup dan ciri-ciri pemimpin berjiwa rakyat yang disarankan oleh *FS*. Saranan ini mempunyai asasnya tersendiri. *FS* menegaskan :

Di mana-mana negeri yang penduduknya suka mengerjakan kewajipannya itu tak dapat tidak negeri itu menjadi satu negeri yang ternama di atas dunia. Sebaliknya, di mana negeri yang kesukaan hati penduduknya hanya mementingkan kefardhuan sendiri-sendiri sahaja dan tak suka bekerja untuk kefardhuan umum tetaplah keadaan di situ berada di dalam kegelapan dan kemunduran.<sup>47</sup>

*FS* juga menggesa pemimpin Melayu agar bersikap terbuka. Sikap pemimpin Melayu yang sukar menerima teguran menyebabkan orang Melayu takut untuk menegur dan memberi nasihat membina. *FS* juga menggesa orang Melayu membuang sikap berdiam diri dan menjadi pak turut kepada pemimpin. *FS* turut mencabar orang Melayu agar

---

<sup>46</sup> Abu Al-Ghaniah, “Kasihkan Tanah Air”, *Fajar Sarawak*, 1 Mac 1930, hlm. 7. Maksud firman Allah SWT, “Dan kalau mereka beroleh kemewahan hidup, mereka berkata, ‘Ini adalah dari sisi Allah’, dan kalau mereka ditimpa bencana, mereka berkata, ‘Ini adalah dari sisi Allah’. Katakanlah wahai Muhammad, “Semuanya itu ( kebaikan dan bencana ) adalah ( berpunca ) dari sisi Allah”. ( Surah An-Nisa’ : Ayat 78 ). *Al-Quran dan Terjemahannya*, Percetakan Al-Quran Khadim Al-Haramain Asy-Syafrain, Jabatan Haji dan Waqaf Arab Saudi, Madinah Al-Munawarah, 1412, hlm. 131.

<sup>47</sup> *Fajar Sarawak*, 1 Jun 1930, hlm. 5. Rasulullah SAW ( Sallallahu ‘Alaihi Wassalam ) bersabda, “Pemimpin sesuatu kaum adalah pengabdi ( hamba ) kepada mereka ( kaumnya ). Khianat yang paling besar ialah apabila seorang pemimpin memperdagangkan ( menjual hak dan kepentingan ) rakyatnya”. Muhammad Faiz Almath, *Seribu Seratus Hadis Terpilih*, Penerbitan Kintan, Kuala Lumpur, 1993, hlm. 198. Untuk koleksi hadith tentang kepemimpinan Nabi Muhammad SAW, rujuk Muhammad Noor Ibrahim ( et al. ), *Muqaddimah Mastika Hadith Rasulullah SAW*, Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, Kuala Lumpur, 1989, hlm. 3-5.

berani tampil ke hadapan memberikan teguran membina kepada pemimpin Melayu. Ia ditegaskan oleh *FS* dengan berkata :

Lain orang hendak membantah tiada berani, hanya berdiam diri sahaja, hendak bercakap sedikit takut dibedal oleh ketua, iaitu sebagaimana yang kita dengar pada masa kerajaan Melayu dahulu, kita berasa malu hendak membukakan bekasam [pekasam] yang telah terbumbun [berlonggok] itu di muka ramai.<sup>48</sup>

Dalam kritikannya terhadap pemimpin Melayu, *FS* menggunakan pendekatan perbandingan. *FS* menghubungkaitkan kemunduran negeri dengan kemiskinan anak negeri. Baginya, sebelum memajukan tanah air, terlebih dahulu kehidupan anak negeri dimajukan khususnya dalam aspek ekonomi dan pendidikan. Tanah airnya juga sukar dimajukan sekiranya kedudukan anak negeri masih mundur dalam semua aspek kehidupan. *FS* menegaskan :

Walhasil manusia [anak negeri] itu senang dan aman ia dengan sebab kesenangan dan keamanan tanah airnya, susah payah ia kesusahan dan kepayahan tanah airnya. Berbahagia ia dengan sebab berbahagia tanah airnya, dan sakit kehidupannya dengan sebab sakit dan sengsara kehidupan tanah airnya.<sup>49</sup>

*FS* turut memberikan saranan membina kepada pemimpin Melayu. Pertama, *FS* menuntut pemimpin Melayu memperjuangkan hak dan nasib orang Melayu. Ini seajar dengan

---

<sup>48</sup> Abu Al-Ghaniah, “Kasihkan Tanah Air”, *Fajar Sarawak*, 1 Mac 1930, hlm. 7. Rasulullah SAW bersabda, “Sesungguhnya antara jihad yang terbesar adalah teguran yang benar di sisi pemerintah yang zalim”. Untuk butiran lanjut tentang hadith jihad dan perang, rujuk Muhammad Faiz Almatth, *Seribu Seratus Hadis Terpilih*, hlm. 215.

<sup>49</sup> Abu Al-Ghaniah, “Kasihkan Tanah Air”, *Fajar Sarawak*, 1 Mac 1930, hlm. 7.

hakikat mereka berasal daripada akar bangsa Melayu. Ia juga merupakan kewajiban pemimpin Melayu. Mereka tidak wajar mengabaikan tanggungjawab terhadap orang Melayu. *FS* menegaskan :

Tiada beriman seorang daripada kaum itu [pemimpin] hingga ia suka [mengasihi] saudaranya mendapat atau berperangai apa yang disukai oleh dirinya sendiri.<sup>50</sup>

*FS* mahu pemimpin Melayu mengambil iktibar cerita induk kucing menyusukan anak tikus. *FS* tertarik dengan ehsan ibu kucing yang menyusukan anak tikus bersama anak-anak kucing. Ia memperlihatkan rasa tanggungjawab, simpati dan kasihan induk kucing kepada anak tikus. Sebagai pengajarannya, pemimpin Melayu disaran agar membela nasib dan kepentingan orang Melayu. *FS* memetik cerita tersebut dengan berkata :

Di dalam sebuah kampung yang bernama Niu Najun di dalam bandar Silah ( Ranggon ) ada seorang bernama U Tun. Dia ada memelihara seekor kucing beranak empat ekor. Kucing itu telah disimpan dalam sebuah peti. Ibu kucing itu ada menyusukan seekor anak tikus bersama-sama dengan anak dirinya. Asalnya mula-mula tuan kucing itu telah menangkap dua ekor tikus – seekor besar dan seekor kecil. Kedua-dua ekor tikus itu dimasukkannya di dalam kandang kucing itu. Apatah lagi Sang Kucing itu bila melihatkan jamuannya datang lalulah disentalnya yang besar itu tetapi hairan kita anak tikus yang kecil itu telah dipeliharanya dan diberinya susu seperti ia memelihara anaknya sendiri.<sup>51</sup>

---

<sup>50</sup> *Ibid.*, hlm. 4.

<sup>51</sup> *Fajar Sarawak*, 1 Mac 1930, hlm. 2. Maksud firman Allah SWT, “Dan orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan, sebahagian mereka adalah menjadi penolong bagi sebahagian yang lain”. ( Surah At-Taubah : Ayat 71 ). *Al-Quran dan Terjemahannya*, hlm. 291.

Kedua, *FS* menyeru pemimpin dan orang Melayu hidup saling bantu-membantu dan kasih-mengasihi. Dalam konteks ini, perkara yang lebih utama ialah kepentingan masyarakat Melayu seluruhnya, bukannya individu dan kaum kerabat sahaja. Ia dapat merapatkan jurang kehidupan dan mempereratkan persaudaran Melayu. Atas kesedaran ini, *FS* menegaskan :

Tiada yang lebih tinggi dan berguna yang sepatutnya kita jalani daripada bahagian yang ketiga [orang yang mementingkan diri, keluarga dan bangsa] iaitu kita bicara buat kefarduan diri kita serta kaum keluarga kita, dalam pada itu kita jangan lupa buat bekerja untuk baiki keadaan bangsa kita. Inilah orang yang mempunyai sifat yang tinggi dan inilah orang yang mengerjakan kewajipan selaku manusia [pemimpin].<sup>52</sup>

Ketiga, *FS* menyeru agar pemimpin Melayu bersikap amanah dan ikhlas melaksanakan tanggungjawab mereka terhadap orang Melayu. Mereka disaran agar membersihkan jiwa dan menyucikan hati daripada sifat keji. Ini kerana hati ialah “raja kepada manusia”.<sup>53</sup> Jika suci hatinya, baiklah dirinya. Begitu juga dengan pemimpin. *FS* berkata :

Hati – adapun hati itu hendaklah dibersihkan daripada segala sifat yang keji. Maka hati itu jika diambil bandingan ialah seumpama raja yang memerintah atas segala yang dikatakan suku-sukunya. Maka bersemayam ia di istana yang ada di dalamnya singahsana. Bolehhkah

---

<sup>52</sup> Abu Al-Ghaniah, “Kasihkan Tanah Air”, *Fajar Sarawak*, 1 Jun 1930, hlm. 5.

<sup>53</sup> *Fajar Sarawak*, 1 Mac 1930, hlm. 3. Rasulullah SAW bersabda, “Agama adalah keikhlasan (. kesetiaan ). Lalu sahabat bertanya, “Kesetiaan kepada siapa, wahai Rasulullah?” Baginda menjawab, “Kepada Allah, Rasul-Nya, pemimpin muslimin dan kepada rakyat umum”. Muhammad Faiz Almath, *Seribu Seratus Hadis Terpilih*, hlm. 167. Muhammad Noor Ibrahim ( et. al. ), *Muqaddimah Mastika Hadith Rasulullah SAW*, hlm. 25.

menjadi baik atau makmur negeri itu jika tiada baik perintah rajanya?<sup>54</sup>

Keempat, pemimpin Melayu wajar mempunyai ilmu yang tinggi. Tanpa ilmu, mereka akan menjadi pemimpin yang mengikut telunjuk nafsu. Bahkan, ilmu penting kerana ia adalah penasihat kepada hati. Hati pula ibarat raja kepada manusia. Bagi FS, jika hati pemimpin Melayu diselaputi sifat negatif dan ketandusan ilmu pengetahuan, mereka tidak mampu menjadi contoh kepada orang Melayu. FS juga menggariskan ciri-ciri pemimpin berilmu yang wajar dicontohi oleh pemimpin Melayu. Antaranya, dinyatakan :

[B]jahawa ada orang yang terlebih pengetahuan daripadanya dan sentiasa ia berpegang kepada perkara yang benar ( berani kerana benar – takut kerana salah ) dan tiada suka pula ia memperbuatkan di atas perkara yang aniaya dan hasad dengki kepada saudara-saudaranya dan suka ia dengan belas kasihan dan timbang rasa. Dan berani menuntut yang benar yang hak bagi tanggungannya walaupun rugi harta ataupun hilang darjatnya. Dan jauh sekali daripada khianat. Dan tiada menukar janji dan merendahkan diri dan menuntut kebajikan am jika terpatut dalam tanggungannya.<sup>55</sup>

---

<sup>54</sup> *Fajar Sarawak*, 1 Mac 1930, hlm. 3. Rasulullah SAW bersabda, “Ketahuilah sesungguhnya di dalam tubuh manusia itu ada segumpal darah, apabila baik ia, maka baiklah seluruh tubuhnya, dan apabila ia hitam ( buruk ), maka hitamlah ( buruk ) seluruh tubuhnya. Ketahuilah bahawa darah itu ialah hati”. Untuk mengetahui hadith tentang niat, adab dan amal, rujuk Muhammad Faiz Almatth, *Seribu Seratus Hadis Terpilih*, hlm. 99 ; 148 ; 338.

<sup>55</sup> *Fajar Sarawak*, 1 Mac 1930, hlm. 3.

Bagi *FS*, kesemua ciri tersebut perlu dimiliki oleh pemimpin Melayu. Ini kerana, “tak dapat tiada bertambah-tambahlah kemakmuran negerinya” dan “bertambah pula kasih mesra segala rakyatnya”.<sup>56</sup>

*FS* juga memaparkan kisah Ratu Elizebeth I.<sup>57</sup> Ia mengandungi pengajaran penting kepada pemimpin Melayu. Ratu Elizebeth I merupakan pemimpin berjiwa rakyat. Baginda juga meletakkan kepentingan rakyat melebihi kepentingan peribadi.<sup>58</sup> *FS* terharu dengan kesanggupan Ratu Elizebeth I membujang demi perpaduan rakyatnya. Kisah tersebut diceritakan oleh *FS* seperti berikut :

Pada masa itu huru-hara agama sedang berbangkit puak Roman Katolik bermaksud supaya Permaisuri Elizebeth [I] menolong dan membantu mereka itu, sedemikian jua puak Protestan siapa yang telah condong tiang kekuatannya dengan sebab kemangkatan Permaisuri Mary itu. Akan tetapi Permaisuri Elizebeth tiada condong ke sebelah mana juga hanya semata-mata dengan pandangan keadilan dan

---

<sup>56</sup> *Fajar Sarawak*, 1 Mac 1930, hlm. 3. Maksud firman Allah SWT, “Sesungguhnya Allah menyuruh kamu berlaku adil dan ehsan ( berbuat kebajikan dan kebaikan sesama manusia)”. ( Surah An-Nahl : Ayat 90 ). *Al-Quran dan Terjemahannya*, hlm. 415.

<sup>57</sup> Beliau lahir di Greenwich, London pada 7 September 1533. Ratu Elizebeth I adalah anak kepada Raja Henry VII dan Anne Boleyn. Beliau memerintah England pada 1558-1603. England di bawah pemerintahannya berkembang dari segi ekonomi, peluasan kuasa dan kesusasteraan. Untuk perbincangan lanjut, rujuk Joseph M. Levine ( ed. ), *Elizabeth I : Great Lives Observed*, Prentice-Hall Inc., New Jersey, 1969. Keith Feiling, *A History of England*, hlm. 386-418. *The Hutchinson Dictionary of World History*, Helicon Publishing Ltd., London, 1993, hlm. 192-193.

<sup>58</sup> Earnest J. Knapton menyifatkanya sebagai “one of the most fateful in English history” hingga membawa “England produced no giants such as Luther or Calvin” ekoran dasarnya “worked for solution that would satisfy the vas majority” dan “not bear down too heavily upon those who disagreed”. Earnest J. Knapton, *Europe 1450-181*, hlm. 212-215.

sama rata. Maka dari sebab inilah Permaisuri Elizebeth itu tiada mahu bersuami seumur hidupnya kerana takut jikalau ia bersuami dengan Si Roman Katolik, tentu puak Protestan memusuhi akan dia sedemikian jua jika ia berkahwin dengan Si Protestan tentu puak Katolik menseteru akan dia, oleh itu segala pinangan-pinangan daripada orang-orang besar Inggeris dan raja-raja negeri asing seperti Philip yang kedua bekas suami Permaisuri Mary itu ditolaknya belaka.<sup>59</sup>

Sikap kritisnya terhadap pemimpin Melayu mengheret *FS* membidas dasar pemerintahan Vyner Brooke. Vyner Brooke tidak menunjukkan kesungguhannya melindungi hak dan kepentingan bumiputera. *FS* juga membidas sikap tidak prihatin Vyner Brooke terhadap nasib dan masa depan mereka. *FS* mahu Vyner Brooke membuktikan tanggungjawab sosialnya terhadap bumiputera yang taat setia terhadapnya. Seterusnya, *FS* berkata :

Mudah-mudahan dengan sebab itu dapatlah kelak bangsa kita mencapai kemajuan yang dicintai dan yang boleh memberi makmur kepada tanah air dan kerajaan kita yang maha murah, iaitu kemajuan yang dituntut oleh agama Islam serta tiada mendurhaka kepada kerajaan.<sup>60</sup>

Walaupun Vyner Brooke dibidas secara halus dalam keluaran pertamanya, tetapi *FS* memberikan penghormatan tinggi kepadanya. Gambarnya dipaparkan di muka depan halaman pertama *FS*. Pujian ini diberikan sebagai menghargai jasa baik Vyner Brooke meluluskan penerbitan *FS*. Pujinya :

---

<sup>59</sup> Abu Al-Ghaniah, “Permaisuri Elizabeth Raja Inggeris Dan Masanya Yang Bertuah”, *Fajar Sarawak*, 16 Jun 1930, hlm. 7.

<sup>60</sup> *Fajar Sarawak*, 1 Februari 1930, hlm. 2.

Sarawak arise as boldy wave  
Thy flag of Golden hue  
It's given by trusty friend  
As brave and just as true  
The Rajah loves his people  
Their cause be never forsook  
All generations yet to come  
Shall bless the name of Brooke.<sup>61</sup>

Ujarnya lagi :

[R]aja yang sangat-sangat kasih sayang kepada hamba rakyatnya terutama kepada anak-anak Melayu yang amat miskin dan daif, .... Hanya berdoalah kami kepada Tuhan seru alam sekalian mudah-mudahan apalah kiranya dicucuri-Nya hujan rahmat yang tiada berkeputusan di dalam seluruh jajahan-jajahan yang dalam pemerintahan kerajaan yang maha adil ... supaya dapatlah rakyat yang hina-dina miskin dan kaya sentiasa bernaung dengan keamanannya di bawah panji-panji keadilan....<sup>62</sup>

Di sebalik pujian tersebut, terselit pula sindiran halus terhadap Vyner Brooke. Orang Melayu hidup dalam kemiskinan dan ketinggalan pula dalam aspek ekonomi dan pendidikan. Penghijrahan bangsa asing terutamanya orang Cina mengancam hak dan kepentingan mereka. Penempatan di kota Kuching dikuasai oleh orang Cina. Tanah dan rumah orang Melayu juga terancam. Sepatutnya *FS* mengkritik Vyner Brooke dengan tegas dan lantang. Tetapi, *FS* hanya mengkritik secara halus dan mesejnya disampaikan secara tersirat. Pujian itu pula merupakan tamparan halus kepada Vyner Brooke.

---

<sup>61</sup> Ibid., hlm. 3.

<sup>62</sup> Ibid.

*FS* juga mengkritik sikap tidak prihatin Vyner Brooke terhadap kemudahan asas yang diperlukan oleh orang Melayu. Sebenarnya, bukan Vyner Brooke sahaja yang menjadi sasaran sindiran *FS*, bahkan pemimpin Melayu. Mereka juga tidak peka dengan keperluan asas orang Melayu. Sindiran itu berpunca daripada peristiwa pada malam Hari Raya Aidil Fitri. Orang Melayu di Kampung No. 4 menyambutnya tanpa bekalan elektrik. Ia mengecewakan *FS*. Sindirnya :

Sungguh berseri-serilah kedatangan Hari Raya Aidilfitri Al-Sa'id tahun 1348 [1930] ini kerana pada malam kejatuhananya itu telah diraikan dengan cukup puas kepada mata. Betapa tidak? Kerana jalan Datus Road itu dihiasi dengan pasangan api dan elektrik dimulai dari Kampung Masjid sampai Kampung Patingan. Terang-benderang sepanjang-panjang kampung itu ... (Kita bersedih hati pabila kita pandangkan pasangan api pada tahun ini seperti perahu karam ditimba ruang. Ialah oleh sebab Kampung Nombor 4 tidak berpasang. Sayang-sayang....).<sup>63</sup>

Pemimpin Melayu merupakan jambatan penghubung antara Vyner Brooke dengan orang Melayu. Sikap dan dasar Vyner Brooke terhadap orang Melayu juga dipengaruhi oleh pemimpin Melayu. Keprihatinan pemimpin Melayu terhadap hak dan nasib bangsanya akan mempengaruhi Vyner Brooke pula. Begitu juga sebaliknya. Kelalaian pemimpin Melayu menunaikan tanggungjawab membela orang Melayu menjelaskan kepentingan dan masa depan mereka.<sup>64</sup> Atas kesedaran ini, *FS* mengkritik kelemahan Vyner Brooke

---

<sup>63</sup> *Fajar Sarawak*, 1 Mac 1930, hlm. 3.

<sup>64</sup> Abu Al-Ghaniah, "Kasihkan Tanah Air", *Fajar Sarawak*, 1 Mac 1930, hlm. 7. Sambungan rencana berkenaan terdapat dalam *Fajar Sarawak*, 1 Jun 1930, hlm. 4.

dan pemimpin Melayu. FS mahu Vyner Brooke dan pemimpin Melayu melindungi hak dan membela kepentingan orang Melayu khususnya dan bumiputera umumnya.

### **Kemajuan dan Masa Depan Melayu**

FS memberikan perhatian khusus terhadap kemajuan dan masa depan Melayu. Terdapat dua aspek penting yang mendasari perbincangan FS tentang kemajuan. Pertama, punca yang menghalang kemajuan. Kedua, cara untuk menanganinya. Ia bertepatan dengan seruan FS, “Fajar telah tersinsing. Bangunlah wahai bangsaku”.<sup>65</sup> FS berpendapat kemajuan Melayu terletak dalam tangan pemimpin dan orang Melayu. Ini menyebabkan FS mengkritik kelemahan pemimpin dan orang Melayu juga.

Bagi FS, pemimpin Melayu menghidap penyakit hati. Penyakit hati yang utama ialah “mementingkan kefardhuan [kepentingan] dirinya sendiri sahaja”.<sup>66</sup> Sebaliknya, kepentingan orang Melayu diketepikan. Ini mendorong FS mengecam pemimpin Melayu dengan berkata :

[J]ika kita perhalusinya taklah ubahnya orang yang mempunyai perasaan demikian [mementingkan diri] dan tidak ambil pusing kefardhuan orang lain, seperti keadaan haiwan. Lihatlah haiwan-haiwan itu, mereka hanya mementingkan dirinya sahaja. Oleh sebab itulah semenjak

---

<sup>65</sup> *Fajar Sarawak*, 1 Februari 1930, hlm. 1.

<sup>66</sup> *Fajar Sarawak*, 1 Jun 1930, hlm. 5.

beberapa zaman dahulu kala tetaplah keadaan mereka itu tiada mempunyai kemajuan.<sup>67</sup>

Pemimpin Melayu juga menghidap penyakit “mementingkan kefardhuan [kepentingan] mereka sekaum keluarga sahaja”.<sup>68</sup> FS menyifatkan mereka tergolong dalam masyarakat Arab Jahiliyah.<sup>69</sup> Inilah prinsip hidup yang ditentang oleh FS. FS menggesa pemimpin Melayu mengambil iktibar daripadanya. Seperti yang ditegaskan oleh FS :

[P]ihak yang mementingkan kefardhuan mereka sekaum keluarga sahaja, tiadalah akan dapat menggerakkan tanah airnya ke lapangan kemajuan. Hal-hal yang begini dapat juga kita pencermin ke Tanah Arab di masa sebelum datang agama Islam ke sana. Mereka amat kuat sungguh mempertahan hak kaum keluarganya dan mereka tahan mati-matian kerana sebab-sebab yang sangkut dengan kaum keluarganya. Tetapi kerana mereka tiada mementingkan kefardhuan umum, kefardhuan yang bergantung dengan kebangsaan, hal yang begitu bukanlah akan memajukan tanah airnya tapi acapkali menerbitkan perselisihan dan perperangan di antara sesama mereka. Kehasilannya keadaan mereka semakin lama bertambah mundur. Untunglah datang agama Islam membawa suluh penerangan ke sana.<sup>70</sup>

---

<sup>67</sup> *Fajar Sarawak*, 1 Jun 1930, hlm. 5.

<sup>68</sup> Ibid.

<sup>69</sup> Menurut Muhammad Qutb, “Jahiliyah itu tidak sekadar terdapat pada satu penggal tertentu dari perjalanan sejarah umat manusia dan manakala kita telah mengetahui pula bahawa ia bukan merupakan kebalikan daripada apa yang disebut dengan ilmu pengetahuan, peradaban, kebudayaan dan seterusnya, melainkan ia merupakan penolakan terhadap petunjuk Allah dan tidak berhukum dengan apa yang diturunkan-Nya”. Untuk perbincangan lanjut, rujuk Muhammad Qutb, *Jahiliyah Masa Kini*, Penerbit Pustaka, Bandung, 1985, hlm. 1-7. Ahmad Zaki Haji Ibrahim, “Jahiliah dari Perspektif Al-Quran”, dalam *Al-Manar*, Edisi Julai 1999, Bilangan 4, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, hlm. 108-114.

<sup>70</sup> *Fajar Sarawak*, 1 Jun 1930, hlm. 5.

Orang Melayu juga mempunyai penyakitnya tersendiri. Penyakit pertamanya lalai dan leka dengan keseronokan sementara. Ia bukan hanya merugikan mereka, malah masa depan generasi akan datang. *FS* mahu orang Melayu menyedari kelalaian mereka mengejar kemajuan. Kritikan ini ditujukan oleh *FS* apabila menginsafi sikap orang Melayu meraikan pesta perlumbaan perahu. Ia dapat dikesan dalam satu laporannya :

Nampaknya perlumbaan perahu pada tahun ini [1930] terkuranglah sedikit ramainya daripada tahun-tahun yang lalu kerana perahu-perahu lumrah tersedikit bilangannya dan penonton-penonton pun kurang cergasnya. Agaknya disebabkan oleh perniagaan kurang maju. Semujur juga orang-orang Melayu kita ini tiada menghiraukan kesusahan yang di belakang dan kerosakan yang boleh jadi, kerana itu oleh telah sebatik tabiat pemborosnya sehingga tiadalah juga membawa perbezaan yang jauh di atas keramaian itu.<sup>71</sup>

Tambahnya lagi :

[P]endeknya semua bangsa-bangsa yang ada di dalam pemerintahan Sarawak ini mensifatkan hari itu ialah hari kelepasan am dan kesukaan ramai, kerana memuliakan kedatangan tahun baru – tetapi yang lebih-lebih meraikan dan memuliakan hari itu ialah bangsa Melayu. Sedang yang tinggal jauh-jauh dari bandar pun datang juga berhimpun menonton keramaian. Apatah lagi yang ada di dalam bandar Kuching hampir-hampir tiga suku rumah-rumah Melayu tinggal kosong.<sup>72</sup>

---

<sup>71</sup> *Fajar Sarawak*, 1 Jun 1930, hlm. 5.

<sup>72</sup> Ibid. Allah SWT berfirman, “Demi masa! Sesungguhnya manusia itu sentiasa berada dalam kerugian. Kecuali mereka yang beriman dan beramal soleh, dan berpesan-pesan agar mentaati kebenaran dan berpesan-pesan kepada kesabaran”. ( Surah Al-Asyraf : Ayat 1-4 ). *Al-Quran dan Terjemahannya*, hlm. 1099.

*FS* juga mengkritik sikap orang Melayu yang tidak bersungguh-sungguh dan rendah diri dengan bangsa asing.<sup>73</sup> Ia merupakan sikap negatif yang menghalang kemajuan Melayu. *FS* yakin, jika orang Melayu dapat membuang sikap tersebut, mereka mampu memajukan diri setanding dengan bangsa lain. Ini ditegaskannya dengan berkata :

Sekiranya bangsa kita ada berhati [bercita-cita kemajuan]  
kepada kaum sendiri dan tanah air sendiri, saya berani kata  
Melayu maju.<sup>74</sup>

Hasad dengki juga berbahaya kepada orang Melayu. Ia bukannya dalam erti kata yang mendorong persaingan sihat. Tetapi, hasad dengki ( malah khianat ) dengan kejayaan sesama Melayu.<sup>75</sup> Lantaran itu, *FS* mengingatkan :

Raikan kehidupan saudaramu  
Beramah-ramah janganlah jemu  
Sungguhkan hati bantu-membantu  
Hasad dan dengki jangan dijamu.<sup>76</sup>

---

<sup>73</sup> *Fajar Sarawak*, 1 Jun 1930, hlm. 5.

<sup>74</sup> *Fajar Sarawak*, 1 Mac 1930, hlm. 6.

<sup>75</sup> Mengenai pelbagai penyakit yang dihidap oleh masyarakat Melayu seperti yang didedahkan oleh *Fajar Sarawak*, Za'ba ( ketika merasmikan Kongres Guru-Guru Melayu Se-Malaya, 11-13 April 1946 ) mempunyai pandangannya tersendiri untuk mengubatinya. Ia diungkapkannya sebagai “didikan perangai” yang meliputi “asuhan agama dalam bahagian budi pekerti” dan “disertakan didikan otak”. *Masa*, 5 Mei 1946. Dipetik daripada Abdul Aziz Mat Ton, “Persekolahan Melayu 1945-1948 : Satu Manifestasi Semangat Perjuangan Melayu”, dalam Khoo Kay Kim ( ed. ), *Sejarah Masyarakat Melayu Modern*, hlm. 240.

<sup>76</sup> *Fajar Sarawak*, 1 Februari 1930, hlm. 3. Allah SWT berfirman, “Katakanlah. Aku berlindung kepada Tuhan Yang Menguasai Subuh, dari kejahatan makhluk-Nya ... dan dari kejahatan orang yang dengki apabila ia dengki”. ( Surah Al-Falaq : Ayat 1-5 ). *Al-Quran dan Terjemahannya*, hlm. 1120. Rasulullah SAW bersabda, “Penyakit umat terdahulu telah merebak kepada kamu iaitu kebencian dan kedengkian”. Sabda baginda lagi, “Tidak akan bertemu di dalam perut seseorang hamba dua perkara iaitu keimanan

Satu lagi punca yang menghalang kemajuan Melayu ialah pengabaian pemimpin dan orang Melayu terhadap kepentingan ilmu pengetahuan.<sup>77</sup> Bagi FS, ilmu adalah obor kemajuan. Menyedari kepentingannya, FS menegaskan “ilmu pengetahuan itu terlebih berharga daripada [e]mas dan intan”.<sup>78</sup>

Kegagalan menguasai ilmu pengetahuan menyebabkan mereka terus hidup dalam kemunduran. FS menggesa golongan terpelajar dan hartawan Melayu memberikan sokongan berbentuk ilmu, moral dan material. FS sedar kemajuan tidak dapat dicapai tanpa sokongan mereka juga. FS menyeru :

Korbankanlah buah fikiran  
Tuan-tuan pendita bangsawan hartawan  
Pimpinkan putera ke lorong kebajikan  
Supaya beransur maju ke hadapan.<sup>79</sup>

FS menegaskan kemiskinan juga merupakan penghalang kemajuan. Tanpa kemajuan ekonomi anak negeri, mereka bukan sahaja miskin dan mundur, malah tidak mampu

---

dan kedengkian”. Menerusi satu lagi peringatan baginda, “Waspadalah terhadap hasad. Sesungguhnya hasad mengikis pahala-pahala sebagaimana api memakan kayu. Awasi kamu dari buruk sangka kerana ia adalah sebohong-bohong cerita. Jangan kamu mengintip, berebut-berebut, berhasad dengki dan bermusuhan-musuhan. Jadikanlah kamu hamba Allah yang bersaudara”. Mohd. Yusof Abas, *40 Hadith Pilihan*, hlm. 51. Muhammad Faiz Almatth, *Seribu Seratus Hadis Terpilih*, hlm. 365-366.

<sup>77</sup> Abu Al-Ghaniah, “Kasihkan Tanah Air”, *Fajar Sarawak*, 1 Mac 1930, hlm. 7 dan *Fajar Sarawak*, 1 Jun 1930, hlm. 4. *Fajar Sarawak*, 1 Mac 1930, hlm. 3.

<sup>78</sup> *Fajar Sarawak*, 1 Mac 1930, hlm. 3.

<sup>79</sup> *Fajar Sarawak*, 1 Februari 1930, hlm. 3.

menyumbangkan kemajuan tanah air. Bagi *FS*, kekuatan ekonomi penting kerana ia merupakan aset utama kemajuan. *FS* menegaskan :

[S]edemikian juga apabila anak-anak negeri itu miskin tiada ada mempunyai harta untuk membuat perkara-perkara yang boleh mendatangkan faedah besar kepada tanah air mereka itu seperti membuat jambatan, jalan raya, sekolah-sekolah, jalan air untuk pakai orang bertanam padi, soldadu, mata-mata dan kereta api dan lain lagi daripada tiap-tiap perkara yang boleh mendatangkan dan kehasilan kepada tanah air dan putera bumi dan menolakkan dan memelihara daripada mara bahaya dan huru-hara kesusahan yang akan menimpa ke atasnya.<sup>80</sup>

*FS* mengemukakan saranan membina untuk mencapai cita-cita kemajuan. Pertama, perubahan dalam aspek hubungan dan peranan masyarakat Melayu. *FS* yakin kemajuan dapat dicapai dengan bersatu dan berganding bahu. Ia tidak berjaya dicapai sekiranya peranan dan tanggungjawab tersebut diletakkan di bahu individu dan golongan tertentu sahaja. Menyedari hakikat ini, *FS* menyeru pemimpin dan orang Melayu agar memperbaiki diri dan membuang sifat negatif yang menghalang kemajuan. Bagi *FS*, ia wajar diselesaikan terlebih dahulu kerana perubahan sikap merupakan pra syarat kemajuan. Peringatan ini dinyatakan oleh *FS* dengan berkata :

Sungguhkan hati bantu-membantu  
Daripada bercerai sayugialah sekutu  
Kewajipan diri siasat tentu  
Barulah dapat meninggikan mutu.<sup>81</sup>

---

<sup>80</sup> Abu Al-Ghaniah, “Kasihkan Tanah Air”, 1 Mac 1930, hlm. 7.

<sup>81</sup> *Fajar Sarawak*, 1 Februari 1930, hlm. 3.

Kedua, perubahan dari segi semangat dan jiwa. *FS* yakin kemajuan dapat dicapai jika masyarakat Melayu mempunyai perasaan cinta akan bangsa dan tanah airnya.<sup>82</sup> Berbekalkan semangat ini, *FS* yakin sikap negatif mereka yang menghalang kemajuan dapat diatasi.

Jika dilihat kedua-dua aspek perubahan yang disarankan oleh *FS* : aspek hubungan dan peranan dengan semangat dan jiwa, jelas pendekatan yang diketengahkan oleh *FS* bersifat saling melengkapi. Berbekalkan semangat cinta akan bangsa dan tanah airnya, *FS* menggesa masyarakat Melayu bersatu dan berusaha mencapai kemajuan. Bagi *FS*, golongan kaya dan miskin, golongan cerdik dan jahil dan golongan pemimpin dan rakyat mesti bekerjasama. Ini ditegaskannya dengan berkata :

[B]agi kaum bangsa kita supaya berdiri dengan bersatu hati bagi mekhidmatkan [berkhidmat] dan mengkasihkan [mengasih] tanah air dan kaum bangsa yang dikasihi dan bertolong-tolongan bagi mendatangkan manfaat dan menolakkan mudharat daripadanya.<sup>83</sup>

Tegasnya lagi :

[P]ada hari ini tiadalah patut lagi kita berpeluk tubuh masing-masing. Akan tetapi inilah hari yang wajib kita bekerja – berusaha bertolong-menolong dan berbantuan yang kaya menolong yang miskin dengan wangnya – yang miskin menolong yang kaya dengan tulang-balungnya dan yang bijak mendidikkan yang bodoh – dan

---

<sup>82</sup> *Fajar Sarawak*, 1 Jun 1930, hlm. 4.

<sup>83</sup> Ibid.

yang pandai mengajarkan yang jahil dan pembesar memimpinkan yang kecil [rakyat].<sup>84</sup>

Ketiga, *FS* berpendapat kemajuan dapat dicapai dengan pendekatan yang sistematik dan praktikal. Usaha yang diambil mesti dilaksanakan secara teliti dan beransur-ansur. Untuk mencapainya, *FS* menyarankan kepentingan mengutamakan aspek terpenting dahulu, terutamanaya ekonomi dan pendidikan. *FS* sedar kedua-duanya ( ekonomi dan pendidikan ) berperanan sebagai nadi kemajuan. Seperti yang ditegaskan oleh *FS* :

[S]abarkanlah dulu penyakit-penyakit yang menyebabkan kaum dan bangsa kita itu menjadi mundur ( kalau yang masih boleh disabarkan ) dalam pada itu usahakanlah sedikit-sedikit menanam benih perasaan supaya bangsa kita itu mempunyai perasaan suka kepada jalan kemajuan yang telah kita fikirkan lebih dahulu itu, dan ansurlah sedikit-sedikit buat me[ng]hapuskan jalan-jalan yang menjadikan bangsa kita itu menjadi mundur .... Biar lambat-lambat kita bekerja asalkan selamat.<sup>85</sup>

Keempat, kemajuan juga dapat dicapai melalui pengorbanan. *FS* menggesa masyarakat Melayu agar sanggup mengorbankan masa, tenaga dan harta demi kemajuan yang dicita-citakan. Oleh itu, *FS* menyeru mereka agar berlumba-lumba berbakti dan berkorban untuk memajukan bangsa dan tanah airnya. Bagi *FS*, ia tidak merugikan malah jasa mereka dikenang sepanjang zaman. *FS* berkata :

---

<sup>84</sup> *Fajar Sarawak*, 1 Februari 1930, hlm. 2. Rasulullah SAW bersabda, “Perumpamaan orang-orang mukmin dalam cinta dan kasih sayang, mereka adalah bagaikan satu tubuh. Apabila ada salah satu anggota tubuhnya yang mengadu kesakitan, maka anggota tubuh yang lainnya ikut merasakannya”. Mohd. Yusof Abas, *40 Hadith Pilihan*, Yayasan Dakwah Islamiyah Malaysia, Kuala Lumpur, 1978, hlm. 42.

<sup>85</sup> *Fajar Sarawak*, 1 Februari 1930, hlm. 5.

Insya-Allah orang yang demikian itu hiduplah ia di dalam dunia dengan berbahagia dan dihormati orang dan mati ia dengan kematian orang yang berjasa dan diingati orang.

[Y]a! Walaupun mati jasadnya tetapi hidup namanya di dalam segenap hati kaum bangsanya. Siapakah orang yang telah menjadi buah mulut tiap-tiap manusia itu? Dan siapakah orang yang telah riuh bunyi surat-suratkhabar dan buku-buku menyiarakan pujian kepadanya?

Dan siapakah yang mempunyai patung-patung yang telah didirikan di dalam kota-kota yang besar-besar itu? Ialah orang-orang yang kasih-sayang dan berjasa kepada tanah air dan kaum bangsanya.<sup>86</sup>

Kelima, FS menyeru masyarakat Melayu mencontohi kejayaan Nabi Muhammad SAW<sup>87</sup> dan bangsa asing.<sup>88</sup> Baginda mula bergiat aktif dalam bidang perniagaan semenjak berumur 12 tahun lagi. Baginda dibawa oleh bapa saudaranya, Abu Talib berdagang hingga ke Syam.<sup>89</sup> FS mahu mereka sedar bermula bukanlah pekerjaan yang rendah

---

<sup>86</sup> Abu Al-Ghaniah, "Kasihkan Tanah Air", *Fajar Sarawak*, 1 Jun 1930, hlm. 4.

<sup>87</sup> Baginda dilahirkan pada 2 Ogos 570 di Mekah bersamaan 12 Rabiulawal Tahun Gajah. Muhammad merupakan anak kepada Abdullah Abdul Mutalib dan Aminah Wahab. Ibu bapanya berasal dari keluarga bangsawan Quraisy. Sejak kecil lagi, baginda menjadi anak yatim piatu. Muhammad mendapat didikan daripada datuknya, Abdul Mutalib dan ayah saudaranya, Abu Talib. Baginda berkahwin dengan Siti Khadijah ketika berusia 25 tahun. Ketika berumur 40 tahun, Muhammad diangkat sebagai Rasulullah. Baginda meninggal dunia pada 632 dan dikebumikan di Mekah. Untuk perbincangan lanjut, rujuk Afzalur Rahman, *Ensiklopedia Sirah, Sunnah, Dakwah dan Islam* ( terjemahan Zaharah Salleh ), Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1992, hlm. 25-33. *The Concise Encyclopaedia of Islam*, Stacey International, London, 1989, hlm. 279-284. *Shorter Encyclopaedia of Islam*, E.J. Brill, Leiden, 1974, hlm. 391-405.

<sup>88</sup> *Fajar Sarawak*, 1 Februari 1930, hlm. 4.

<sup>89</sup> *Fajar Sarawak*, 1 Mac 1930, hlm. 5.

nilainya. Sebaliknya, ia diberikan kedudukan tinggi dalam sejarah hidup Nabi Muhammad SAW.

Begitu juga kejayaan bangsa asing. Ini mendorong *FS* menggesa pemuda-pemudi Melayu menggembira ke negeri lain menuntut ilmu. Mereka juga disarankan berdagang ke seberang laut untuk mencari kekayaan. *FS* menegaskan :

Lihatlah di dalam riwayat negeri Amerika Syarikat yang mashyur itu bukankah mula-mulanya didapati oleh seorang pengembara bangsa Eropah? Perhatikan di dalam tarikh negeri kita ini mula-mula ia dapat diperintah oleh Seri Paduka Duli Yang Maha Mulia Sir James Brooke itu tidakkah dengan sebab pelayaran Duli Yang Maha Mulia itu? Sedemikian jua tanah Indonesia yang telah dapat ditakluki oleh bangsa Belanda itu pun sebab mereka itu mengembara jua.<sup>90</sup>

Dalam usaha menyedarkan masyarakat Melayu agar bangkit ke arah kemajuan, *FS* juga menggunakan perkembangan tamadun Eropah. *FS* menyeru masyarakat Melayu agar mencontohi tamadun Greek, Rom dan Mecadonia.<sup>91</sup> *FS* mahu masyarakat Melayu sedar mereka juga mampu membina kemajuan seperti bangsa lain. Malah, *FS* juga menggesa mereka berlumba-lumba mengejar ilmu pengetahuan dengan mengambil iktibar sumbangan tamadun Islam terhadap kemajuan di Eropah umumnya dan Sepanyol khususnya.<sup>92</sup> Ia dinyatakan oleh *FS* dalam penegasannya :

---

<sup>90</sup> Abu Al-Ghaniah, "Kasihkan Tanah Air", *Fajar Sarawak*, 1 Jun 1930, hlm. 4.

<sup>91</sup> Abu Al-Ghaniah, "Ringkasan Perkitaran Dunia", *Fajar Sarawak*, 1 Mac 1930, hlm. 4-5.

Negeri-negeri Islam telah mencapai kemajuan tetapi benua Eropah masa itu masih tetap juga di dalam kegelapannya [Zaman Gelap]. Untunglah kerajaan Islam telah sampai memerintah pada masa itu ke negeri Sepanyol [Andalus] dan di sana didirikan orang-orang Islam beberapa banyak sekolah-sekolah tinggi yang diajarkan padanya berbagai macam-macam ilmu.

Ke sanalah orang-orang Eropah datang belajarkan ilmu pengetahuan. Dengan sebab itu beransur-ansur pulalah negeri mereka itu [di Eropah] menjadi maju. Agama Islam ... telah dapat menggerakkan hati pemeluknya sehingga kemajuan yang diperdapat mereka melimpah ke benua Eropah.

[D]apatlah kita mengetahui yang agama Islam itu tiada me[ng]halangi pemeluknya bergerak menuju jalan kemajuan malahan ialah [Islam] yang mula-mula membuka jalan itu [kepada Eropah ketika Zaman Gelapnya].<sup>93</sup>

Rencana kebangkitan Jerman selepas tewas dalam Perang Dunia I juga dipaparkan oleh FS. Ia berperanan sebagai iktibar dan penyalur semangat kemajuan kepada masyarakat Melayu. FS mahu mereka mencontohi kesungguhan orang Jerman membangunkan semula kekuatan tanah airnya. Sikap positif dan progresif ini juga seharusnya dimiliki oleh masyarakat Melayu.

---

<sup>92</sup> Kerajaan Bani Umayyah memerintah Andalus ( Sepanyol ) sekitar 800 tahun. Ia diasaskan oleh Abdul Rahman Al-Dakhili pada 711. Dalam tempoh 711-1492, Andalus menjadi negara termaju di Eropah. Ia berperanan sebagai pusat penyebaran peradaban Islam ke Eropah. Ini berlaku melalui kegiatan intelektual, perdagangan, penghijrahan dan pendakwahan. Kemajuan dicapai dalam aspek pendidikan, sejarah, geografi, perdagangan, perindustrian, pertanian, seni bina, falsafah, matematik dan sains. Untuk perbincangan lanjut, rujuk Azizan Baharudin, *Pengenalan Tamadun Islam Di Andalus*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1986. Abdul Rahman Haji Abdullah, *Sejarah dan Tamadun Islam*, Teks Publishing Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, 1988. Ahmad Haji Hasbullah, *Perkembangan Tamadun Islam Abad Pertengahan*, Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia, Kuala Lumpur, 1993.

<sup>93</sup> *Fajar Sarawak*, 16 Jun 1930, hlm. 4.

Bagi *FS*, kejayaan orang Jerman memperkuatkan semula negaranya disebabkan oleh tiga faktor utama. Pertama, mereka mempunyai ilmu pengetahuan yang tinggi. Kedua, dengan ilmu yang tinggi mereka berjaya membangunkan teknologi. Ketiga, kekuatan orang Jerman dalam aspek ekonomi.<sup>94</sup> *FS* yakin masyarakat Melayu juga mampu mencapai kemajuan jika mereka menguasai ilmu, teknologi dan ekonomi. Seperti katanya :

[S]elepas kekalahan dalam Perang Dunia I, berhadaplah bangsa Jerman bersungguh-sungguh dengan menyinsingkan lengan bajunya bagi membuat pekerjaan yang boleh mendatangkan faedah yang maha besar kepada bangsa dan tanah airnya di dalam medan pertukangan, perkebunan, kepandaian dan serba aneka pengetahuan.<sup>95</sup>

Ini menyebabkan *FS* memuji kejayaan dan kegigihan orang Jerman :

Jika sekiranya kita mengikut fikiran yang kebiasaan [tidak berkemajuan] nescaya kita terkakan [tidak berganjak

---

<sup>94</sup> Jika ditinjau semula sejarah kebangkitan Jerman menjelang Perang Dunia Dunia Ke-II, ketiga-tiga faktor tersebut sememangnya menjadi asas pentingnya. Ia diakui oleh sarjana Sejarah Jerman, Robert-Hermann Tenbrock. Menurutnya, kebangkitan Jerman berkait rapat dengan kejayaan Pelan Dawes “to stabilise the German economy” hingga membawa kepada “the union of capital and technical science was complete”. Pada masa yang sama, pembangunan semula ekonomi Jerman “was accompanied by comparative prosperity in all classes of German society... thus given a share in the country’s economic prosperity ... rise in the general standard of living”. Ia juga bertitik-tolak daripada pencapaian “a new style of architecture” yang bercirikan “functional design and the use of modern materials” untuk mencapai “a modern industrial city”. Tegasnya lagi, “On the whole, the intellectual creative spritis ... had welcomed the revolution” sejak 1918. Malah, “the implications of philosophic thought constrained scientists to widen the horizon of the physical sciences ... acquired a greater prominence than ever, particularly in Germany”. Ini disifatkannya sebagai, “Intellectual Life in Germany”. Robert-Hermann Tenbrock, *A History Of Germany* ( terjemahan Paul J. Dine ), Longmans, London, 1969, hlm. 264-269.

<sup>95</sup> Abu Al-Ghaniah, “Jerman Dengan Kemajuannya Yang Baharu Setelah Berhenti Peperangan Besar”, *Fajar Sarawak*, 1 Jun 1930, hlm. 2.

daripada] tempat itu telah hilang lenyap sama sekali dari alam dunia ini. Tetapi bangsa Jerman sebagaimana yang dikata tadi sekali-kali tiada ada padanya sifat putus harapan telah mengubahkan tujuan tempat itu hingga jadi ia tempat mengeluar perkakas-perkakas untuk keselamatan dan keamanan dunia....<sup>96</sup>

Sejarah Nabi Muhamad SAW dan tamadun Islam juga diketengahkan.<sup>97</sup> Ia penting kerana Melayu dan Islam sememangnya tidak dapat dipisahkan.<sup>98</sup> FS menggunakan Islam sebagai asas menyedarkan masyarakat Melayu ke arah kemajuan. Melaluinya, FS memperlihatkan kepentingan Islam sebagai umbi kemajuan. Hal ini dijelaskan oleh FS dengan mengemukakan contoh kejayaan Islam membawa sinar perubahan kepada kehidupan Arab Jahiliyah.<sup>99</sup> Ia dijelaskan oleh FS dengan berkata :

---

<sup>96</sup> Ibid.

<sup>97</sup> Menurut Qamus Idris Al-Marbawi, tamadun berasal daripada perkataan *madana* yang bererti kehalusan budi pekerti dan akhlak mulia seperti orang kota. Sebelum istilah tamadun digunakan secara meluas, sarjana muslim menggunakan *al-Madaniyah*, *al-Umrان* dan *al-Hadharah*. Antaranya Abu Nasr al-Farabi, Ibnu Khaldun, Muhammad Farid Wajdi, Sheikh Muhammad Abdurrahman Jurji Zaidan. Untuk perbincangan lanjut tentang sejarah Nabi Muhammad SAW dan tamadun Islam secara menyeluruh ( meliputi konsep, perkembangan dan sumbangannya ), rujuk Ismail Bakar, *Sejarah Tamadun Islam*, Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 1999. Amir A. Rahman, *Pengantar Tamadun Islam*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1991, hlm. 1-20.

<sup>98</sup> *Fajar Sarawak*, 1 Jun 1930, hlm. 5.

<sup>99</sup> Untuk perbincangan lanjut tentang latar belakangnya, rujuk Ahmad Amin, *Fajar Islam*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1980, hlm. 1-105. Zainal Arifin Abbas, *Sejarah dan Perjuangan Nabi Muhammad*, Jilid I, Pustaka Antara, Kuala Lumpur, 1982, hlm. 306-418. Abul Hasan Ali Al-Hasany An-Nadwy, *Kerugian Dunia Kerana Kemunduran Umat Islam* ( terjemahan Bey Ariffin dan Yunus Ali Al-Muhdlar ), Pustaka Nasional, Singapura, 1984, hlm. 31-72. M.J. Kister, *Society and Religion from Jahiliyya to Islam*, Variorum Gower Publishing Group, London, 1990.

Dalam hal yang demikian, Allah Subhanau wa Ta'ala pun lalu membangkitkan Rasul-Nya Nabi Muhamad SAW di Tanah Arab untuk menunjuki manusia jalan yang terang dan lurus. Dua puluh tiga tahun Nabi Muhamad SAW menyiarkan peraturan-peraturan agama Islam. Keadaan di Tanah Arab sudah berubah. Tanda-tanda kemajuan sudah mulai bercahaya. Kemudian usaha yang mulia itu disambung oleh sahabat-sahabatnya. Demikianlah beransur-ansur negeri-negeri Islam menuju ke jurusan kemajuan.<sup>100</sup>

Sebelum kedatangan Islam pula, *FS* menjelaskan :

[K]eadaan di dunia amatlah kolotnya. Di segala penjuru dunia amatlah gelapnya. Tiadalah kelihatan jalan mana yang akan ditempuh. Nama kemajuan pada masa itu tiada kedengaran, dengan sebab itu tak hairan lagi kalau di mananya terbit kejadian-kejadian yang menyeramkan bulu rom.... Pembunuhan, persundulan dan berbagai-bagai pekerjaan yang jahat bercabul di seluruh muka bumi. Apabila kita buka lembaran tarikh kelihatan dengan jelas kepada kita yang di masa itu dunia sudah penuh dengan kekotoran.

Oh! Dunia dalam kegelapan.<sup>101</sup>

Dalam konteks kehidupan umat Islam, *FS* menegaskan kemajuan mesti diletakkan dalam ruang lingkup Islam berlandaskan Al-Quran dan Sunnah Rasulullah SAW.<sup>102</sup> Bagi *FS*,

---

<sup>100</sup> *Fajar Sarawak*, 16 Jun 1930, hlm. 4.

<sup>101</sup> Ibid.

<sup>102</sup> Al-Quran ialah *kalamullah* ( firman Allah ). Ia diturunkan kepada Nabi Muhamad SAW melalui Malaikat Jibrail. Al-Quran termaktub dalam *mashaf* dan diturunkan secara *mutawatir* ( beransur-ansur dan tersusun ). Bacaannya diibadatkan, dengan lafaz dan makna dari Allah SWT melalui bahasa Arab. Ia adalah mukjizat teragung Nabi Muhammad SAW. Al-Quran adalah pokok agama, perlembagaan umat Islam dan tiang Islam. Ia mengandungi 114 surah. Sunnah Rasulullah SAW pula merujuk keseluruhan

Islam merupakan kunci kemajuan dunia dan kebahagian akhirat. Inilah konsep kemajuan yang disarankan oleh FS. Ia ditegaskannya dengan berkata :

[A]pabila kita hendak mencapai kemajuan, selaku satu kemajuan yang yang direhui Allah dan Rasul-Nya sewajibnya kita mengambil agama Islam itu menjadi suluh dan pedoman. Dan sewajibnya kita berjalan dalam menuju padang kemajuan itu dengan berasaskan agama Islam, dan kita pimpinlah kaum dan bangsa kita di atas jalan yang tiada melanggar perintah-perintah agama itu [Islam].<sup>103</sup>

FS turut mengkritik kemajuan yang dicapai oleh Barat umumnya. Tetapi, FS tidak pula mengkritik kemajuan Barat seperti dilaksanakan oleh Brooke. Mereka memisahkan agama daripada urusan keduniaan. Bagi FS, ia adalah kemajuan yang pincang kerana berpandukan akal dan nafsu semata-mata. Atas landasan ini, tidak keterlaluan jika dikatakan FS bersikap kritis juga terhadap kemajuan Barat yang bersifat sekularisme.<sup>104</sup>

FS mengingatkan :

---

cara hidup baginda. Untuk perbincangan lanjut, rujuk Haron Din ( et al. ), *Manusia dan Islam*, Polis Diraja Malaysia, Kuala Lumpur, 1985, hlm. 232- 251. Untuk penjelasan lebih lanjut, rujuk Ismail R. al-Faruqi and Lois Lamya' al Faruqi, *The Cultural Atlas of Islam*, MacMillan Publishing Company, New York, 1986, hlm. 95-140.

<sup>103</sup> *Fajar Sarawak*, 16 Jun 1930, hlm. 4.

<sup>104</sup> Sekularisme didefinisikan sebagai, “pembebasan manusia daripada agama dan kongkongan ketuhanan ke atas pemikiran, perbuatan dan pertuturan manusia. Sekularisme juga membawa maksud pelepasan manusia daripada pengertian keagamaan dan ketuhanan”. Untuk perbincangan lanjut, rujuk Syed Muhammad Al-Naqib Al-Attas, *Islam and Secularism*, Muslim Youth Movement of Malaysia ( ABIM ), Kuala Lumpur, 1978, hlm. 13- 46, *Islam dan Sekularisme*, Penerbit Pustaka, Bandung, 1981 dan *Islam, Secularism and the Philosophy of the Future*, Mansell, London, 1985. Che Yusoff Che Mamat, *Sekularisme : Perkembangannya Dalam Masyarakat Muslim*, Al-Rahmaniah, Kuala Lumpur, 1988. Siddiq Fadil, *Kebangkitan Umat : Kenyataan Dan Harapan*, Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia, Kuala Lumpur, 1983, hlm. 21-30.

Tuan-tuan janganlah berasa khuatir dengan mengemukakan agama Islam dan dengan berjalan di atas undang-undang Islam kita nanti akan mencapai kemajuan. Kita tiada kalah nanti bila ditentangkan dengan kemajuan-kemajuan [Barat] yang diperdapat oleh akal manusia semata-mata dan beralasan hanya kepada akal.<sup>105</sup>

Seterusnya, *FS* meyakini :

Dalam Islam cukup asas-asas yang akan membawa kita kepada jalan kemajuan itu. Dan dengan berjalan di atas asas itu [Islam] kita dapat keyakinan yang penuh akan mendapat keselamatan dunia dan akhirat.<sup>106</sup>

*FS* menitikberatkan kemajuan dan masa depan Melayu. *FS* menyedari punca yang menghalang kemajuan Melayu. Ia mencakupi dua aspek iaitu dalaman dan luaran. Aspek dalaman merujuk kepada sikap negatif. Aspek luaran pula ialah kemunduran ekonomi dan pendidikan. Untuk menyedarkan masyarakat Melayu ke arah kemajuan, *FS* mengkritik sikap pemimpin dan orang Melayu di samping memberikan cadangan yang membina dan menggunakan sejarah Islam dan Eropah sebagai iktibar dan dorongan kepada mereka.

---

<sup>105</sup> *Fajar Sarawak*, 16 Jun 1930, hlm. 4.

<sup>106</sup> *Fajar Sarawak*, 16 Jun 1930, hlm. 4.

## **Perpaduan Melayu dan Persaudaraan Islam**

Orang Melayu di Sarawak berasal daripada pelbagai cabang. Sesetengahnya berasal daripada keturunan Datu Merpati Jepang. Terdapat juga yang berasal dari Brunei, Tanah Melayu dan Sumatera. Malah, terdapat sarjana yang mengatakan orang Melayu berasal daripada kaum Dayak yang terawal memeluk Islam.<sup>107</sup>

Orang Melayu tradisional mempunyai susun lapis masyarakatnya tersendiri. Ia terbahagi kepada tiga kelas. Kelas pertama ialah golongan pemberesar yang berasal dari Brunei. Mereka dikenali sebagai pangiran dan syarif. Kelas kedua terdiri daripada golongan pemimpin Melayu. Mereka lebih dikenali sebagai Datu-datu Melayu. Kelas ketiga ialah rakyat biasa.<sup>108</sup> Sistem kelas dalam masyarakat Melayu, demografi yang bertaburan dan kepelbagaian cabang asal-usul, meskipun tidak menimbulkan perpecahan, tetapi ia mewujudkan jurang hubungan dalam masyarakat Melayu.

Pada awal abad ke-20 hingga awal 1930-an, seruan ke arah perpaduan Melayu-Muslim di Tanah Melayu dan Indonesia turut mempengaruhi golongan terpelajar Melayu di Sarawak. Ini menyebabkan perpaduan Melayu dan persaudaraan Islam turut menjadi

---

<sup>107</sup> Sanib Said, *Malay Politics In Sarawak 1946-1966*, hlm. 4-5 dan “Islam di Sarawak : Sejarah Ringkas 1476-1941”, dalam Khoo Kay Kim (ed.), *Tamadun Islam di Malaysia*, hlm. 182-183.

<sup>108</sup> Sabihah Osman, “Keadaan Masyarakat Bumiputera Sarawak Pada Abad Kelapan Belas dan Awal Abad Kesembilan Belas”, hlm. 6-7. Sanib Said, *Malay Politics in Sarawak 1946-1966*, hlm. 7-8.

agenda perjuangan mereka apabila *FS* diasaskan. Bagi *FS*, kepentingan perpaduan Melayu khususnya dan umat Islam umumnya, diperlukan terutamanya menghadapi cabaran arus kemajuan dan ancaman bangsa asing.

Antara perkara yang diperkatakan oleh *FS* ialah identiti Melayu. Ia difokuskan kepada sifat sejati Melayu. *FS* tidak membezakan orang Melayu berdasarkan darah keturunan. Bagi *FS*, sesiapa sahaja yang berasal-usul dari bangsa dan Alam Melayu, di samping mengamalkan cara hidup berteraskan kebudayaan Melayu, dianggap sebagai Melayu. Islam juga merupakan ciri penting Melayu kerana ia sebat dengan identiti Melayu.<sup>109</sup>

Ini berbeza dengan perbahasan takrif Melayu di Tanah Melayu pada 1930-an. Ia dipelopori oleh Abdul Rahim Kajai.<sup>110</sup> Baginya, orang Melayu terbahagi kepada dua : “Melayu Jati”, penduduk asal Tanah Melayu dan “Melayu Dagang”, yang berasal dari Kepulauan Melayu lain yang berhijrah ke Tanah Melayu. Orang Melayu peranakan (

---

<sup>109</sup> Ia sejajar dengan ciri-ciri Melayu yang terangkum dalam ungkapan Za’ba, “satu darah asalkan Melayu namanya dan Islam agamanya walau di manapun cerok rantau jajahan negerinya”. Adnan Hj. Nawang, *Za’ba dan Melayu*, hlm. 204.

<sup>110</sup> Beliau lahir pada 1894 di Setapak, Kuala Lumpur. Abdul Rahim Kajai ( Kajai ) mendapat pendidikan di Sekolah Melayu Setapak pada 1900. Pada 1906, Kajai menuntut di Mekah selama tiga tahun. Beliau pernah berkhidmat sebagai Pengatur Huruf Melayu di Pejabat Cap Kerajaan ( Kuala Lumpur ) dan Pengatur Huruf Inggeris di Malaya Publishing House Company ( Singapura ). Kajai merupakan wartawan dan sasterawan Melayu terkenal khususnya pada 1930-an. Beliau pernah menjadi Pengarang *Saudara, Majlis, Warta Malaya, Warta Ahad, Utusan Melayu dan Perubahan Baharu*. Kajai meninggal dunia pada 5 Disember 1943. Untuk perbincangan lanjut, rujuk Abdul Latif Abu Bakar, *Abdul Rahim Kajai : Wartawan dan Sasterawan Melayu*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1984 dan “Abdul Rahim Kajai”, dalam Abdullah Zakaria Ghazali dan Adnan Haji Nawang, *Biografi Tokoh Pilihan Malaysia*, Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1997, hlm.1-19.

Jawa dan Arab ) terkeluar dari rumpun bangsa Melayu.<sup>111</sup> Oleh itu, takrif Melayu Abdul Rahim Kajai terkeluar daripada kerangka pemikiran FS. Sebaliknya, FS sealiran dengan pemikiran Za'ba<sup>112</sup> tentang konsep bangsa Melayu.<sup>113</sup>

---

<sup>111</sup> Tentang perbahasaan takrif Melayu yang merangkumi orang Melayu Darah Keturunan Keling ( DKK ) dan Darah Keturunan Arab ( DKA ) di Tanah Melayu, rujuk Adnan Haji Nawang, *Za'ba dan Melayu*, hlm. 208-267. Abdul Latif Abu Bakar, *Abdul Rahim Kajai*, hlm. 105-111. Di Sarawak, hal ini tidak begitu menonjol. Ini mungkin disebabkan oleh dua faktor. Pertama, jumlah orang Melayu yang berdarah India dan Arab tidak begitu ramai di Kuching, malahan hingga ke hari ini ( tidak ada data khusus mengenainya. Orang Melayu kacukan lazimnya dikategorikan sebagai Melayu ). Kedua, mereka juga bukan golongan yang berpengaruh dalam masyarakat Melayu khususnya dalam aspek ekonomi dan ilmu pengetahuan ( Islam ) seperti di Tanah Melayu. Namun, orang Melayu Sarawak khususnya golongan perabangan dan pemimpin Melayu masih belum dapat menerima sepenuhnya orang Arab dan India-Muslim sebagai sebahagian daripada orang Melayu Sarawak. Misalnya, di peringkat awal penubuhan PKMS ( 1939 ), orang yang berketurunan Arab dan India-Muslim tidak diterima menjadi ahli PKMS. Tetapi, tidak dapat dipastikan dengan jelas sama ada orang Melayu di Kuching ketika itu bersedia menerima DKA dan DKI yang mengamalkan adat dan budaya Melayu ( termasuk berbahasa Melayu dan beragama Islam ) sebagai Melayu. Di Miri pula, orang Melayu bersedia menerima India-Muslim dan Arab sebagai sebahagian daripada orang Melayu. Contohnya, keahlian Persatuan Melayu Miri yang ditubuhkan pada 1937 juga meliputi India-Muslim dan Arab. R.H.W. Reece, *The Name of Brooke*, hlm. 134. Persatuan Kesusastraan Sarawak, *Fajar Sarawak*, hlm. xvii. Mohammad Hasbie Sulaiman, *Perjuangan Anti-Cession Sarawak*, hlm. 18.

<sup>112</sup> Za'ba ialah nama pena bagi Zainal Abidin Ahmad. Beliau lahir pada 16 September 1895 di Kampung Bukit Kerdas, Jempol, Negeri Sembilan. Beliau mendapat pendidikan awalnya di Sekolah Melayu Bukit Kerdas pada 1907 dan Sekolah Linggi pada 1909. Za'ba juga mendapat pendidikan di St. Paul's Institution dan Maktab Melayu Kuala Kangsar. Za'ba memperolehi Senior Cambridge pada 1915. Za'ba pernah berkhidmat sebagai guru, penterjemah, pengarang dan pensyarah. Di sepanjang hayatnya, Za'ba merupakan Patriot dan Pendeta Melayu yang terbilang. Beliau aktif menulis tentang segala masalah masyarakat Melayu. Za'ba meninggal dunia pada 23 Oktober 1973. Untuk perbincangan lanjut, rujuk Adnan Haji Nawang, *Za'ba dan Melayu* dan *Za'ba : Patriot dan Pendeta Melayu*, Yayasan Penataraan Ilmu, Kuala Lumpur, 1994.

<sup>113</sup> Untuk perbincangan lanjut tentang pemikiran Za'ba berhubung konsep Melayu dan pemikiran politiknya, rujuk Adnan Haji Nawang, *Za'ba dan Melayu*, hlm. 188-212.

*FS* menyedari Melayu dan Islam sebat dalam kehidupan masyarakat Melayu. Ia merupakan dua unsur yang tidak dapat dipisahkan. *FS* mengambil pendekatan menggabungkan Melayu dengan Islam sebagai asas perpaduan.<sup>114</sup> Kepada *FS*, ia penting kerana :

Tidak syak lagi jika bersatu hati ... tentulah bersegera maju tanah air dan kaum bangsa kita, dan pemerintah kita pun tentu suka jua sebab tiap-tiap maju rakyatnya tentu maju pemerintahnya dan jika mundur rakyat mundurlah jua pemerintahnya.<sup>115</sup>

*FS* menggariskan tiga ciri utama yang menentukan sifat Melayu sejati. Pertama, orang Melayu yang sejati ialah orang yang membina ikatan persaudaraan tanpa mengira kedudukan dan asal keturunan. Mereka mengamalkan sikap saling kasih-mengasihi dan bantu-membantu. Mereka berkongsi hidup dalam erti kata berat sama dipikul dan ringan sama dijinjing.<sup>116</sup> Katanya :

---

<sup>114</sup> Mohammad Arsyad Lubis, “Kewajipan Kita Selaku Satu Manusia”, *Fajar Sarawak*, 1 Jun 1930, hlm. 5, Ahmad Syah, “Dari Hal Agama Islam”, dalam *Fajar Sarawak*, 1 Jun 1930, hlm. 8 dan Abu Al-Ghaniah, “Kasihkan Tanah Air”, dalam *Fajar Sarawak*, 1 Mac 1930, hlm. 7 dan *Fajar Sarawak*, 1 Jun 1930, hlm. 4. Maksud firman Allah SWT, “Dan berpegang teguhlah kamu sekalian dengan tali Allah ( Al-Quran ) dan janganlah kamu bercerai-berai”. ( Surah Ali-Imran : Ayat 103 ). *Al-Quran dan Terjemahannya*, hlm. 93.

<sup>115</sup> Abu Al-Ghaniah, “Kasihkan Tanah Air”, *Fajar Sarawak*, 1 Jun 1930, hlm. 4.

<sup>116</sup> Saranan yang hampir sama disuarakan oleh *Al-Ikhwan* dalam seruannya, “Hulurkanlah tangan kamu wahai sekalian ikhwan [saudara] kepada tangan segala ikhwan kamu. Bersekutulah [bersatu] masing-masing pada punca kehidupan watan dan ahli-ahlinya berikat, bertolong-tolonglah sekalian kamu ke dalam tiap-tiap perkara yang memberi faedah kepada bangsa dan watan kamu ... [sebelum] sekalian bangsa-bangsa yang lain akan menyekat pula segala pintu kelabaan [kekayaan] dan menyumbat lubang kemajuan”. *Al-Ikhwan*, 16 September 1926. Dipetik daripada Talib Samat, *Syed Sheikh Al-Hadi*, hlm. 126.

Adalah sifat-sifat orang-orang yang bersaudara dan ber kaum bangsa itu hendaklah ada peramahnya dan kasih-sayangnya serta bantu-membantu satu dengan lainnya supaya sejahtera kehidupan, mudah segala perusahaan dan ringan segala pikulan yang berat apatah lagi jikalau yang ringan-ringan.<sup>117</sup>

*FS* menegaskan orang yang tidak mempunyai sifat-sifat tersebut tidak layak dipanggil sebagai Melayu. Ini menyebabkan *FS* menempelaknya dengan berkata :

[H]ubaya! Adakah patut pengakuan bersaudara atau adakah [ber]hasil ia jikalau dilafazkan dengan lidah yang lembut saja dengan tiada ditasdiqkan [diakui] pada hati dan tiada pula diiringkan dengan segala perkara-perkara yang boleh menjadi tanda tanya bagi perbezaan di antara yang bersaudara dengan yang bukan? Tidak! Tidak! Bukanlah begitu dikatakan bersaudara.<sup>118</sup>

Kedua, orang Melayu sejati mencintai bangsa dan tanah airnya dengan sepenuh hati. Dia juga sanggup berkorban demi kepentingan kedua-duanya. Bagi *FS*, “kasihkan tanah air dan kaum bangsanya”<sup>119</sup> mempunyai pengertiannya tersendiri. *FS* menegaskan :

---

<sup>117</sup> *Fajar Sarawak*, 1 Februari 1930, hlm. 3. Maksud firman Allah SWT, “Sesungguhnya orang-orang yang beriman itu bersaudara”. ( Surah Al-Hudjerat : Ayat 10 ). *Al-Quran dan Terjemahannya*, hlm. 846.

<sup>118</sup> *Fajar Sarawak*, 1 Februari 1930, hlm. 3.

<sup>119</sup> Ia berkait rapat dengan istilah “hubbul watan” yang bererti “kasihkan negeri atau tanah air” yang diperkatakan oleh Za’ba. Tetapi, *Fajar Sarawak* tidak menghuraikannya dengan lebih lanjut seperti Za’ba. Menurut Za’ba, ia mempunyai “tujuh pangkat” iaitu “kasih sedaging”, “kasih sekampung”, “kasih senegeri”, “kasih setanah atau sebangsa”, “kasih sebenua”, “kasih seagama dan “kasih sedunia dan selam jagat”. Untuk perbincangan lanjut, rujuk Adnan Hj. Nawang, *Za’ba dan Melayu*, hlm. 206-207.

[O]rang yang kasih kepada tanah airnya ialah orang yang berusaha pada mendatangkan manfaat dan kebajikan kepada watannya dan kaum bangsanya walaupun dengan mengembara kepada segenap negeri lain, kerana mencarikan pengetahuan dan kepandaian yang berguna untuk kaum bangsa dan tanah airnya, atau kerana bermiaga, atau kerana mengambil teladan-teladan bangsa-bangsa yang berkemajuan dan lainnya, daripada tiap-tiap perkara yang boleh memberi faedah dan mendatangkan kebajikan tanah air dan kaum bangsanya.<sup>120</sup>

Sebaliknya, pengertian “kasihkan tanah airnya dan kaum bangsanya” bukannya seperti yang sesetengah orang Melayu fahami. FS menjelaskan :

Di sini janganlah saudara-saudara sangkakan bahawa makna kasih sayangkan tanah air dan ahlil watan itu, iaitu berperam sahaja di dalam tempat tumpah darah, dan jangan keluar di negeri asing walaupun kerana mendatangkan manfaat dan kebajikan kepada tanah airnya sebagaimana difaham oleh sesetengah daripada orang-orang yang pendek fikirannya.<sup>121</sup>

FS menyedari kepentingan pemimpin dan orang Melayu disuntik dengan cabaran. Ia bertujuan membangkitkan kesedaran ke arah perpaduan. Ini mendorong FS mencabar mereka membuktikan kecintaan terhadap bangsa dan tanah airnya. Lantaran itu, FS berkata :

[O]leh itu wajiblah di atas tiap-tiap manusia itu kasihkan tanah airnya dan kaum bangsanya sebagaimana ia kasih kepada nyawa dan biji matanya dengan menghabiskan

---

<sup>120</sup> Abu Al-Ghaniah, “Kasihkan Tanah Air”, *Fajar Sarawak*, 1 Jun 1930, hlm. 4.

<sup>121</sup> Ibid. Maksud firman Allah SWT, “Dan janganlah kamu menjadi seperti orang-orang ( Yahudi dan Nasrani ) yang telah bercerai-berai dan berselisih sesudah datang kepada mereka keterangan-keterangan yang jelas lagi nyata”. ( Surah Ali-Imran : Ayat 105 ). *Al-Quran dan Terjemahan*, hlm. 93.

tenaga dan kuasanya bagi mendatangkan kebajikan dan manfaat kepada mereka itu.<sup>122</sup>

Ketiga, dalam konteks perselisihan umat Islam seperti pertembungan idea Kaum Muda<sup>123</sup> dengan Kaum Tua<sup>124</sup> di Tanah Melayu dan Indonesia pula, ia turut disedari oleh FS. Meskipun ia tidak diperkatakan dengan jelas oleh FS, tetapi ini bukan bermaksud pengaruh dan idea Kaum Muda tidak mengesani FS khususnya dan golongan terpelajar Melayu di Sarawak umumnya.

---

<sup>122</sup> *Fajar Sarawak*, 1 Jun 1930, hlm. 4.

<sup>123</sup> Kaum Muda bukan sebuah organisasi. Pengikutnya disatukan oleh persamaan fahaman tentang ajaran Islam. Islam difahami bukan sekadar sebagai ibadat, tetapi mencakupi semua aspek kehidupan tanpa melupakan akhirat. Mereka menegaskan kepentingan kembali kepada ajaran Islam sebenar ( berlandaskan Al-Quran dan Sunnah Rasulullah ) dan penyatuan umat Islam. Ajaran Kaum Muda mencabar cara hidup tradisi masyarakat Melayu umumnya dan turut mengancam kedudukan ulama konservatif yang dilindungi oleh sultan. Mereka menggalakkan ijtihad dan jihad dalam kehidupan beragama dan bermasyarakat. Golongan Kaum Muda terdiri daripada wartawan, guru dan pegawai tadbir yang berlatarbelakangkan pendidikan agama, Melayu dan Inggeris. *Al-Imam, Al-Ikhwan dan Saudara* adalah antara lidah pena Kaum Muda di Tanah Melayu. Adnan Hj. Nawang, *Za'ba dan Melayu*, hlm. 239-240.

<sup>124</sup> Kaum Tua terdiri daripada para imam, tok guru ( ustaz ), pegawai agama yang mendapat pendidikan secara tradisional. Mereka mengendalikan urusan adat dan agama seperti kenduri ( perkahwinan, kematian dan kesyukuran ), berkhatan dan perubatan tradisional. Mereka dianggap oleh Kaum Muda sebagai penjaja agama, penghalang kemajuan dan perosak akidah Islam kerana amalan yang bertentangan dengan ajaran Islam. Kaum Tua mempunyai lidah pena tersendiri seperti *Suara Benar*, *Lidah Benar* dan *Panduan*. Untuk perbincangan lanjut, rujuk W.R. Roff, *Nasionalisma Melayu*, hlm. 84-112. Abdul Latif Abu Bakar, *Abdul Rahim Kajai*, hlm. 130-145. Mohd. Sarim Haji Mustajab, “Gerakan Islah Islamiyah Di Tanah Melayu 1906-1948” dalam Khoo Kay Kim ( ed. ), *Malaysia : Sejarah dan Proses Pembangunan*, hlm. 154-164. Adnan Hj. Nawang, *Za'ba dan Melayu*, hlm. 67-69.

*FS* menggesa masyarakat Melayu agar saling menghormati. Ia dapat menjalinkan hubungan harmoni umat Islam dan meminimakan jurang perselisihan faham berhubung hal ehwal Islam. *FS* juga menasihatkan agar perselisihan faham dalam perkara keagamaan jangan diperbesar-besarkan. Seperti tegasnya :

Buat perkara hukum Allah Ta'ala tidak boleh dikatakan orang tua-tua dahulu bodoh sebab tidak ada satu dalil dan hadith yang diturunkan Allah Ta'ala pada orang zaman sekarang dan tidak pula satu orang yang menerima firman Allah Ta'ala selainnya dari nabi kita [Muhammad], dan segala hukum syarak mulai dari zaman nabi zampai pada akhir zaman tidak berubah-ubah.<sup>125</sup>

*FS* menegah orang Islam bertelagah sesama sendiri. Ia menanam bibit permusuhan dan merosakkan perpaduan Islam. *FS* menyeru supaya orang Islam menerima perbezaan pendapat dalam hal ehwal Islam. Bagi *FS*, percanggahan terhadap ajaran Islam berlaku disebabkan oleh pelbagai tafsiran. Orang Islam tidak sepatutnya bertegang leher kerana mempertahankan pihak yang benar dan menyatakan pihak yang salah. *FS* berpendapat tindakan ini tidak perlu kerana kebenaran merupakan hak Allah. *FS* menegaskan :

Pada hal bukannya dalam hukum agama kita yang bersalah-salahan, malahan, fikiran kita yang bertukar-tukar, ya tidak! Cubalah tuan-tuan pembaca yang mulai pandangkan dan tilik benar-benar teruntuk segala hukum agama kita Islam, ialah kepada tuhan kita, dan yang akan menerima serta memberi pahala melainkan Tuhan juga, kita sekadar buat mengerjakan sahaja. Bagaimana pula kita mesti pertengkar [bertengkar] yang ilmu kita benar dan ilmu si Anu salah. Apa kita? Yang menerima dan memberi pahala atas amalan seorang?<sup>126</sup>

---

<sup>125</sup> *Fajar Sarawak*, 1 Jun 1930, hlm. 8.

<sup>126</sup> Ibid.

*FS* juga menegaskan perbalahan sesama umat Islam tidak memberi manfaat kepada umat Islam. *FS* mengingatkan :

Lagi pula kalau dalam agama Islam mesti bertengkar-tengkar tidakkah jadi satu pertanyaan pula oleh orang yang beragama lain? Yang agama kita Islam tidak betul.<sup>127</sup>

*FS* menyeru umat Islam agar memahami dan mengamalkan ajaran Islam yang sebenar.<sup>128</sup>

*FS* menyelar orang Islam yang mempelajari Islam tapi tidak mengamalkannya. Bagi *FS*, kefahaman tentang Islam penting kerana ia dapat mengelakkan umat Islam terjerat bertaklid<sup>129</sup> semata-mata. Ini menjelaskan perpaduan masyarakat Melayu-Muslim. Ia dijelaskan oleh *FS* dalam penegasannya :

---

<sup>127</sup> Ibid.

<sup>128</sup> Bagi *Al-Ikhwan* misalnya, kelemahan penghayatan ajaran Islam berdasarkan Al-Quran dan Sunnah Rasulullah secara menyeluruh menyebabkan “Islam [dan umatnya] di Tanah Melayu ini tak maju dan tak mau maju sama sekali kepada kemajuan. Itu tidak lain tidak bukan kerana kita tidak menjalankan perintah-perintah Allah dan Rasul-Nya”. *Al-Ikhwan*, 16 September 1931. Dipetik daripada Ahmad Fuad Apandi, “*Al-Ikhwan* 1926-1931 : Idea Dan Pemikiran”, Latihan Ilmiah, B.A., Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1995/1996”, hlm. 36.

<sup>129</sup> Menurut Neol J. Coulson, taklid bererti “imitating and following the juristic doctrines or formulations of a particular school of Islamic jurisprudence” dan pentaklid pula “neither searches for the predecessors in their legal manuals nor questions the doctrines based on their interpretation of divine sources”. Neol J. Coulson, *Conflicts and Tension in Islamic Jurisprudence*, University of Chicago Press, Chicago, 1969, hlm. 44-45. Osman Amin menjelaskannya sebagai “the passive acceptance of dogma from religious authorities without asking for proof, and without the right of free examination and personal initiative”. Untuk perbincangan lanjut, rujuk Osman Amin, “Some Aspects of Religious Reform in the Muslim Middle East”, dalam Carl Leiden ( ed. ), *The Conflict of Traditionalism and Modernism in the Middle East*, University of Texas, Texas, 1966, hlm. 88-101.

[B]iar kita telah membaca beribu-ribu kitab, tetapi cuma kita membaca seperti surat-surat cerita sahaja tidak ada guna. Biar kita baca satu kitab sahaja yang cukup dan menerangkan rukun Islam yang lima sudah memadailah asal kita betul-betul tahu mengetahui serta dikerjakan. Tambahan lagi menilik bagaimana seorang yang ahli dalam ilmu pengetahuan selalu bertengkar-tengkar dan berbahas-bahas tentulah kita yang tidak tahu satu apa-apa akan turut bertengkar-tengkar pula.<sup>130</sup>

*FS* juga menyeru umat Islam umumnya dan orang Melayu khususnya, agar bersatu padu atas landasan Islam. Bahkan, ia adalah amanat Nabi Muhammad SAW kepada seluruh umat Islam. Amanat baginda penting demi menjamin umat Islam berada di jalan yang benar dan menjadi “umat terbaik yang diutuskan kepada manusia”<sup>131</sup> di sepanjang zaman.

Lantaran itu, *FS* menyeru :

[M]arilah kita sama-sama bekerja untuk menunaikan kewajipan yang tertanggung di atas bahu kita masing-masing, iaitu bekerja untuk kefardhuan diri, kaum keluarga dan bangsa dengan menurut perintah yang telah ditetapkan oleh agama kita, agama Islam. Moga-moga dengan jalan yang demikian lekaslah tercapai cita-cita [perpaduan dan kemajuan] kita yang selama ini.<sup>132</sup>

---

<sup>130</sup> *Fajar Sarawak*, 1 Jun 1930, hlm. 8.

<sup>131</sup> Allah SWT berfirman, “Kamu ( wahai umat Muhammad ) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi faedah umat manusia kerana kamu menyeru kepada segala kebaikan dan mencegah daripada segala kemungkaran dan beriman kepada Allah ( dengan sebenar-benar iman )”. ( Surah Ali Imran : Ayat 110 ). *Al-Quran dan Terjemahannya*, hlm. 94.

<sup>132</sup> Mohammad Arsyad Lubis, “Kewajipan Kita Selaku Satu Manusia”, *Fajar Sarawak*, 16 Jun 1930, hlm. 4.

Menyedari kepentingan persaudaran yang dibina atas asas aqidah dan ukhuwah Islamiah, FS mengingatkan umat Islam agar kembali kepada Al-Quran dan Sunnah Rasulullah SAW. Mereka juga diingatkan agar menghentikan perbalahan sesama umat Islam. Oleh itu, FS menyeru sambil mengingatkan lagi :

[H]endaklah kamu taat akan Allah dan Rasul-Nya dan janganlah berbantah-bantah kerana dengan sebab kamu berbantah-bantah nanti jadi penakut dan hilang kekuatan kamu.<sup>133</sup>

Meskipun idea dan pengaruh Kaum Muda dari Tanah Melayu dan Indonesia turut meresap ke Sarawak, tetapi perpecahan di kalangan golongan terpelajar Melayu dan ulama' tidak begitu menonjol. Dalam hubungan ini, FS berusaha menyalurkan semangat persaudaraan Islam. Pada masa yang sama, FS tidak pula bersikap antagonistik terhadap ulama' Kaum Tua. Bagi FS, ia hanya merugikan masyarakat Melayu khususnya dan umat Islam umumnya.

### Idea dan Pengaruh Reformis Islam

Perjuangan reformis Islam mula berkembang di Tanah Melayu<sup>134</sup> dan Indonesia<sup>135</sup> mulai awal abad ke-20. Ia berpunca daripada kebangkitan reformis Islam di Mesir<sup>136</sup> yang

---

<sup>133</sup> *Fajar Sarawak*, 1 Jun 1930, hlm. 5.

<sup>134</sup> Ia dipelopori oleh Syeikh Tahir Jalaluddin, Syed Sheikh Ahmad Al-Hadi, Sheikh Mohd. Salim Al-Kalali dan Haji Abas Taha. Idea dan perjuangan mereka disalurkan melalui *Al-Imam*. Untuk perbincangan lanjut, rujuk William R. Roff, *Nasionalisma Melayu*, hlm. 71-113. Abdul Aziz Mat Ton, *Politik al-Imam*. Abu Bakar Hamzah, *Al-Imam : Its Role in Malay Society 1906-1908*, Media Cendikiawan Sdn. Bhd., Kuala

dipelopori oleh Jamaluddin Al-Afghani<sup>137</sup> dan Muhammad Abduh.<sup>138</sup> Perkembangan idea dan pengaruh Kaum Muda turut meresap ke Sarawak. Reaksi terawal golongan terpelajar

---

Lumpur, 1981. Mohd. Sarim Hj. Mustajab, "Akhbar dan Majalah Agama Sebelum Perang : Sumbangan dan Peranannya Dalam Perkembangan Masyarakat", dalam Mohd. Sarim Hj. Mustajab ( et al. ), *Akhbar dan Majalah di Malaysia*, Jabatan Sejarah Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 1988, hlm. 29-69 dan "Gerakan Islah Islamiyah di Tanah Melayu", hlm. 149-173.

<sup>135</sup> Di Jawa, pertentangan Kaum Muda-Kaum Tua dipelopori oleh Abdul Rivai melalui *Bintang Hindia*. Di Sumatera, perjuangan reformis Islam diterajui oleh Haji Abdullah Ahmad, Haji Abdul Karim dan Sheikh Muhammad Djamil Djambek. Mereka menerbitkan *Al-Munir* sebagai lidah rasmi. Untuk perbincangan lanjut, rujuk Ahmat Adam, *The Vernacular Press and the Emergence of Modern Indonesian Consciousness 1855-1913*, Cornell Southeast Asia Program, New York, 1995. Taufik Abdullah, *School and Politics : The Kuam Muda Movement in West Sumatera 1927-1933*, Cornell University Press, New York, 1971. Deliar Noer, *The Modernist Muslim in Indonesia 1900-1942*, Oxford University Press, London, 1973.

<sup>136</sup> Untuk perbincangan lanjut, rujuk Drs. Abdul Sani, *Lintasan Sejarah Pemikiran Perkembangan Moden Dalam Islam*, P.T. Raja Grafindo Persada, Jakarta, 1998. Carl Leiden ( ed. ), *The Conflict of Traditionalism and Modernism in the Muslim Middle East*. C.C., Adams, *Islam and Modernism in Egypt*, Russel & Co., New York, 1968.

<sup>137</sup> Beliau lahir pada 1838 di Asadabad ( Afghanistan ), berasal dari keturunan Ali Abu Talib. Jamaluddin mendapat pendidikan di Afghanistan, Mekah, Madinah dan Iran. Beliau pernah berkhidmat sebagai Pangiran Dost Muhammad Khan di Afghanistan, Penasihat Siasah Sher Ali Khan, Perdana Menteri Muhammad Azam Khan di Iran. Jamaluddin pernah berhijrah ke India, Mesir dan Perancis dan pergerakannya sentiasa diawasi oleh British. Muhammad Abduh dan Saad Zaqqul ( pemimpin reformis Islam ) adalah anak didiknya. Pada 1876, Jamaluddin melibatkan diri dalam politik Mesir ekoran campurtangan British. Di Mesir, beliau menggerakkan perjuangan *islah* dan *tajdid* Islam di samping menyuarakan penyatuan ummah. Jamaluddin menubuhkan Al-Urwah Al-Wuthqa ( Ikatan Yang Kuat ) di Mesir pada 1883. Pada 1897, beliau diusir dari Mesir oleh British. Pada 1889, beliau diundang oleh Syah Nasiruddin ( Iran ) untuk menyelesaikan konflik politik Iran-Russia. Pada 1889, Sultan Abdul Hamid melantiknya sebagai Penasihat Diraja untuk menentang ancaman Barat terhadap Kerajaan Uthmaniah. Beliau meninggal di Istanbul pada 9 Mac 1897. *Ensiklopedi Islam*, PT Ichtiar Baru, Van Hoeve, Jakarta, 1999, hlm. 298-320. Elie Kedourie, *Afghan and Abduh : An Essay On Religious Unbelief and Political Activism in Modern Islam*, Frank Cass & Co. Ltd., London, 1966.

<sup>138</sup> Beliau lahir pada 1849 di Mahalat Nasr, Mesir. Muhammad Abduh mendapat pendidikan di Masjid Al-Ahmadi, Tanta dan Universiti Al-Azhar. Pada 1877, beliau

Melayu terhadap pengaruh reformis Islam apabila tertubuhnya Darul Ihsan pada 1914.

Pada 1915 pula, sebuah lagi pertubuhan Islam diasaskan di Kuching iaitu Darul Ikhwan.

Tetapi, latar belakang Darul Ihsan dan Darul Ikhwan tidak diketahui dengan lebih lanjut.<sup>139</sup>

Idea dan pengaruh reformis Islam dalam *FS* tidak dapat dikesan kecuali dengan perincian yang teliti. Inilah yang menyebabkan R.H.W. Reece dan Sabihah Osman tidak dapat mengesai peresapan idea dan pengaruh reformis Islam di Sarawak umumnya dan dalam *FS* khususnya. Kedua-duanya tidak meneliti keseluruhan isi kandungan *FS*.

Reece menafikan peresapan idea dan pengaruh reformis Islam dalam *FS*. Beliau menggunakan tiga asas sebagai sandarannya. Pertama, pertentangan antara Kaum Muda dengan Kaum Tua tidak disentuh oleh *FS*. Kedua, Haji Daud Abdul Ghani menerima pendidikan di Mekah. Ketiga, tidak terdapat institusi pondok di Sarawak.

---

berkhidmat sebagai pensyarah di Dar Al-Ulum. Beliau merupakan salah seorang pengasas Al-Urwah Al-Wuthqa. Pada 1889, beliau dilantik sebagai qadhi di Mahkamah Ulang Bicara, Mesir. Muhammad Abduh dilantik sebagai Ahli Majlis Pentadbiran Al-Azhar pada 1895. Pada 1900, beliau dipilih sebagai Presiden Pertubuhan Kebajikan Islam. Beliau meninggal dunia pada 11 Julai 1905, ketika berumur 56 tahun di Iskandariah. Untuk perbincangan lanjut, rujuk Zulkifli Yusoff, "Muhammad Abduh dan Sumbangannya", dalam Mohamad Kamil Abdul Majid, *Tokoh-Tokoh Pemikir Islam*, Angkatan Belia Islam Malaysia, Petaling Jaya, 1993, hlm. 143-163. *Ensiklopedi Islam*, hlm. 255-258. *Shorter Encyclopaedia of Islam*, hlm. 405-408.

<sup>139</sup> Sanib Said, "Islam Di Sarawak : Sejarah Ringkas 1476-1941", dalam Khoo Kay Kim (ed.), *Islam Di Malaysia*, Persatuan Sejarah Malaysia, Kuala Lumpur, 1979, hlm. 185. Beliau menyedari tempias pengaruh reformis Islam dari Tanah Melayu ke Sarawak pada awal dekad kedua abad ke-20 dengan merujuk kepada penubuhan Darul Ihsan dan Darul Ikhwan. Ia disentuhnya secara umum sahaja.

Hujah pertama Reece tidak jelas. Berdasarkan koleksi yang masih kekal, sememangnya *FS* tidak menyebut pertentangan antara Kaum Muda dengan Kaum Tua. Tetapi, Reece tidak menyedari idea dan pengaruh Kaum Muda dalam *FS*. Ia dapat dikesan melalui rencana yang ditulis oleh Haji Daud Abdul Ghani. Reece juga tidak meneliti akar pemikiran yang terkandung di sebalik rencananya.

Hujah kedua Reece agak kukuh. Tetapi, masih ada ruang pertikaian. Beliau menggunakan tempat pendidikan tertinggi Haji Daud Abdul Ghani iaitu di Mekah sebagai asas hujahnya. Oleh sebab Mekah bukan pusat penyebaran dan kegiatan golongan reformis Islam di Timur Tengah, ini menyebabkan Reece menyimpulkan Haji Daud Abdul Ghani merupakan ulama' Kaum Tua.

Tidak semestinya tempat pendidikan beliau mempengaruhi pemikiran Haji Daud Abdul Ghani secara menyeluruh. Reece melihat perkembangan idea dan pengaruh Kaum Muda secara statik. Beliau mengabaikan peresapan idea reformis Islam dalam pemikiran ulama' dan golongan terpelajar Islam.

Reece tidak menyedari perkembangan reformis Islam di Mekah.<sup>140</sup> Ia dipimpin oleh Sheikh Muhammad Abdul Wahab.<sup>141</sup> Perlu ditegaskan bahawa Sheikh Tahir Jalaluddin<sup>142</sup>

---

<sup>140</sup> Untuk perbincangan lanjut, rujuk Zainal Abidin Syihab, *Gerakan Wahabi : Tohmahan dan Jawapan*, Titian Sejati Enterprise, Kedah, 1998. Imam Munawwir, *Kebangkitan Islam Dan Tantangan-Tantangan Yang Dihadapi Dari Masa Ke Masa*, Pustaka Nasional, Singapura, 1985, hlm. 138-149. Lois A. Aroian dan Richard P. Mitchell, *Timur Tengah dan Afrika Utara Modern* ( terjemahan Mohammad Redzuan Othman ), Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1991, hlm. 82.

dan Haji Abas Taha<sup>143</sup> ( pengasas *Al-Imam* ) juga pernah mendapat pendidikan di Mekah. Reece juga tidak menyedari semangat dan pemikiran kemajuan Haji Daud Abdul Ghani yang sealiran dengan idea reformis Islam. Reece gagal memahami pemikiran Haji Daud Abdul Ghani secara menyeluruh.

Reece juga mendakwa Haji Daud Abdul Ghani menentang segala pengaruh Kaum Muda yang cuba meresap ke Sarawak melalui akhbar-akhbar dari Tanah Melayu dan

---

<sup>141</sup> Beliau lahir pada 1701 di Najd, Riyadh. Sheikh Muhammad hafaz Al-Quran sejak berumur sepuluh tahun lagi. Beliau mendapat pendidikan di Mekah, Madinah dan Basrah. Antara tokoh pemikir yang diminatinya ialah Ibnu Taimiyah. Sheikh Muhammad juga merupakan pendukung idea *islah* ( pemurnian ) dan *tajdid* ( pembaharuan ) Islam. Gerakannya dinamakan sebagai Wahabi. Aliran pemikiran dan gerakannya tersebar di Semenanjung Tanah Arab, Mesir, Libya, Sudan, India, Indonesia dan Malaysia. Pengaruh pemikiran Muhammad Abdul Wahab berkembang di Mekah dan Madinah terutamanya di kalangan ulama'. Ia semakin pesat apabila tertubuhnya kerajaan Islam Arab Saudi di bawah kepemimpinan Amir Muhammad Saud. Untuk perbincangan lanjut, rujuk Zakaria @ Mahmud Daud dan Ahmad Zaki Ibrahim, "Pemikiran Muhammad Abdul al-Wahab dan Pengaruhnya Kepada Dunia Islam Dalam Bidang Aqidah dan Politik", dalam Mohamad Kamil Ab. Majid, *Tokoh-Tokoh Pemikir Islam*, hlm. 111-143.

<sup>142</sup> Beliau lahir pada 7 Disember 1869, di Kota Tua, Sumatera. Sheikh Tahir menuntut di Mekah ketika berusia 11 tahun dan menetap di sana lebih 20 tahun. Beliau melanjutkan pelajaran ke Universiti Al-Azhar pada 1895-1897. Pada 1899, Sheikh tahir menetap di Perak. Beliau pernah dilantik sebagai Ahli Mesyuarat Orang Besar Perak dan Mufti Perak. Untuk perbincangan lanjut, rujuk Mohd. Sarim Hj. Mustajab, "Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin al-Falaki : Pelopor Gerakan Islah Islamiah di Tanah Melayu", *Malaysia in History*, Jilid XX, No. 11, December 1977. Abdul Aziz Mat Ton, *Politik al-Imam*, hlm. 159-165.

<sup>143</sup> Beliau lahir pada 1885 di Tanjung Pagar, Singapura. Haji Abas Taha menuntut di Mekah lebih 10 tahun. Beliau pernah berkhidmat sebagai guru agama, imam dan kadi di Tanjung Pagar. Haji Abas Taha kembali ke Singapura pada 1905. Untuk perbincangan lanjut, rujuk Mohd. Sarim Hj. Mustajab, "Satu Nota Tentang Haji Abbas Mohd. Taha", *Malaysia in History*, Jilid XXI, No. 1, June 1978, hlm. 1-7. Abdul Aziz Mat Ton, *Politik al-Imam*, hlm. 165-166.

Indonesia.<sup>144</sup> Persoalannya, jika benar pendapatnya, apakah asas kepada dakwaan tersebut? Kenapa pula rencana yang dipaparkan dalam *FS* memperlihatkan pengaruh dan idea Kaum Muda. Ini termasuklah rencana yang ditulis oleh Haji Daud Abdul Ghani.

Tidak dapat dinafikan bahawa tidak terdapat institusi pondok di Sarawak. Kekurangan jumlah golongan ulama' di Sarawak menyebabkan isu dan persoalan Islam kurang menonjol.<sup>145</sup> Akibatnya, Reece melihat Sarawak terpisah daripada arus perkembangan reformis Islam dari Tanah Melayu dan Indonesia.

Walaupun Reece memetik idea Kaum Muda dalam *FS*, anehnya beliau tidak pula menyadarinya. Ini terjelas apabila beliau mengatakan, "Pengetahuan agama Islam yang sempurna dianggap sebagai suatu cara bagaimana orang Melayu boleh mencapai pembaharuan dan membebaskan diri dari sikap menyerah kepada nasib".<sup>146</sup> Dalam hubungan ini, Reece tidak memahami dengan jelas akar pemikiran reformis Islam.

Mengambil pendirian sealiran dengan Reece, seolah-olah mengatakan Haji Daud Abdul Ghani sebagai ulama' yang tidak berfikiran progresif. Asas tafsiran Reece tidak harus diterima bulat-bulat khususnya dari aspek latar belakang pendidikan Haji Daud Abdul Ghani.

---

<sup>144</sup> Persatuan Kesusasteraan Sarawak, *Fajar Sarawak*, hlm. xviii.

<sup>145</sup> Ibid.

<sup>146</sup> Ibid.

Jika diteliti ajaran Kaum Muda seperti yang dibincangkan oleh William R. Roff,<sup>147</sup> Adnan Hj. Nawang<sup>148</sup> dan Mohd. Sarim Haji Mustajab,<sup>149</sup> tulisan Haji Daud Abdul Ghani memperlihatkan ideanya yang mirip kepada Kaum Muda. Beliau menyeru umat Islam bangkit ke arah kemajuan. Haji Daud Abdul Ghani juga menggunakan sejarah dan tamadun Islam sebagai agen membangkitkan kesedaran kemajuan.<sup>150</sup> Beliau menggesa masyarakat Melayu-Muslim menguasai pelbagai cabang ilmu dan menguasai bidang ekonomi.<sup>151</sup>

Pada dasarnya, Kaum Tua tidak mengkritik golongan pemerintah dan pemimpin Melayu. Tetapi, Haji Daud Abdul Ghani mengambil pendekatan yang bertentangan. Beliau mengkritik pemimpin Melayu yang tidak membela nasib dan masa depan orang Melayu.<sup>152</sup> Penekanannya kepada rencana kemajuan dan berita dari Timur Tengah dan Eropah terutamanya Turki,<sup>153</sup> di samping kebangkitan Jerman ( sekutu Turki ) selepas Perang Dunia I,<sup>154</sup> juga menunjukkan pengaruh reformis Islam dalam tulisannya.

---

<sup>147</sup> William R. Roff, *Nasionalisma Melayu*, hlm. 71-113.

<sup>148</sup> Adnan Hj. Nawang, *Za'ba dan Melayu*, hlm. 56-92 ; 221-224.

<sup>149</sup> Mohd. Sarim Hj. Mustajab, “Akhbar dan Majalah Agama Sebelum Perang”, hlm. 29-69 dan “Gerakan Islah Islamiyah Di Tanah Melayu 1906 Hingga 1948”, hlm. 149-170.

<sup>150</sup> Rujuk rencananya, “Ringkasan Perkitaran Dunia”, *Fajar Sarawak*, 1 Mac 1930, hlm. 5.

<sup>151</sup> Rujuk rencananya, “Kasihkan Tanah Air”, *Fajar Sarawak*, 1 Jun 1930, hlm. 4.

<sup>152</sup> Rujuk rencananya, “Kasihkan Tanah Air”, *Fajar Sarawak*, 1 Mac 1930, hlm. 7.

<sup>153</sup> *Fajar Sarawak*, 1 Februari 1930, hlm. 7 dan 16 Jun 1930, hlm. 6-7.

Perlu ditegaskan, Turki dan Jerman merupakan musuh British dalam Perang Dunia I. Jika diperhalusi pemikiran yang terkandung di sebaliknya pula, ia memperlihatkan sikap anti British dan kolonialnya juga. Walaupun Haji Daud Abdul Ghani turut menyatakan rencana, “Permaisuri Elizabeth Raja Inggeris Dan Masanya Yang Bertuah”,<sup>155</sup> ia tidak menunjukkan sikap pro Britishnya. Sebaliknya, beliau menggunakan rencana tersebut untuk mendedahkan kelemahan British.

Tulisan Haji Daud Abdul Ghani, apakah lagi pemikiran anti kolonial yang tersirat di sebaliknya, lebih kukuh digunakan untuk menjelaskan pemikiran beliau. Kaedah ini lebih tepat untuk menentukan pemikiran Haji Daud Abdul Ghani khususnya dan aliran perjuangan *FS* umumnya. Haji Daud Abdul Ghani dapat memikirkan kebenaran perjuangan Kaum Muda. Biarpun beliau tidak mengisyiharkan dirinya sebagai Kaum Muda, tetapi idea yang diserapkannya melalui *FS* menunjukkan kecenderungannya kepada idea dan perjuangan Kaum Muda.

Pemikiran anti penjajahan Rakawi Yusuf seperti yang terselit dalam “Rencana Sarawak”<sup>156</sup> dan penyertaannya dalam PASPAM Cawangan Sarawak pada 1936,<sup>157</sup>

---

<sup>154</sup> Rujuk rencananya, “Jerman Dengan Kemajuannya Yang Baharu Setelah Berhenti Peperangan Besar”, *Fajar Sarawak*, 1 Jun 1930, hlm. 2-7.

<sup>155</sup> *Fajar Sarawak*, 16 Jun 1930, hlm. 7-8.

<sup>156</sup> *Fajar Sarawak*, 1 Mac 1930, hlm. 1-2.

sewajarnya diambil kira. Ia juga dapat dijadikan sandaran untuk menentukan idea dan perjuangan FS. Tetapi, ini tidak disedari oleh Reece dan Sabihah.

Kritikan Rakawi Yusuf terhadap penjajahan British, meskipun hanya secara halus, terangkum dalam kerangka pemikiran Kaum Muda. Kaum Tua tidak bersikap kritis terhadap penjajahan British seperti Kaum Muda. Mereka merupakan golongan birokrat yang berkepentingan dalam pentadbiran British.

Peresapan idea dan pengaruh reformis Islam turut diakui oleh Rakawi Yusuf. Beliau menyifatkannya sebagai golongan “Wahabi”.<sup>158</sup> Dalam novel *Melati Sarawak* ( 1932 ),<sup>159</sup> watak yang berfahaman “Wahabi” diwakili oleh Pak Noraldin. Pak Noraldin merupakan ayah Harun yang berusaha menjadikan Islam sebagai asas kemajuan di samping penyelesaian kepada keruntuhan morah dan kemunduran sosioekonomi yang di hadapi oleh masyarakat Melayu.<sup>160</sup>

---

<sup>157</sup> Persatuan Kesusteraan Sarawak, *Fajar Sarawak*, hlm. xvi. Sanib Said, *Malay Politics in Sarawak 1946-1966*, hlm. 27. Sabihah Osman, *Perkembangan Pelajaran Bumiputera Sarawak 1841-1941*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1990, hlm. 141. R.H.W. Reece, *The Name of Brooke : The End of White Rajah Rule in Sarawak*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1982, hlm. 132.

<sup>158</sup> Muhammad Rakawi Yusuf, *Melati Sarawak* ( terjemahan Rosenah Ahmad dan Philip L. Thomas ), Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1987, hlm. 25.

<sup>159</sup> Pengenalan dalam *Melati Sarawak* yang diterbitkan semula ini diusahakan oleh Philip L. Thomas. Beliau juga tidak menyedari idea dan pengaruh reformis Islam yang mendasari pemikiran Rakawi Yusuf. Ibid., hlm. v-xvi.

<sup>160</sup> Untuk perbincangan lanjut, rujuk Nordi Achie, “Pemikiran Rakawi Yusuf Dengan Rujukan Khusus Terhadap Novel *Melati Sarawak* 1932 : Satu Tinjauan Awal”, *Sejarah*, Jurnal Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, No. 7/1999, hlm. 81-120.

Sabihah pula menegaskan, “di Sarawak soal Kaum Muda tidak timbul”.<sup>161</sup> Walaupun menyedari pengasasan dan perkembangan PASPAM ke Sarawak<sup>162</sup> ( meliputi Kuching, Sibu, Miri dan Lutong ), anehnya beliau tidak pula mengaitkannya dengan peresapan idea dan pengaruh Kaum Muda di Sarawak.

Peranan Rakawi Yusuf mengasaskan PASPAM Cawangan Sarawak merupakan manifestasi lanjutan pemikiran Rakawi Yusuf yang sealiran dengan Kaum Muda. Jika Rakawi Yusuf penyokong Kaum Tua, tentunya beliau tidak menyertai PASPAM Cawangan Sarawak. Rakawi Yusuf juga sedar PASPAM dianjurkan oleh Kaum Muda.

Penyertaannya sebagai ahli PASPAM bukan hanya kerana minatnya dalam bidang penulisan dan kesusastraan. Ia didorong oleh kesedaran dan semangat yang sehaluan dengan perjuangan Kaum Muda juga. Pengasasan PASPAM Cawangan Sarawak adalah kesinambungan perjuangan reformis Islam di Tanah Melayu. Ia merupakan jambatan penghubung antara reformis Islam di Tanah Melayu dan Sarawak.

Rencana Rakawi Yusuf dan Haji Daud Abdul Ghani berkisar dalam konteks pemikiran dan perjuangan Kaum Muda. Pengasas FS merupakan golongan terpelajar Melayu yang mempunyai semangat kemajuan dan kesedaran Islam. Ia adalah asas yang mendorong pengasasan FS dan wadah perjuangan mereka.

---

<sup>161</sup> Sabihah Osman, *Perkembangan Pelajaran Bumiputera Sarawak 1841-1941*, hlm. 141.

<sup>162</sup> Ibid., hlm. 140-141.

Pengedaran lidah rasmi reformis Islam seperti *Al-Manar*, *Al-Imam*, *Saudara*, *Semangat Islam*, *Seruan AlAzhar* dan *Pilehan Timor*, pengakuan Sheikh Othman Abdul Wahab dan Rakawi Yusuf serta pengasasan PASPAM Cawangan Sarawak, merupakan asas kukuh yang membuktikan peresapan idea dan pengaruh reformis Islam di Sarawak.

### Kemunduran Ekonomi

Sarawak mengalami perubahan ekonomi yang pesat pada zaman Charles Brooke. Ia diteruskan lagi oleh Vyner Brooke. James Brooke lebih menumpukan usaha mengukuhkan kuasa dan kedudukannya. Tetapi, perkembangan ekonomi tidak menguntungkan orang Melayu khususnya dan bumiputera umumnya. Ia lebih menguntungkan bangsa asing terutamanya orang Eropah dan Cina.<sup>163</sup>

Dasar Brooke menyekat kemasukan pelaburan asing ke Sarawak, dengan alasan memelihara kepentingan bumiputera, bertujuan menegakkan kepentingan politik dan ekonomi Brooke. Ini membolehkan Brooke menentukan corak dan hala tuju ekonomi Sarawak tanpa campur tangan pelabur asing. Ia juga memberi peluang kepada Brooke mengeksplorasi ekonomi untuk kepentingannya. Sekatan ini menyebabkan Syarikat Borneo dan Shell berjaya menguasai kegiatan perlombongan dan pertanian.<sup>164</sup>

---

<sup>163</sup> Di Tanah Melayu, orang Melayu juga mengalami masalah yang sama. Ia bertepatan dengan ungkapan sinis *Utusan Melayu*, “Negeri besar, rakyatnya miskin”. *Utusan Melayu*, 12 Jun 1939. Dipetik daripada Arshad Haji Nawari, “*Utusan Melayu Yang Dipunyai Orang Melayu*”, hlm. 113.

Dasar pecah dan perintah Brooke dalam aspek ekonomi, merugikan orang Melayu. Ia lebih menguntungkan orang Cina. Brooke meletakkan peranan orang Cina dalam bidang ekonomi. Brooke percaya orang Cina dapat membantunya memajukan ekonomi Sarawak. Untuk mencapai cita-citanya, Brooke melaksanakan dasar imigran yang liberal. Brooke juga memberikan galakan dan peluang kepada orang Cina terlibat secara aktif dalam kegiatan perlombongan, pertanian dan perniagaan. Ini menyebabkan orang Cina khususnya dan bangsa asing umumnya, berjaya menguasai ekonomi Sarawak.<sup>165</sup>

Bumiputera pula terus ketinggalan dalam aspek ekonomi. Peranan mereka diletakkan oleh Brooke dalam aspek pentadbiran dan pasukan keselamatan, selain pertanian dan perikanan tradisional. Brooke juga tidak mempunyai dasar khusus untuk memajukan ekonomi bumiputera. Tidak ada usaha dilaksanakan oleh Brooke untuk meningkatkan peranan dan taraf bumiputera dalam aspek ekonomi. Ia sejajar dengan dasar pecah dan perintah Brooke.<sup>166</sup>

---

<sup>164</sup> Untuk perbincangan lanjut, rujuk R.H.W. Reece, "Economic Development Under The Brookes", dalam R.A. Cramb and R.H.W. Reece, *Development In Sarawak*, Centre of Southeast Asian Studies, Monash University, 1988, hlm. 21-35. Ooi Keat Gin, *Of Free Trade and Native Interests : The Brookes and the Economic Development of Sarawak 1841-1941*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1997, hlm. 19-79 ; 225-250 ; 289-316. Vernon L. Porrit, *British Colonial Rule in Sarawak 1946-1963*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1997, hlm. 177-179.

<sup>165</sup> Untuk perbincangan lanjut, rujuk Ooi Keat Gin, *Of Free Trade and Native Interests*, hlm. 19-79. Sanib Said, *Malay Politics in Sarawak 1946-1966*, hlm. 16-22. Naimah S. Talib, *Administrators and Their Service : The Sarawak Administrative Service under the Brooke Rajahs and British Colonial Rule*, Oxford University Press, New York, 1999, hlm. 1-89.

Penghijrahan orang Cina dan peranan ekonomi yang diberikan oleh Brooke kepada mereka, menyebabkan mereka menguasai penempatan dan perniagaan di bandar seperti Kuching dan Sibu.<sup>167</sup>

Pada masa yang sama, bumiputera terus terpinggir daripada arus perkembangan ekonomi dan urbanisasi. Ia disedari oleh golongan terpelajar Melayu pada 1920-an dan 1930-an. Ini merupakan tempoh yang mematangkan kesedaran golongan terpelajar Melayu terhadap peranan dan taraf ekonomi mereka. Ia jelas terungkap dalam seruannya :

Walaupun waktunya sudah terlambat  
Bagi perusahaan di laut dan di darat  
Kelengahan yang sudah apa nak buat  
Bangunlah sekarang bersegera bangat.<sup>168</sup>

Kuching, pusat pemerintahan Brooke, mengalami perubahan pesat mulai akhir abad ke-19. Dalam tempoh 1870-1917, orang Cina mula memperlihatkan penguasaan mereka dalam bidang perniagaan di Kuching. Ini dapat dikesan berdasarkan pembinaan China Street, Carpenter Street, Khoo Hun Yeang Street, Padungan, Ewe Hai Street dan Ong

---

<sup>166</sup> Untuk perbincangan lanjut, rujuk Robert M. Priangle, “The Brooke of Sarawak : Reformers in spite of Themselves”, dalam *Sarawak Museum Journal*, Vol. XIX, No. 38-39, July-December 1971, hlm. 53-74.

<sup>167</sup> Untuk perbincangan lanjut tentang penghijrahan orang Cina ke Sarawak, rujuk Craig A. Lockard, “Charles Brooke and the Foundations of the Modern Chinese Community in Sarawak, 1863-1917”, dalam R.A. Cramb and R.H.W. Reece, *Development In Sarawak*, hlm. 77-100. Daniel Chew, *Chinese Pioneers on the Sarawak Frontier 1841-1941*, Oxford University Press, Singapore, 1990. J.M. Chin, *The Sarawak Chinese*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1981.

<sup>168</sup> *Fajar Sarawak*, 1 Februari 1930, hlm. 3.

Family House. Hampir kesemua rumah kedai dimiliki oleh orang Cina. Peniaga India bertumpu di India Street. Orang Melayu pula tersisih di pinggiran kota Kuching dan tepian Sungai Sarawak.<sup>169</sup>

*FS* menyedari bumiputera ketinggalan dalam arus perkembangan ekonomi. Malah, mereka tidak dapat mengecapi kekayaan tanah airnya. Ini menyebakan *FS* memberikan perhatian khusus terhadap taraf dan kedudukan ekonomi Melayu sejak keluaran sulungnya lagi. Terdapat tiga aspek utama yang diperkatakan oleh *FS*. Pertama, punca kemunduran ekonomi Melayu. Kedua, kesan kemundurannya. Ketiga, saranan untuk memperbaiki taraf dan peranan ekonomi Melayu.

Bagi *FS*, terdapat dua faktor utama yang menyebabkan kemunduran ekonomi Melayu. Pertama, sikap orang Melayu sendiri. Antaranya malas berusaha, berpeluk tubuh dan hanya berserah kepada nasib semata-mata. Sikap seperti ini merugikan mereka. Ia juga menyebabkan kehidupan orang Melayu terus mundur dan miskin.<sup>170</sup> *FS* menegaskan :

---

<sup>169</sup> Untuk perbincangan lanjut tentang perkembangan sosioekonomi Kuching pada zaman Brooke, rujuk Elizabeth Pollard, *Kuching : Past and Present*, Borneo Literature Bureau, Kuching, 1972, hlm. 1-85. Craig A. Lockard, "The Southeast Asian Town in Perspectives : A Social Study of Kuching, Malaysia, 1820-1970", Ph. D., Thesis, University of Wisconsin, 1973, hlm. 264-341.

<sup>170</sup> *Al-Ikhwan* juga mengkritik sikap negatif yang menyebabkan kemunduran Melayu yang meliputi "orang yang menyukakan malas, mengasihi kehidupan haiwan, bekerja kadar hendak mengenyangkan perutnya dan melenakan tidurnya" hingga menyebabkan mereka "terjatuh [mundur dan miskin] ke bawah taring segala binatang yang buas [menjadi mangsa penjajah dan bangsa asing]". *Al-Ikhwan*, 16 April 1927. Dipetik daripada Talib Samat, *Syed Sheikh Al-Hadi*, hlm. 130.

[M]ereka itu [orang Melayu] semata-mata bergantung kepada kepercayaan yang sudah berketurunan, iaitu ah! nasib kita secupak tentulah secupak jua, walaupun patah tulang kita bekerja tidakkan boleh jadi segantang ... itu semuanya bukan kerana nasib atau retak badan, maka sebenarnya itu kurang rajin, kurang usaha, kurang cermat dan kurang pengetahuan jua.<sup>171</sup>

Ujarnya lagi :

Rajin bekerja dapat duit. Malas kerja apa mau dikuit!<sup>172</sup>

*FS* menegaskan, “Tiap-tiap manusia itu wajib bekerja”.<sup>173</sup> Tanpanya, mereka tidak dapat mencapai kemajuan. *FS* menggesa orang Melayu berpegang kepada prinsip kemajuan tersebut. Ia merupakan kunci sikap dan semangat kemajuan yang mesti dihayati. Dalam satu sindirannya, *FS* berkata :

Nah! Kenapa kebanyakan orang-orang bangsa kita mengata kehidupan kita semakin sehari semakin susah? Dan kerja-kerja dicari payah? Padahal beratus-ratus macam [pe]kerjaan yang boleh dibuat sendiri. Pendeknya malas bekerja atau berusaha.<sup>174</sup>

---

<sup>171</sup> *Fajar Sarawak*, 1 Februari 1930, hlm. 5. Maksud firman Allah SWT, “Kemudian setelah selesai menunaikan solat, maka bertebaranlah kamu di muka bumi dan carilah apa yang kamu hajati daripada limpah kurnia Allah. ( Surah Al-Jumaah : Ayat 10 ). “Dan carilah apa yang dikurniakan Allah kepadamu ( kebahagian ) di akhirat dan janganlah kamu melupakan bahagianmu di dunia”. ( Surah Al-Qasas : Ayat 77 ). *Al-Quran dan Terjemahannya*, hlm. 933 dan 623.

<sup>172</sup> *Fajar Sarawak*, 1 Februari 1930, hlm. 2-3.

<sup>173</sup> Ibid., hlm. 2.

<sup>174</sup> Ibid., hlm. 5.

*FS* membidas sikap pemimpin dan orang Melayu yang enggan menceburi bidang perniagaan. Ia disebabkan oleh dua faktor. Pertama, disebabkan “kebanyakannya [orang Melayu] segan memandang bangsa sendiri bermeniaga”. Kedua, sikap “tak suka tawar-menawar sama sendiri”.<sup>175</sup> Bagi *FS*, sikap ini juga merugikan orang Melayu. Mereka tidak memanfaatkan peluang perniagaan untuk meningkatkan peranan dan taraf ekonomi. Ini menyebabkan orang Melayu terus ketinggalan berbanding bangsa asing dalam aspek perniagaan.

Terlebih penting lagi, kurangnya kesedaran malah penghayatan terhadap sikap positif yang amat diperlukan untuk mencapai kemajuan ekonomi, juga menyebabkan mereka terjerut dalam kemunduran ekonomi. Dalam hubungan ini, terdapat tiga rangkaian sikap anakronistik yang menjadi puncanya. Ini dijelaskan oleh *FS* dengan menegaskan :

Pendeknya terkebelakanglah mereka itu [orang Melayu] di dalam serba serbinya. Padahal dialah bumiputera yang patut meminum air susu watannya. Kerana apa itu? Ialah oleh sangat-sangat nyenyak ketidurannya bertilamkan tilam kemalasan dan berselimutkan gebar kesupunan [segan] dan diuliti oleh muzik kedengkian.<sup>176</sup>

Kedua, *FS* mengritik pemimpin Melayu kerana tidak berusaha memajukan taraf ekonomi Melayu. Bagi *FS*, mereka berperanan membimbing orang Melayu ke arah kemajuan. Ia adalah sebahagian daripada tanggungjawab pemimpin Melayu. Sebaliknya, pemimpin

---

<sup>175</sup> *Fajar Sarawak*, 1 Mac 1930, hlm. 6.

<sup>176</sup> *Fajar Sarawak*, 1 Februari 1930, hlm.3.

Melayu tidak menunaikannya hingga menyebabkan kepentingan ekonomi Melayu tidak terbela.

Pemimpin Melayu merupakan golongan berada dalam masyarakat Melayu. Bagi *FS*, sepatutnya mereka juga bergiat aktif dalam bidang perniagaan. Kekayaan yang mereka miliki, harus dilaburkan dalam kegiatan perniagaan. Ini dapat meningkatkan peranan dan taraf ekonomi Melayu. Ia juga mengangkat nama baik Melayu agar setanding dengan bangsa asing. *FS* menyeru, “Wahai bangsaku yang hartawan, cubalah bermiaga!”<sup>177</sup> Tetapi, mereka tidak berminat bermiaga dan lebih suka makan gaji sahaja. *FS* menyindir pemimpin Melayu dengan berkata :

Akan tetapi mana-mana [pemimpin Melayu] yang ada mempunyai rumah-rumah di dalam pekan itu [Kuching] kenapakah mereka tidak mahu mencuba membuka apa-apa perdagangan supaya meninggikan nama bangsa kita dengan tidak ada kesusahan atau kepayahan buat mencari rumah tempat menunjukkan bunga kemajuan?<sup>178</sup>

Kesan kemunduran ekonomi Melayu, dikesali oleh *FS*. *FS* mahu orang Melayu menyedari kemiskinan yang mereka alami. Ini mendorong *FS* mengingatkan mereka agar, “Sebelum hujan hendaklah disediakan payung”.<sup>179</sup> Ini kerana tegasnya :

---

<sup>177</sup> *Fajar Sarawak*, 1 Februari 1930, hlm. 8.

<sup>178</sup> *Fajar Sarawak*, 1 Mac 1930, hlm. 6.

<sup>179</sup> *Fajar Sarawak*, 1 Jun 1930, hlm. 3.

Tidakkah memadai kemiskinan dan kesesakan penghidupan kita pada masa ini akan menjadi teladan dan iktibar bagi kita pada masa yang akan datang?<sup>180</sup>

Untuk mengatasinya, *FS* menyeru :

Sekarang bangunlah wahai bangsaku! Sedarlah ayuhai saudaraku! Silalah sinsingkan lengan baju, pegangkan parang, potongkan hutan, cangkulkan tanah, tanamkan apa-apa benda yang boleh menghasil. Peliharalah bumi ini kerana ia akan membala budi kita dengan kehasilannya.<sup>181</sup>

*FS* terkilan dengan penguasaan bangsa asing dalam bidang perniagaan di Kuching. *FS* merujuk kepada pemilikan kedai-kedai di Kuching yang dikuasai hampir kesemuanya oleh orang Cina dan India. Begitu juga pemilikan rumah batu dan mewah. Menurut pemerhatian *FS*, hanya seorang dua sahaja orang Melayu yang mampu memilikinya.

Seperti katanya :

Jika kita pandang kepada kedai-kedai yang di dalam pekan Kuching hampir-hampir semuanya kepunyaan bangsa Cina dan Keling, dan juga rumah-rumah batu yang di dalam pekan ini jika dihitung di dalam seratus cuma didapati satu atau dua pintu saja yang kepunyaan bangsa kita.<sup>182</sup>

*FS* juga melahirkan perasaan sedihnya terhadap nasib yang menimpa orang Melayu pada zaman kemelesetan ekonomi dunia pada akhir 1920-an hingga awal 1930-an. Ini menyebabkan kehidupan orang Melayu semakin susah khususnya yang menganggur.

---

<sup>180</sup> Ibid.

<sup>181</sup> *Fajar Sarawak*, 1 Mac 1930, hlm. 6.

<sup>182</sup> Ibid.

Lebih menyediakan lagi, ada yang berkuli dengan bangsa asing. Ia adalah kesan kemunduran ekonomi Melayu. Ini menyebabkan mereka tidak dapat menyelamatkan maruah Melayu. Melihat kepada nasib yang menimpa pemuda Melayu, *FS* merintih :

[O]leh kerana harga getah terlampau rendah maka kita lihat banyak pemuda-pemuda Melayu berkuli di tepi-tepi jalan raya. Aduhai nasib bangsa kita!<sup>183</sup>

Rintihan *FS* disandarkan kepada asas yang kukuh. Bagi *FS*, sebagai anak negeri, sepatutnya mereka yang menjadi tauke. Sebaliknya, bukan berkuli dengan tauke Cina di tepi-tepi jalan di Kuching. *FS* menggesa pemuda Melayu berdikari dalam lapangan ekonomi, bukannya berkuli dengan tauke Cina. Bagi *FS*, berkuli menjatuhkan maruah bangsa.<sup>184</sup> Ini menyebabkan *FS* menyelar pemuda Melayu yang sanggup berkuli daripada mengusahakan nipah.<sup>185</sup> *FS* berkata :

Sebagai lagi kebanyakan orang-orang kita ini mengapa segan hendak membuat pekerjaan seperti membela nipah itu. Bahkan berkuli tak segan – hairan? Seterusnya saya

---

<sup>183</sup> *Fajar Sarawak*, 16 Jun 1930, hlm. 2.

<sup>184</sup> *Fajar Sarawak*, 1 Februari 1930, hlm. 5.

<sup>185</sup> Ini berbeza dengan saranan *Utusan Melayu*. *Utusan Melayu* menggalakkan orang Melayu berkuli. Ia mempunyai asasnya tersendiri juga kerana “berkuli” menurut *Utusan Melayu*, “bukan sahaja maknanya mencangkul jalan tetapi semua sekali orang yang makan gaji itu dinamakan kuli”. Malah, “banyak taukeh-taukeh [bangsa asing] yang dapat memperhambakan bangsa Melayu [seperti] drebar-drebar dan tukang kebunnya pada masa ini serta dapat pula ia sekedudukan dengan raja-raja dan pegawai-pegawai tinggi bangsa Eropah, asalnya menjadi kuli”. *Utusan Melayu*, 17 Jun 1939. Dipetik daripada Arshad Haji Nawari, “*Utusan Melayu* Yang Dipunyai Orang Melayu”, hlm. 117.

berkata berkata orang-orang yang demikian itu terpesong fahamannya.<sup>186</sup>

Di samping menjelaskan punca kemunduran ekonomi Melayu, *FS* juga mengemukakan saranan untuk mengatasinya. Pertama, *FS* menggesa masyarakat Melayu menanam sikap rajin dan gigih berusaha. Mereka digesa membuang sikap malas, berpeluk tubuh dan berserah kepada nasib. Bagi *FS*, sikap rajin dan gigih berusaha merupakan kunci kepada “tangga kekayaan, punca kesenangan dan bunga kemajuan”.<sup>187</sup>

*FS* juga mahu orang Melayu memandang tinggi dan menceburi bidang perniagaan secara aktif. Keseganan mereka bermiaga dan tawar-menawar sesama Melayu wajar dihapuskan.<sup>188</sup> Bagi *FS*, perniagaan dapat memperbaiki taraf dan peranan ekonomi Melayu. Lantaran itu, *FS* menyeru :

Ramahkan hati sesama bangsa  
Sama ada di negeri atau di desa  
Sokong menyokong buat biasa  
Supaya dapat senang sentosa

Angkatkan nama bangsa dan watan  
Datangkan faedah bagi kerajaan  
Penat dan lelah jangan hiraukan  
Apatah lagi malu dan supan.<sup>189</sup>

---

<sup>186</sup> *Fajar Sarawak*, 1 Februari 1930, hlm. 5.

<sup>187</sup> Ibid.

<sup>188</sup> Ibid.

<sup>189</sup> *Fajar Sarawak*, 1 Februari 1930, hlm. 3.

*FS* menyarankan masyarakat Melayu agar membantu peniaga Melayu memajukan perniagaan mereka. Ini dapat dilakukan dengan cara membeli dan melanggan barang yang dijual oleh peniaga Melayu. Dengan kerjasama ini, duit mereka tidak mengalir ke saku peniaga bangsa asing. Inilah konsep bantu-membantu dalam aspek perniagaan yang digagaskan oleh *FS*.<sup>190</sup> Lantaran itu, *FS* menyeru :

Wahai saudara-saudara sekalian tolonglah maju[kan] perniagaan bangsa kita supaya berkembang dan bercawanganlah kelak kejadiannya. Tuan-tuan saudara! Cubalah ambil fikiran sedikit buat keterangan dan keinsafan kepada diri kita. Jikalau orang-orang bangsa kita dapat kekayaan semua kita dapat kepujian – ya tidak.<sup>191</sup>

Lanjutan daripada seruan ini, ia mendapat reaksi langsung daripada “Bongsu”. Dalam rencananya, “Tambahkan Lagi Kedai Melayu”, beliau berkata :

Saya berasa ingin hendak melihat kedai-kedai Melayu di dalam pekan, kerana inilah masanya bangsa kita patut memulai membuat apa-apa perusahaan ... semenjak kezahiran Fajar Sarawak telah terselit sebuah kedai Melayu di dalam Carpenter Street ( kedai ini akan berpindah kepada rumah Nombor 62 Main Bazaar di dalam bulan ini juga, dan jualannya barang-barang makanan ). Sekarang sebuah gudang ubat pun telah dibuka oleh seorang bumiputera di dalam bandar ini. Maka lain daripada ini ada dua lagi kedai-kedai Melayu yang akan dibuka.<sup>192</sup>

---

<sup>190</sup> Idea ini juga dikemukakan oleh *Saudara*. Ia dinyatakannya bersalut dengan semangat anti Cinanya pula. Bagi *Saudara*, “menggalakkan membeli barang-barang makanan dan lainnya daripada kedai-kedai Cina itu samalah jua macam menggalakkan membeli racun yang membunuh kaum dan bangsa”. *Saudara*, 23 September 1933. Dipetik daripada Mohd. Syahir Othman, “Syed Sheikh Al-Hadi Dan Akhbar *Saudara* 1928-1941”, hlm. 101.

<sup>191</sup> *Fajar Sarawak*, 1 Februari 1930, hlm. 3.

<sup>192</sup> *Fajar Sarawak*, 1 Mac 1930, hlm. 6.

FS juga menyiarakan tulisan yang membimbing dan menggalakkan pemuda Melayu bergiat aktif dalam bidang pertanian. Misalnya, tulisan seorang penulis yang menggunakan nama samaran “Bumiputera” yang bertajuk “Kegunaan Nipah”. “Bumiputera” memberikan formula memanfaatkan nipah sebagai sumber pendapatan. Baginya, perusahaan nipah dapat dijalankan secara kecil-kecilan dan komersil. Mengusahakan nipah dapat menambahkan wang saku, meningkatkan taraf ekonomi Melayu dan menambahkan pendapatan negeri. “Bumiputera” menurunkan satu persatu kegunaan nipah sebagai panduan :

Mayangnya yang muda jika disadapi mengeluarkan tuak yang manis....

Tuak yang manis itu juga jika dimasak di dalam kuali besar nescaya menjadi gula merah yang dinamakan oleh orang Melayu Sarawak ‘gula apong’.

Tuak yang manis itu juga jika diperam di dalam tempayan nescaya di dalam empat lima hari boleh menjadi cuka.

Batangnya itu jika dibakar dan diambil abunya lalu direndam dalam air nescaya beku menjadi garam.

Daunnya yang tua itu boleh dibuat atap dinding rumah.

Daunnya yang muda itu boleh dibuat kajang, sumpit tikar, terendak, daun rokok dan lain-lain.

Tulang daunnya boleh dibuat penyapu.

Sutera yang di dalam batangnya itu boleh dibuat tali putih. Agaknya jika ditenun tentulah boleh menjadi kain juga.

Buahnya boleh dimakan dan dibuat manisan.

Kulit buahnya boleh dibuat berus.

Umbutnya boleh disayur dan diulam.

Pendeknya semua benda-benda yang diperbuat daripada nipah itu boleh jadi perniagaan kita di dalam pekan atau kiriman ke negeri-negeri lain.<sup>193</sup>

*FS* yakin masyarakat Melayu mampu meningkatkan taraf dan peranan ekonomi mereka. Teguran dan saranan *FS* menampakkan keberkesanannya. Masyarakat Melayu bersedia tolong-menolong dan sokong-menyokong antara satu dengan yang lain dalam aspek perniagaan. Mereka juga menunjukkan minat bermiaga dan tidak lagi segan tawar-menawar dengan peniaga Melayu.<sup>194</sup>

Untuk memajukan perniagaan Melayu, *FS* mencadangkan supaya mereka menu buhkan syarikat kerjasama. Ini dapat mengatasi masalah peniaga Melayu yang tidak mampu mengendalikan perniagaannya secara persendirian. Seperti katanya :

[K]alau tak mampu satu orang, cubalah ajak teman-teman berkongsi. Janganlah khuatir lagi, sebab sekarang nampaknya bangsa kita sudah mahu tolong-menolong, sokong-menyokong, pendeknya mereka sudah gemar berjual-beli sesama bangsa....<sup>195</sup>

*FS* memperlihatkan kepekaannya terhadap kemunduran ekonomi Melayu. Kayu ukur yang digunakan oleh *FS* ialah penglibatan mereka dalam kegiatan perniagaan. Selain mengkritik punca kemunduran ekonomi Melayu, *FS* juga mengemukakan saranan untuk

---

<sup>193</sup> *Fajar Sarawak*, 1 Februari 1930, hlm. 5.

<sup>194</sup> *Fajar Sarawak*, 1 Mac 1930, hlm. 6.

<sup>195</sup> *Ibid.*

menanganinya. ini mendorong *FS* mengkritik pemimpin Melayu dan golongan hartawan di samping orang Melayu. *FS* juga menggesa mereka mencontohi penglibatan Nabi Muhammad SAW dan kejayaan bangsa asing dalam kegiatan perniagaan.

Bagi *FS*, maruah Melayu juga ditentukan oleh taraf ekonominya. Kemunduran ekonomi Melayu menyebabkan mereka dipandang rendah oleh bangsa asing. *FS* menggesa masyarakat Melayu bersatu meluaskan peranan dan mempertingkatkan taraf ekonomi Melayu. Kejayaan mereka dalam bidang ekonomi umumnya dan perniagaan khususnya, akan meletakkan bangsanya setaraf dan setanding dengan bangsa asing. Oleh itu, *FS* menuntut masyarakat Melayu membina sikap progresif dan positif. Mereka juga digesa meninggalkan sikap negatif yang menyebabkan kemunduran ekonomi.

### **Pendidikan dan Ilmu Pengetahuan**

Masyarakat Melayu di Sarawak mempunyai sistem pendidikan tradisional sebelum zaman Brooke lagi. Ia dikelolakan oleh tok guru, imam dan lebai di kampung. Kelas agama dibuka di rumah pengelola, surau dan masjid. Subjek yang diajar bercorak keagamaan. Untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi, mereka di hantar ke Timur Tengah, Tanah Melayu dan Indonesia. Sistem pendidikan formal bermula apabila sekolah Melayu dibuka pada 1883. Ia dinamakan Sekolah Abang Kassim. Sebelum itu, masyarakat Melayu mempunyai sekolahnya sendiri iaitu Sekolah Encik Buyang. Ia didirikan pada 1861.

Pada 1894, Sekolah Kampung Gersik dibuka. Sehingga 1909, pelajar yang berdaftar di Sekolah Kampung Jawa dan Sekolah Kampung Gersik tidak melebihi 200 orang. Kesedaran masyarakat Melayu tentang kepentingan ilmu dan pendidikan masih belum meluas. Subjek yang diajar pula bersifat asas sahaja iaitu kemahiran 3M ( Membaca, Menulis dan Mengira ), ilmu alam dan tawarikh negeri Melayu. Bahasa Inggeris diajarkan tiga kali seminggu.

Pada 1903, Charles Brooke menubuhkan Sekolah Kebangsaan Sarawak. Antara subjek yang diajar ialah menulis jawi dan rumi, asas kira-kira, bahasa Melayu, Inggeris dan Cina, tatatertib dan adat kebudayaan Melayu. Ia diajarkan mengikut bahasa ibuanda masing-masing. Tujuan utamanya ialah mengekalkan kedudukan sistem tradisional penduduk di Sarawak berdasarkan identiti bangsa. Sistem sekolah ini bercorak sekular dan menekankan pendidikan vernakular. Subjek pertukangan dan perkebunan juga diajarkan.

Dalam tempoh 1903-1921, jumlah tertinggi kemasukan pelajar Melayu di Sekolah Kebangsaan Sarawak hanyalah 66 orang iaitu pada 1911. Kesemua pelajar tersebut terdiri daripada lelaki sahaja. Rekod tertinggi pelajar Cina pula ialah 174 orang, iaitu pada 1915. Ini termasuk pelajar perempuan. Sehingga 1921, tidak terdapat pelajar perempuan Melayu berdaftar di Sekolah Kebangsaan Sarawak. Pada 1930, hanya aliran Melayu sahaja yang dikekalkan. Aliran India dan Cina ditutup masing-masing pada 1911

dan 1920. Mutu pendidikan yang rendah menyebabkan Sekolah Kebangsaan Sarawak kurang mendapat sambutan daripada masyarakat Cina dan India.<sup>196</sup>

Sekolah Melayu perempuan mula dicadangkan sejak 1880-an lagi. Tetapi, ia cuma berjaya dibuka pada 1926. Tapak awalnya terletak di rumah Datu Bandar Abang Haji Abdillah. Dengan sokongan Vyner Brooke, sekolah Melayu perempuan pertama diasaskan pada 1930. Ia dinamakan Sekolah Permaisuri. Subjek asasnya bersifat 3M. Sekolah ini juga mengajarkan jahitan, masakan dan kerjatangan.

Tetapi, sambutan daripada masyarakat Melayu terhadap Sekolah Permaisuri masih belum memuaskan. Di sekolah Melayu yang lain ( campuran lelaki dan perempuan ), jumlah pelajar perempuan amat terbatas. Bilangan mereka tidak melebihi 5%. Ini menyebabkan kepentingan mereka terabaikan.<sup>197</sup>

Selain di Kuching, sekolah Melayu juga dibuka di luar Kuching. Ia bermula sejak awal abad ke-20. Sekolah Melayu yang pertama dibuka di Simanggang ialah Sekolah Abang

---

<sup>196</sup> Untuk perbincangan lanjut, rujuk Sabihah Osman, *Perkembangan Pelajaran Bumiputera Sarawak 1841-1941*, hlm. 43-79 dan “Keadaan Masyarakat Bumiputera Sarawak Pada Abad Kelapan Belas dan Awal Abad Kesembilan Belas”, hlm. 8-9. Syed Idrus Syed Ahmad dan R. Santhiram, *Perkembangan Pendidikan Di Sarawak*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1990, hlm. 35-99.

<sup>197</sup> Sabihah Osman, *Perkembangan Pelajaran Bumiputera Sarawak 1841-1941*, hlm. 61-63 dan “Pelajaran Anak-Anak Perempuan Bumiputera Di Sekolah-Sekolah Melayu Kerajaan Di Sabah dan Sarawak Pada Zaman Kompeni Berpiagam ( 1881-1941 ) dan Regim Brooke ( 1841-1941 ) – Satu Tinjauan”, *Malaysia In History*, Vol. XVIII, No. 2, December 1975, hlm. 1-8.

Aing. Ia dibuka pada 1903. Di Bintulu, sekolah Melayu pertama dibuka pada 1912. Di Oya, sekolah Melayu pertamanya ditubuhkan pada 1912. Sambutan awal terhadap sekolah Melayu di luar Kuching, umumnya juga kurang memuaskan.<sup>198</sup>

Selain sekolah Melayu, sambutan masyarakat Melayu terhadap sekolah mubaligh ( aliran Inggeris ) juga kurang memuaskan. Pada 1936, terdapat 47 buah sekolah mubaligh di Sarawak. Daripada sejumlah 3042 pelajar di sekolah mubaligh yang berdaftar pada 1936, hanya 1056 pelajar bumiputera. Bilangan pelajar Melayu hanya 241 orang sahaja berbanding pelajar Cina seramai 1823.<sup>199</sup>

Secara keseluruhannya, taraf sekolah Melayu masih rendah berbanding sekolah Inggeris dan Cina. Sambutan ibu bapa untuk memberikan pendidikan kepada anak perempuan pula kurang menggalakkan. Ini menyebabkan *FS* memberikan perhatian khusus terhadap ilmu pengetahuan dan pendidikan. Ia berkait rapat dengan kemajuan Melayu dan tanah airnya juga. *FS* meletakkan dua asas penting sebagai tema perbincangannya. Pertama, kepentingan ilmu pengetahuan. Kedua, usaha meningkatkan mutu pendidikan Melayu khususnya dan bumiputera umumnya.

---

<sup>198</sup> Sabihah Osman, *Perkembangan Pelajaran Bumiputera Sarawak 1841-1941*, hlm. 58-60.

<sup>199</sup> Ibid., hlm. 111.

Sejak keluaran pertamanya lagi, *FS* sememangnya mengambil berat kepentingan dan kedudukan masyarakat Melayu dalam aspek pendidikan.<sup>200</sup> *FS* menunjukkan keprihatinannya terhadap kepentingan ilmu pengetahuan. Ia penting dalam menentukan nasib dan masa depan mereka. Menyedari kepentingan ilmu, *FS* mahu mutu pendidikan Melayu terus ditingkatkan.<sup>201</sup>

*FS* sedar ketinggian ilmu pengetahuan dapat meletakkan bangsa Melayu setanding dengan bangsa asing. Dalam hubungan ini, *FS* menuntut Vyner Brooke agar peka terhadap masalah dan masa depan pendidikan Melayu.<sup>202</sup> *FS* juga menggesa pemimpin Melayu membela nasib dan masa depan masyarakat Melayu dalam aspek pendidikan. Ia meliputi pendidikan asas dan tinggi.<sup>203</sup>

Masyarakat Melayu yang mundur dalam aspek ekonomi, tidak wajar juga dibiarkan ketinggalan dalam aspek pendidikan. Untuk mempertingkatkan taraf ilmu dan pendidikan

---

<sup>200</sup> *Fajar Sarawak*, 1 Februari 1930, hlm. 7. Dalam himpunan sabdanya, Rasulullah SAW menegaskan, “Menuntut ilmu adalah wajib ke atas setiap muslim dan muslimah”. “Tuntutlah ilmu, sesungguhnya menuntut ilmu adalah mendekatkan diri kepada Allah, dan mengajarkannya kepada orang yang tidak mengetahui adalah sedekah”. “Orang yang berilmu itu adalah lebih utama daripada orang yang kuat beribadah, seumpama kelebihan bulan pernama mengatasi bintang gemerlap yang lain”. “Barang siapa merintis jalan mencari ilmu, maka Allah akan memudahkan baginya jalan ke syurga”. Untuk butiran lanjut, rujuk Muhammad Faiz Almatth, *Seribu Seratus Hadis Terpilih*, hlm. 255-263. Muhammad Noor Ibrahim ( et al. ), *Muqaddimah Mastika Hadith Rasulullah SAW*, hlm. 60-75.

<sup>201</sup> *Fajar Sarawak*, 1 Februari 1930, hlm. 7.

<sup>202</sup> Ibid.

<sup>203</sup> *Fajar Sarawak*, 1 Mac 1930, hlm. 6.

masyarakat Melayu, *FS* mencadangkan kepada Vyner Brooke dan pemimpin Melayu agar “memasukkan pengetahuan, kepandaian ke dalam anak-anak negeri sendiri atau dihantarkan mereka ke negeri asing”.<sup>204</sup>

*FS* menegaskan orang yang tidak berilmu adalah orang yang tidak memuliakan ilmu pengetahuan dan kebijaksanaan. Pemimpin yang tidak berilmu pula disifatkan oleh *FS* tidak layak memimpin. *FS* menyifatkan mereka sebagai pemimpin yang jahil. Tanpa ilmu, pemimpin tidak dapat memimpin dengan adil dan bijaksana.<sup>205</sup> Ini dijelaskan oleh *FS* dalam penegasannya :

Apabila ahli-ahli negerinya orang yang tiada berpengalaman sekurang-kurang mudharatnya ialah mereka itu tiada me[ng]hormatkan dan memuliakan ilmu pengetahuan dan kepandaian, oleh yang demikian tentulah menjadi kesusahan di atas orang yang berpengetahuan. Sedemikian juga apabila ketua mereka memutuskan bicara seorang itu tentulah dengan keputusan yang tiada boleh menyenangkan hati, lebih maklum me[ng]hukum dengan kemahuan hawa nafsu sendiri sahaja dengan tiada mengikut undang-undang Tuhan dan undang-undang dunia.<sup>206</sup>

Atas kesedaran pentingnya ilmu pengetahuan kepada anak negeri, *FS* mengaitkan ilmu pengetahuan dengan kemajuan. Untuk memajukan tanah air, *FS* menegaskan terlebih dahulu anak negeri dibekalkan dengan pelbagai ilmu pengetahuan. Mereka adalah

---

<sup>204</sup> *Fajar Sarawak*, 1 Februari 1930, hlm. 7.

<sup>205</sup> Abu Al-Ghaniah, “Kasihkan Tanah Air”, *Fajar Sarawak*, 1 Mac 1930, hlm. 7.

<sup>206</sup> Ibid.

generasi yang mewarisi dan berperanan sebagai penentu masa depan tanah airnya. *FS* sedar jika anak negeri miskin ilmu, mereka tidak akan berjaya memajukan tanah airnya.

Dalam konteks ini, kemajuan tanah air tidak semestinya bererti kemajuan anak negeri pula. *FS* merujuknya dari aspek kedudukan anak negeri yang mundur dan miskin di negerinya sendiri. *FS* tidak mahu anak negeri tersisih daripada memberikan sumbangan kepada kemajuan negeri. Lantaran itu, *FS* berkata :

[P]ada fikiran kita hendaklah ada banyak bumiputera mempunyai bermacam-macam pengetahuan dan kepandaian yang boleh memberi guna dan manfaat kepada tanah airnya dan diri mereka, dan menambahkan kehasilan, kemakmuran, kemashyuran dan kekayaan negeri dan pemerintahnya, sebab kemashyuran, kemakmuran, kekayaan dan keamanan pemerintah satu-satu negeri itu bergantung kepada kepandaian dan kekayaan anak-anak negerinya.<sup>207</sup>

Saranan ini mempunyai asasnya tersendiri kerana :

[B]olehkah maju sesebuah negeri itu jika anak negerinya masih bodoh dan masing-masing berpeluk tubuh, tiada menghiraukan apa-apa? Tidak – Tidak!<sup>208</sup>

Satu lagi aspek pendidikan yang disentuh oleh *FS* ialah kepentingan ilmu kepada anak perempuan.<sup>209</sup> Ia masih lagi diabaikan oleh masyarakat Melayu. *FS* menyedari

---

<sup>207</sup> *Fajar Sarawak*, 1 Februari 1930, hlm. 7.

<sup>208</sup> Ibid.

<sup>209</sup> Tuntutan *Fajar Sarawak* agar wanita Melayu diberikan hak mendapat pendidikan bukannya perkara baru. Ia telah disuarakan oleh Syed Sheikh Ahmad Al-Hadi dalam *Al-*

kepentingan dan peranan ibu yang berilmu mendidik anak-anak mereka. *FS* yakin ibu berperanan penting melahirkan generasi berilmu. Bagi *FS*, generasi yang cemerlang terbentuk hasil daripada didikan ibu yang berpendidikan juga. Atas kesedaran ini, *FS* menyeru agar “anak-anak perempuan itu wajiblah diberikan pelajaran yang berguna”.<sup>210</sup>

Seterusnya, *FS* berkata :

Ingatkan putera ingatkan puteri  
Didikkan dia sebilang hari  
Warna yang pucat supaya berseri  
Supaya mashyur ke sama ke mari.<sup>211</sup>

Kepentingan pendidikan kepada perempuan seperti yang disuarakan oleh *FS*, mempunyai perkaitannya tersendiri dengan kemajuan pendidikan perempuan Melayu di Tanah Melayu. Ia disorotinya melalui majalah *Bulan Melayu* yang diterbitkan oleh Persekutuan

---

*Ikhwan* ( 1926 ), *Hikayat Faridah Hanom* ( 1925 ) dan *Kitab Alam Perempuan* ( 1930 ). Menyusuri beliau, Ahmad Rashid Tahu yang menghasilkan *Kawan Benar* ( 1927 ) dan *Iakah Salmah?* ( 1928 ). Untuk perbincangan lanjut tentang idea emansipasi wanita, rujuk Ibrahim Abu Bakar, *Islamic Modernism In Malaya : The Life and Thought of Sayid Syekh al-Hadi 1867-1934*, University of Malaya Press, Kuala Lumpur, 1994, hlm. 141-153. Linda Tan, “Syed Shaykh : His Life & Times”, dalam Alijah Gordon ( ed. ), *The Real Cry of Syed Shaykh al-Hadi*, Malaysian Sociological Research Institute, Kuala Lumpur, 1999, hlm. 153-156. Merina Marican, “Sayed Shaikh Al-Hadi Dan Pendapat-Pendapatnya Mengenai Kemajuan Kaum Perempuan ( Sebagai Tersiar Di dalam Majallah Al-Ikhwan ), Latihan Ilmiah, B.A., Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1960, hlm. 19-47. Safian Hussain, “Ahmad Rashid Talu Dan Karya Sasteranya”, dalam Khoo Kay Kim dan Mohd. Fadzil Othman ( ed. ), *Sastera Dan Sasterawan*, Persatuan Sejarah Malaysia, Kuala Lumpur, 1980, hlm. 93-114. Kamaruzzaman Abd. Kadir, *Nasionalisme Dalam Puisi Melayu Moden 1933-1957*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1982, hlm. 23-26. Hasnah Hussiin, “Peranan Guru-Guru Melayu Dalam Memajukan Masyarakat Melayu 1900-1941”, Disertasi Sarjana, M.A., Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1999, hlm. 242-273.

<sup>210</sup> *Fajar Sarawak*, 1 Mac 1930, hlm. 6.

<sup>211</sup> *Fajar Sarawak*, 1 Februari 1930, hlm. 3.

Perempuan Melayu Johor. Betapa bangganya *FS* terhadap kejayaan Persekutuan Perempuan Melayu Johor menerbitkan majalah *Bulan Melayu*, diungkapkannya seperti berikut :

[I]sinya bermacam-macam pelajaran, adab, pengetahuan dan seruan yang sangat-sangat berfaedah pada masa ini. Inilah majalah perempuan yang pertama kali dilahirkan dalam Semenanjung Melayu ini. Oleh itu patutlah pada hari ini segala anak-anak Melayu Semenanjung bermegah-megahkan dirinya. Ya! Kita di Pulau Borneo pun begitu. Mudah-mudahan kiranya lanjut usia pada memberi guna kepada kaum perempuan....<sup>212</sup>

*FS* mahu anak perempuan Melayu di Sarawak mencontohi kejayaan Persekutuan Perempuan Melayu Johor. *FS* juga menggesa ibu bapa agar tidak mengabaikan pendidikan kepada mereka. *FS* menegaskan anak perempuan juga perlu diberikan pendidikan seperti lelaki kerana walaupun perempuan “lembut kejadiannya”, tetapi “keras kemahuannya”. Ini menyebabkan *FS* menyeru, “silalah bantu akan dia wahai sekalian saudara!”.<sup>213</sup>

Kepentingan “menuntutkan pelajaran yang berguna dan berfaedah bagi dunia dan akhirat” selari dengan peranan ilmu sebagai umbi kemajuan.<sup>214</sup> Ia disampaikan oleh Haji Daud Abdul Ghani semasa sesi penyampaian hadiah, sempena Majlis Khatam Al-Quran yang diadakan pada malam 28 Ramadhan bertempat di Masjid India Kuching. Majlis ini

---

<sup>212</sup> *Fajar Sarawak*, 16 Jun 1930, hlm. 5.

<sup>213</sup> Ibid.

<sup>214</sup> *Fajar Sarawak*, 1 Mac 1930, hlm. 6.

turut dihadiri oleh kira-kira 900 orang hadirin. Datu Syahbandar, Datu Hakim, Datu Menteri, Datu Bentara dan Ketua-ketua Kampung juga menghadirinya. Haji Daud Abdul Ghani juga menarik perhatian pemimpin Melayu agar berusaha memajukan taraf pendidikan Melayu.<sup>215</sup>

Bagi *FS*, taraf pendidikan Melayu juga dapat dimajukan oleh Vyner Brooke dengan dua cara. Pertama, meningkatkan mutu pendidikan sekolah Melayu. Kedua, menghantar pelajar Melayu yang cemerlang pencapaian akademiknya ke seberang laut atas pembiayaan kerajaan.<sup>216</sup>

*FS* menyokong usaha Vyner Brooke menghantar pelajar Melayu ke MPSI. *FS* menuntut Vyner Brooke supaya mengekalkannya. Ini membolehkan anak negeri memperdalam ilmu pengetahuan yang merangkumi sejarah, kebudayaan dan bahasa Melayu. *FS* juga menuntut Vyner Brooke menyediakan jawatan yang sewajarnya apabila mereka balik ke Sarawak nanti. *FS* berkata :

Sesudah kerajaan Sarawak yang maha murah menghantarkan murid-murid sekolah Inggeris ke Singapura untuk melanjutkan pelajaran yang lebih tinggi lagi di dalam tahun yang lalu dengan ditanggung perbelanjaannya, maka berhadap lagi fikiran kerajaan akan menghantarkan anak-anak sekolah Melayu ke kolej Tanjung Malim [MPSI] untuk melanjutkan pengetahuan di dalam ilmu Melayu.

---

<sup>215</sup> *Fajar Sarawak*, 16 Jun 1930, hlm. 5.

<sup>216</sup> *Fajar Sarawak*, 1 Februari 1930, hlm.7.

Dan apabila baliknya kelak akan diberi jawatan yang munasabah.<sup>217</sup>

Untuk membela pelajar Melayu yang menuntut dalam sekolah Inggeris pula, *FS* mengkritik dasar Vyner Brooke kerana tidak memberikan hak dan keistimewaan khusus kepada mereka. Ini menyebabkan mereka sukar mendapat peluang melanjutkan pelajaran ke luar negeri. Hal ini dapat dilihat ketika *FS* melahirkan kekesalannya terhadap nasib pelajar Melayu yang gagal mendapatkan biasiswa di peringkat rendah dan menengah untuk melanjutkan pelajaran ke Singapura. *FS* terkilan kerana tidak ada pelajar Melayu yang layak menduduki dua ujian kelayakan yang diadakan pada Disember 1927 dan 1929. Sebaliknya, kesemua peluang tersebut jatuh ke tangan pelajar Cina dan Nasrani.<sup>218</sup>

*FS* berkata :

Seorang pun tidak ada budak Melayu, pada hal bangsa kitalah yang sangat-sangat dahaga dan berhajat kepada pengetahuan tinggi itu kerana, kitalah sebenar-benar asal putera bumi Sarawak ini. Maka dari itu tentulah bangsa kita yang lebih layak, dan patut menerima scholarship itu, tapi apa boleh buat....<sup>219</sup>

---

<sup>217</sup> Ibid. Sanib Said berpendapat penghantaran pelajar Melayu ke MPSI adalah hasil desakan *Fajar Sarawak*. Ini tidak tepat kerana kerana *Fajar Sarawak* diterbitkan pada 1 Februari 1930. Tetapi, ujian kelayakan untuk memilih pelajar Sekolah Kebangsaan Sarawak diadakan pada 22 Januari 1930, iaitu dua minggu sebelum penerbitan sulung *Fajar Sarawak*. *Fajar Sarawak* hanya menegaskan sokongannya terhadap dasar Vyner Brooke membayai pelajaran anak negeri ke seberang laut. Sanib Said, “Melayu Di Bawah Brooke 1841-1941”, hlm. 95.

<sup>218</sup> *Fajar Sarawak*, 1 Februari 1930, hlm. 7.

<sup>219</sup> Ibid.

Kepada cadangan pembinaan sekolah tinggi anak negeri yang dinamakan Kolej Melayu Vyner Brooke, FS berharap Vyner Brooke mengutamakan anak-anak negeri yang berkelayakan sebagai tenaga pengajar dan kakitangan pentadbirannya. FS mahu mereka diberikan keutamaan berkhidmat di kolej tersebut. Dengan bernada bersahaja, FS berkata, “siapakah guru kolej itu kelak?”<sup>220</sup>

FS juga menyedari betapa pentingnya menanamkan budaya membaca dan mencintai ilmu pengetahuan di kalangan masyarakat Melayu. FS mempromosikan bahan bacaan seperti buku, akhbar dan majalah. FS juga memberikan latar belakang ringkas bahan bacaan yang diterimanya. Antaranya *Dunia Melayu*, *Idaran Zaman*, *Fajar Islam*, *Bintang Islam*, *Bulan Melayu*, *Real Islam*, *Dewan*, *Pengajaran Solat dan Pelajaran Sembahyang*. Terdapat juga *Kitab Perbendaharaan Ilmu Kurun 14 M*, novel *Jon Abram*, *Kenchana* dan *Suara Aceh*.<sup>221</sup>

FS juga menyeru masyarakat Melayu agar rajin membaca dan membeli pelbagai bahan bacaan termasuklah akhbar. Akhbar yang dimaksudkan bukan semata-mata FS. Ia merangkumi bahan bacaan yang ada dalam pasaran negeri dan luar negeri. FS menyifatkan orang yang gemar membaca akhbar dan majalah sebagai orang yang mencintai bangsa dan tanah airnya. Pada hemat penulisnya, Johari Anang, FS juga

---

<sup>220</sup> *Fajar Sarawak*, 16 Jun 1930, hlm. 1.

<sup>221</sup> *Fajar Sarawak*, 1 Jun 1930, hlm. 5 dan 16 Jun 1930, hlm. 5.

penting dibaca. Ia adalah satu-satunya akhbar Melayu di Sarawak. *FS* juga merupakan akhbar yang memperjuangkan nasib dan masa depan mereka.<sup>222</sup>

Johari Anang turut menyelar sikap orang Melayu yang enggan membeli akhbar kerana kedekut dan bakhil.<sup>223</sup> Johari Anang menyifatkan mereka seperti budak yang berumur empat tahun. Mereka tidak matang, tandus pengetahuan, hanya suka bersukaria dan tidak memikirkan masalah dan masa depan Melayu. Johari Anang menegaskan :

Orang yang suka membaca surat-suratkhabar dan majalah-majalah itu ialah orang-orang yang berperasaan kasih-sayang kepada kaum bangsanya.

Tidak menjadi miskin kepada seseorang mengeluarkan sepuluh lima belas sen kerana membeli surat-suratkhabar bangsanya.

Orang yang tak suka membaca surat-suratkhabar itu samalah juga dengan budak-budak yang baru berumur empat tahun.<sup>224</sup>

*FS* juga menyiarkan kejayaan pelajar Melayu yang mendapat kejayaan cemerlang dalam peperiksaan.<sup>225</sup> Ini termasuklah pelajar Melayu yang berjaya terpilih melanjutkan pelajaran ke seberang laut. *FS* tidak hanya menyiarkan kejayaan pelajar Melayu aliran Melayu, aliran Arab bahkan pelajar Melayu aliran Inggeris. Bagi *FS*, walau dalam aliran mana pun mereka menuntut ilmu, mereka tetap anak Melayu yang wajar dicontohi.

---

<sup>222</sup> *Fajar Sarawak*, 16 Jun 1930, hlm. 2.

<sup>223</sup> Ibid.

<sup>224</sup> Ibid.

<sup>225</sup> *Fajar Sarawak*, 1 Februari 1930, hlm. 7.

Kepentingan ilmu dan pendidikan kepada masyarakat Melayu jelas diberikan perhatian khusus oleh *FS*. Ia memperlihatkan kesedaran *FS* terhadap peranan ilmu terhadap kemajuan Melayu. Masalah dan masa depan pendidikan Melayu yang diperkatakannya, menunjukkan kepekaannya membela hak dan kepentingan orang Melayu. Dengan ketinggian ilmu dan kemajuan pendidikan, orang Melayu bukan sekadar dapat memberikan sumbangan terhadap kemajuan tanah airnya, bahkan mengangkat maruah mereka setanding dengan bangsa asing.

### **Tanah Simpanan Melayu**

Undang-undang tanah di Sarawak mula diperkenalkan pada 1863. Ia dikenali sebagai Undang-Undang Tanah 1863. Pada awal 1900-an, Charles Brooke menggalakkan kemasukan beramai-ramai orang Cina ke Sarawak. Dua kawasan yang menjadi tumpuan ialah Sibu dan Kuching. Kebanjiran orang Cina di Sibu khususnya, menyebabkan tanah bumiputera terancam. Undang-Undang Tanah 1863 tidak mempunyai peruntukan khusus untuk melindungi tanah bumiputera.

Ia dipinda pada 1920 untuk melindungi tanah bumiputera daripada jatuh ke tangan bangsa asing, terutamanya orang Cina. Melalui Peruntukan No. VII dan IX pula, tiga jenis tanah diperkenalkan iaitu Tanah Bandar dan Sub Bandar, Tanah Negeri dan Tanah Bumiputera. Berdasarkan peruntukan ini, 1.2 hektar tanah diberikan kepada bumiputera yang memohon.

Ia tidak dikenakan cukai dan diberikan secara percuma.<sup>226</sup> Pindaan undang-undang tanah ini tidak mendefinisikan takrif bumiputera secara jelas. Ia masih belum kukuh untuk melindungi tanah bumiputera.

Dalam tempoh sedekad selepas penguatkuasaan Undang-Undang Tanah 1863 ( pindaan 1920 ), orang Melayu di Kuching pula menghadapi ancaman tanah. Proses perbandaran dan ekonomi yang berkembang pesat pada awal abad ke-20, disusuli pembukaan penempatan dan pusat komersil baru menyebabkan harga tanah melambung tinggi. Perkembangan ini tidak menguntungkan orang Melayu khususnya dan bumiputera umumnya.

Mereka terus terpinggir dan ketinggalan daripada arus kemajuan. Harga tanah melambung tinggi, iaitu daripada \$2.00 seekar menjadi beribu-ribu ringgit. Tawaran harga yang tinggi mengaburi mata orang Melayu. Ini menyebabkan orang Melayu menjual tanah dan kebun kepada bangsa asing.<sup>227</sup>

Tindakan bangsa asing membeli tanah dan kebun orang Melayu disifatkan oleh FS seperti tikus di dalam gudang beras. Ia menebuk guni beras dan memakannya dengan sesuka hati tanpa halangan. FS berkata :

---

<sup>226</sup> Untuk perbincangan lanjut, rujuk Vernon L. Porrit, *British Colonial Rule in Sarawak 1946-1963*, hlm. 264-281. A. F. Porter, *Land Administration in Sarawak*, Sarawak Government Printing, Kuching, 1947. A.J.N. Richard, *Land Law and Adat*, Sarawak Government Printing, Kuching, 1961.

<sup>227</sup> *Fajar Sarawak*, 1 Jun 1930, hlm. 3.

[A]pabila kita perhatikan hal-hal bangsa asing seperti Cina, Jepun, dan lainnya yang datang di negeri kita ini berbuat-buat mengambil dan membuka tanah macam tikus di dalam gedung beras rupanya....<sup>228</sup>

Masalah ini berlaku di Kampung Jawa Nombor 1, Jalan Nenas, Jalan Pisang dan Jalan Gelam.<sup>229</sup> *FS* menyedari tindakan menjual tanah dan kebun merugikan orang Melayu. Tanah sangat penting kerana ia merupakan benteng ekonomi Melayu. Jika tanah dan kebun orang Melayu dibiarkan jatuh ke tangan bangsa asing secara berterusan, ia mengancam kepentingan dan masa depan generasi akan datang juga.

Pemimpin Melayu pula tidak berusaha menyelamatkan hak dan kepentingan tanah orang Melayu. Vyner Brooke juga tidak menangani secara berkesan ancaman tanah dan kebun orang Melayu. Bagi *FS*, Vyner Brooke dan pemimpin Melayu mesti mengambil berat masalah dan masa depan tanah Melayu. Ini kerana :

Suka [kah] kita! Jika sekiranya kehidupan anak cucu kita yang di belakang hari kelak sebagai kehidupan anak-anak dagang yang menumpang atau menyewa di loteng-loteng pasar pada hal di dalam negeri kita sendiri? Gemarkah kita! Lamun sekiranya anak cucu kita kelak berteraburan di segenap hutan rimba yang jauh-jauh dan gunung yang tinggi pada hal bangsa lain seperti Cina dan lainnya diam di dalam bandar? Bersukacitakah kita!<sup>230</sup>

---

<sup>228</sup> *Fajar Sarawak*, 1 Jun 1930, hlm. 3.

<sup>229</sup> Ibid.

<sup>230</sup> Ibid.

Untuk menyelamatkan tanah dan kebun orang Melayu, *FS* mencadangkan supaya Vyner Brooke memperuntukkan tiga ekar Tanah Rezab Melayu kepada setiap pemohon. *FS* mahu tanah tersebut dikecualikan daripada cukai, tidak boleh dijual dan digadai kepada bangsa asing. Cadangan ini dibuat oleh *FS* berdasarkan kepada empat asas :

1. Supaya membanyakkan anak-anak negeri mempunyai tanah jadi senanglah kerajaan apabila hendak melebarkan amarah [kemakmuran] negeri dan memasukkan saudagar-saudagar yang hendak membuka tanah.
2. Supaya menahankan [menyekat] tanah-tanah orang Melayu daripada terjual.
3. Boleh meringankan sedikit kesesakan kehidupan mereka oleh sebab tiada dapat pekerjaan sebab tanah yang tiga ekar itu kita fikir dikebunkan dengan apa-apa tanaman bolehlah mencukupi pemakanan dengan sekadarnya.
4. Boleh menambahkan sedikit kehasilan daripada pemerintah kita kerana apabila tanah-tanah yang banyak kosong di negeri kita ini telah diperbuat kebun tentulah kehasilan daripada keluarannya boleh menolong kepada pemerintah kita dan menyenangkan anak-anak negeri jua.<sup>231</sup>

*FS* menegaskan Vyner Brooke wajar memperuntukkan Tanah Rezab Melayu kerana mereka membuktikan kesetiaan terhadap Brooke. Permohonan Tanah Rezab Melayu ini, menurut *FS* mencontohi usaha dan kejayaan Persatuan Melayu di Singapura dan Pulau Pinang.<sup>232</sup> Bagi *FS*, jika British bersedia memperuntukkan Tanah Rezab Melayu di

---

<sup>231</sup> *Fajar Sarawak*, 1 Jun 1930, hlm. 3.

Singapura dan Pulau Pinang, Brooke juga wajar mengikutinya demi melindungi kepentingan dan masa depan tanah orang Melayu. *FS* menyeru :

Kita harap kepada anak-anak Melayu Sarawak silalah hari ini memohonkan kepada pemerintah kita yang maha pemurah akan tanah pusaka itu kerana pemerintah kita yang maha murah memang suka menolong hamba rakyatnya di atas apa jua yang boleh mendatangkan manfaat kepada mereka itu sementara tanah-tanah kosong masih banyak di negeri kita.<sup>233</sup>

*FS* menggesa orang Melayu bertindak segera memohon Tanah Rezab Melayu kerana :

Sungguh benar pada masa kita ini ada banyak lagi tanah-tanah kosong di negeri kita ini tetapi patut diingat pada masa anak cucu kita kelak, kerana pada fikiran kita dibelakang hari kelak tentu susah mencari tanah-tanah kosong lagi, sekiranya ada tentu jauh dari bandar.<sup>234</sup>

Lantaran itu, *FS* mengingatkan :

Bersukacitakah kita! Jika sekiranya anak cucu kita kelak telah hampa tangannya atau tiada mempunyai sebidang tanah atau kebun-risun pada hal bangsa asing seperti Cina yang mula-mula datangnya ke negari kita hanya membawa segulung tikar telah mempunyai berpuluhan-puluhan ekar tanah dan kebun-risun dan berpuluhan buah rumah batu di negeri

---

<sup>232</sup> Ibid. Untuk perbincangan lanjut tentang isu Tanah Rezab Melayu yang dibangkitkan oleh *Al-Imam, Saudara, Majallah Guru* dan *Majlis*, rujuk Ahmad Nazri Abdullah, *Melayu dan Tanah : Tumpuan Khas Kepada Tanah Simpanan Melayu*, Media Intelek Sdn. Bhd., Petaling Jaya, 1985, hlm. 194-206. Tentang usaha Kesatuan Melayu Singapura membela kepentingan tanah orang Melayu di Singapura, rujuk William R. Roff, *Nasionalisma Melayu*, hlm. 245-248.

<sup>233</sup> *Fajar Sarawak*, 1 Jun 1930, hlm. 3.

<sup>234</sup> Ibid.

kita. Sekarang bangunlah wahai bangsaku! Sedarlah ayuhai saudaraku!<sup>235</sup>

Masalah ancaman tanah dan kebun orang Melayu seperti yang disuarakan oleh FS, turut mengesani Vyner Brooke. Ia juga menyedarkan pemimpin dan orang Melayu tentang kepentingan dan masa depan tanah mereka. Walaupun Vyner Brooke tidak mewartakan Tanah Rezab Melayu seperti di Tanah Melayu, Vyner Brooke meminda lagi Undang-Undang Tanah 1863 ( pindaan 1920 ). Melalui pindaan 1931, Peruntukan No. 2, Bahagian 4, satu lagi kategori tanah diwujudkan iaitu Tanah Kampung dan Desa. Ia bertujuan melindungi tanah orang Melayu khususnya dan bumiputera umumnya.

Istilah “bumiputera” juga didefinisikan dengan jelas dalam Jadual B. Ia didefinisikan sebagai “penduduk tertentu yang disenaraikan kecuali Cina, India, Eropah dan anak berdarah campuran yang tidak ada kaitannya dengan bumiputera walaupun mereka dilahirkan di Sarawak”.<sup>236</sup> Inilah kali pertama takrif bumiputera termaktub di sisi undang-undang negeri. Pindaan 1933 pula memperkuatkan lagi kedudukan tanah bumiputera. Ia diisyiharkan sebagai hak milik mereka dan tidak ada penduduk bukan bumiputera yang diberikan hak memiliki.

Dasar melindungi tanah bumiputera diteruskan oleh British melalui Ordinan Tanah No. 19/1948. British membahagikan tanah kepada lima kategori iaitu Tanah Zon Campuran,

---

<sup>235</sup> Ibid.

<sup>236</sup> Vernon L. Porrit, *British Colonial Rule in Sarawak 1946-1963*, hlm. 265.

Tanah Lingkungan Bumiputera, Tanah Adat Bumiputera, Tanah Simpanan Negeri dan Tanah Lingkungan Pedalaman.<sup>237</sup> Ia lebih menjamin kepentingan tanah bumiputera berbanding zaman Brooke. Tindakan susulan Vyner Brooke dan British dari 1931-1948, memenuhi harapan dan seruan *FS* agar kerajaan melindungi tanah bumiputera umumnya dan Melayu khususnya.

---

<sup>237</sup> Ibid., hlm. 265-269.